

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PENDIDIKAN LUQMAN AL-HAKIM : KAJIAN AYAT
NASIHAT DAN BIMBINGAN SURAH LUQMAN**



**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2017**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

AZAWIAH ABDULLAH

calon untuk Ijazah SARJANA
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

PENDIDIKAN LUQMAN AL-HAKIM: ANALISIS TERHADAP AYAT-AYAT NASIHAT
DAN BIMBINGAN SURAH LUQMAN

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : 17 Mei, 2016.

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
May 17, 2016.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Shukri Ahmad

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Muhamad Amar Mahmad

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyalia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyalia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date) May 17, 2016

Kebenaran Penggunaan Tesis

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi keperluan ijazah tinggi dari Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti membenarkan tesis ini dibaca. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin tesis ini dalam apa jua bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau bahagian-bahagian tertentu untuk tujuan ilmiah diberikan oleh mana-mana penyelia saya atau Dekan Penyelidikan Inovasi. Adalah difahami bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan tesis ini atau mana-mana bahagiannya untuk tujuan mendapatkan keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahami juga bahawa pengiktirafan hendaklah diberikan kepada asalnya dan Universiti Utara Malaysia di atas penggunaan bahagian-bahagian daripada tesis ini sebagai bahan ilmiah. Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam tesis ini tidak boleh diterbitkan, disimpan dalam cara boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada :

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Art and Sciences
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Abstrak

Pendidikan Luqman al-Hakim adalah salah satu metod pendidikan yang telah ditulis dalam al-Quran. Kejayaan dan keberkesanan sesuatu proses pendidikan adalah sangat bergantung kepada golongan pendidik. Namun pada hakikatnya profesion perguruan telah menjadi batu loncatan untuk mendapatkan pekerjaan, seterusnya melahirkan sikap kurang minat mengajar dan tidak serius dalam menjalankan tugas. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti ciri peribadi dan kepimpinan Luqman al-Hakim sebagai contoh pendidik yang telah disebut di dalam al-Quran. Dalam pada itu, kajian ini mengkaji ayat pengajaran dan bimbingan menurut para mufasirin berdasarkan Surah Luqman yang boleh dijadikan panduan kepada para pendidik. Seterusnya kajian ini juga menganalisis tentang pendidikan Luqman dari aspek tauhid, tarbiyah, sosial dan akhlak bagi membentuk personaliti pendidik yang sebenar. Data yang dikumpulkan melalui kajian dokumentasi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan melalui proses induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa ayat dalam surah Luqman mengemukakan ciri-ciri personaliti seorang pendidik yang ideal. Antaranya, amanah, sentiasa bersyukur, tinggalkan perkara yang tidak berfaedah, memberikan pengajaran melalui perbuatan secara langsung dan tidak langsung, sentiasa berhikmah, mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkarana. Semua ciri ini perlu diaplifikasi oleh pendidik supaya matlamat pendidikan tercapai.

Kata kunci:Luqman al-Hakim, Personaliti pendidik, Surah Luqman



Abstract

Luqman Al-Hakim education is one of the educational methods written in the Quran. The success and effectiveness of a learning process have high dependency on the educators. But the fact that the teaching profession has become a stepping stone to get a job, which then led to the lack of interest in teaching and unserious in carrying out the task. Therefore, this study was conducted to identify the personal and leaderships characteristics of Luqman al-Hakim one of the educators who has been mentioned in the Quran. In the meantime, this study examines the lessons and guidance from the verses of Surah Luqman by following the *mufasirin* that can be used as a guide to the educators. The study also analyzed on Luqman's lesson from the aspect of faith, tarbiyah, social and moral to form a real personality of an educator. The data was collected through document review analysis using content analysis through inductive and deductive processes. The study found that the verses in Surah Luqman presented personal characteristics of an ideal educator. Among them are trusts, always feel grateful, leave unbeneficial things, teach directly and indirectly through actions, always be wise, enjoy into goodness and forbid evils. All these features must be practiced by educators to achieve the goals of education.

Keywords: Luqman al-Hakim, Personality of an educator, Surah Luqman



Penghargaan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan ilmu dan kekuatan. Juga selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan seluruh kaum muslimin dan muslimat yang sentiasa menegakkan kalimah Allah di muka bumi ini.

Setinggi –tinggi penghargaan saya tujukan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Mohd. Nizho Abdul Rahman di atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini. Pandangan dan cadangan yang diberikan oleh beliau banyak membantu di dalam menyiapkan kajian ini. Beliau juga sentiasa memberi peluang untuk memperbaiki draf kajian ini berulang kali sehingga memenuhi keperluan kajian tahap sarjana.

Seterusnya rakan-rakan dan sahabat-sahabat yang sama-sama berjuang, berjihad dalam bidang ilmu yang sentiasa memberikan sokongan dan membangkitkan semangat ketika saya merasa cukup lemah dan merasa amat kerdil, untuk menamatkan kajian yang dilakukan ini. Terima kasih diucapkan kepada anda semua di atas sokongan dan dorongan yang diberikan.

Seterusnya tidak lupa kepada Hasan bin Mat suami yang tercinta yang sentiasa berdiri di sisi dikala senang dan susah, anak-anak yang dikasih Muhammad Muaz dan Lutfiah Hannani yang terpaksa bersabar kerana kekurangan masa bersama.

Tidak lupa ibu dan ayah yang sentiasa mendoakan yang terbaik untuk anak ini, kepada seluruh kaum keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan semangat sehingga tesis ini berjaya disiapkan.

Semoga Allah membala segala budi baik kalian semua.

Azawiah binti Abdullah
Ijazah Sarjana
UUM Sintok

Senarai Kandungan

Kebenaran Penggunaan Tesis.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Rajah	ix
Senarai Singkatan	x
BAB SATU.....	1
PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	11
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian.....	19
1.5 Objektif Kajian.....	19
1.6 Kepentingan Kajian.....	19
1.7 Skop Kajian.....	20
1.8 Penutup.....	20
BAB DUA.....	21
ULASAN KARYA.....	21
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Kajian Terdahulu.....	21
2.3 Pengenalan Surah Luqman.....	28
2.4 Pengertian Pendidik dan Pendidikan.....	31
2.5 Perbezaan Antara Pelajaran Dan Pendidikan(Tarbiyyah)	35
2.6 Komunikasi Dalam Pendidikan.....	43
2.7 Penutup.....	47
BAB TIGA	49
LATAR BELAKANG TOKOH.....	49
3.1 Pendahuluan	49
3.2 Pengenalan Luqman Al-Hakim	49
3.3 Luqman Al-Hakim Menurut Tafsiran al-Quran	52
3.4 Luqman Al-Hakim Menurut al-Hadis	58

3.5 Sifat Peribadi Luqman Al-Hakim	60
3.6 Nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya berdasarkan ayat 12-19.	64
3.7 Penutup.....	67
BAB EMPAT	69
METODOLOGI KAJIAN.....	69
4.1 Pendahuluan	69
4.2 Reka bentuk Kajian	70
4.3 Metode Penentuan Subjek.....	70
4.4 Metode Pengumpulan Data	70
4.5 Kajian Dokumentasi	70
4.6 Metode Analisis Data	71
4.6.1 Kaedah Induktif.....	71
4.6.2 Kaedah Deduktif.....	72
4.7 Carta Alir Proses Penyelidikan	74
4.8 Penutup.....	74
BAB LIMA.....	75
NASIHAT DAN BIMBINGAN LUQMAN AL-HAKIM	75
DALAM SURAH LUQMAN AYAT 12-19.....	75
5.1 Pendahuluan	75
5.2 Model Pendidikan Luqman.....	75
5.3 Sebab-sebab turunnya Surah Luqman.....	76
5.4 Sebab-sebab turunnya Ayat Nasihat Dan Bimbingan.	80
5.5 Nasihat Dan Bimbingan Luqman Al-Hakim Dalam ayat 12-19.	82
5.5.1 Tafsir ayat 12	82
5.5.1.1 Analisa ayat 12	88
5.5.2 Tafsir ayat 13.....	91
5.5.2.1 Analisa ayat 13	98
5.5.3 Tafsir ayat 14.....	110
5.5.3.1 Analisa ayat 14	116
5.5.4 Tafsir ayat 15.....	121
5.5.4.1 Analisa ayat 15	126
5.5.5 Tafsir ayat 16.....	127
5.5.5.1 Analisa ayat 16	132
5.5.6 Tafsir ayat 17.....	136
5.5.6.1 Analisa ayat 17	143
5.5.7 Tafsir ayat 18.....	150

5.5.7.1 Analisa ayat 18	155
5.5.8 Tafsir ayat 19.....	159
5.5.8.1 Analisa ayat 19	165
5.6 Penutup.....	166
BAB ENAM	168
PENDIDIKAN LUQMAN AL-HAKIM	168
DALAM ASPEK KEHIDUPAN.....	168
6.1 Pendahuluan	168
6.2 Pendidikan Luqman dalam aspek tauhid.....	168
6.2.1 Suruhan Bersyukur kepada Allah SWT.....	171
6.2.2 Larangan Mempersekutukan Allah SWT.....	172
6.2.3 Pembinaan Ibadah kepada anak-anak.....	173
6.2.4 Suruhan Mendirikan Solat.....	174
6.3 Pendidikan Luqman dalam aspek tarbiyah.....	176
6.3.1 Tarbiyah Luqman al-Hakim	177
6.4 Pendidikan Luqman dalam aspek Sosial	183
6.4.1 Pendidikan Sosial Luqman al-Hakim	183
6.4 Pendidikan Luqman dalam aspek akhlak	193
6.4.1 Pendidikan Akhlak Luqman al-Hakim.	193
6.5 Penutup.....	198
BAB TUJUH	199
RUMUSAN DAN CADANGAN	199
7.1 Rumusan.....	199
7.2 Cadangan	202
7.3 Penutup.....	203


Senarai Rajah

- i. Carta Alir Proses Penyelidikan.....74



Senarai Singkatan

AS	alaihissalam
bil.	bilangan
jil.	jilid
ptrj.	Penterjemah
RA	radiya Allah ‘anh
SAW	<i>salla Allah ‘alaih wassalam</i>
SWT	<i>subhanahu wa ta’ala</i>
t.pt.	tiada penerbit
t.th	tiada tarikh
t.tp	tiada tempat
t.t.	tiada tajuk.




UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi dan RasulNya yang terakhir yang dijamin kekal sampai hari kiamat. Di dalamnya terkumpul wahyu llahi yang menjadi petunjuk, pedoman dan pengajaran bagi seluruh umat Islam yang mempercayainya serta mengamalkannya. Mereka yang mempercayai Al-Quran akan bertambah cinta kepadanya, cinta untuk membaca, mempelajari dan memahami isi kandungannya serta mengamalkan ajarannya dan mengajarkannya pula kepada orang lain.



Pendidikan yang berkesan dalam membentuk keimanan kepada Allah SWT ialah mendidik dengan memberi bimbingan, dan mengingatkan dengan memberi nasihat. Oleh itu tidak hairanlah ayat-ayat yang terkandung di dalam Al-Quran terdiri dari ayat-ayat yang berulang-ulang pada beberapa peristiwa dengan bebagai-bagai petunjuk dan bimbingannya. Di antara tujuan diturunkan Al-Quran adalah untuk membersihkan jiwa manusia. Tidak ada keberuntungan di dunia dan di akhirat, selain dengan membersihkan jiwa (Yusuf Qardhawi, 1999).

Sumber utama bagi umat Islam adalah Al-Quran. Al-Quran merupakan salah satu bahan rujukan yang diwahyukan kepada Nabi SAW sebagai wakil bagi seluruh umat manusia di dunia supaya tunduk dan akur kepada Tuhan Yang Esa. Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT melalui perantaraan malaikat, bagi membolehkan manusia menjalani kehidupan dengan berlandaskan wahyu Allah SWT tanpa

melakukan kebinasaan di dunia dan menjamin kebahagiaan hidup di akhirat. Al-Quran dapat membimbing seluruh umat manusia mengenal Allah SWT tuhan yang sebenar bagi menjurus kepada suatu kehidupan, bagi mencari erti sebagai kebahagiaan, kedamaian, keputihan, kejernihan dan kesucian hidup di dunia dan di akhirat (Mohd. Syamil Mohd. Yusof, 2010).

Al-Quran yang penuh hikmah, berbicara kepada setiap orang sesuai dengan keperluan masing-masing dan menunjuki jalan yang lurus yang harus dilalui oleh mereka.

Al-Quran ialah sebuah manhaj yang mengarahkan potensi manusia kepada jalan yang baik dan benar. Demikian pula mengatur satu nilai hidup yang menghargai kreativiti atau fitrah manusia, yang tetap terbingkai dalam batasan manhaj yang penuh hikmah (Syaikh Mahmud bin Ahmad, 2006) seperti termaktub dalam Al-Quran :

Surah AnNisa', Ayat 174:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءُكُمْ بُرْهَنٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا

Maksudnya: “Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (Al-Quran) sebagai Nur (cahaya) yang menerangi (segala apa juu yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak)

Surah Ibrahim, Ayat 1:-

الرَّ كِتَابُ أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ
بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾

Maksudnya: "Alif, Laam, Raa'. ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (Wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji."

Al-Quran mengajak kita ke jalan yang terang, yang jelas membawa kepada tujuan akhir. Jalan ini dengan sendirinya adalah jalan yang memberikan jawapan-jawapan yang benar kepada keinginan fitrah kita dan sesuai dengan pandangan fikiran yang sihat, yang dalam Islam di sebut agama "fitrah". Al-Quranul Karim menyeru manusia agar kembali kepada fitrah mereka dan menerima kebenaran, yang bererti kita haruslah mempersiapkan diri kita untuk menerima kebenaran itu tanpa syarat, dan memegang apa yang kita lihat sebagai kebenaran dan yang bermanfaat bagi kita di dunia ini dan di akhirat nanti, serta mengabaikan godaan syaitan dan keinginan hawa nafsu kita (Muhammad Husain Thabathaba'i, 1992).

Menurut Noraine Abu (2008), Mukjizat menurut erti bahasa Arab, ialah yang melemahkan dan menurut istilah agama ialah sesuatu yang dapat melemahkan lawan atau mengalahkan kecerdikan dan kekuatan musuh, kerana keadaannya sangat menyalahi adat kebiasaan yang telah ada. Melemahkan kekuatan lawan, baik zahir maupun batin, baik kekuatan badan maupun kekuatan fikiran, untuk membandinginya, mengimbanginya, menyerupainya dan bahkan menolaknya. Maka

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar dari Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW.

Firman Allah SWT:

وَقَالُوا لَوْلَا أَنْزَكَ عَلَيْهِ أَيْتَ مِنْ رَبِّهِ قُلْ إِنَّمَا أَنَّمَا آتَيْتُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Dan mereka (orang-orang kafir Mekah) berkata, “Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) mukjizat-mukjizat dari Tuhanmu? Jawablah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya (urusan menurunkan mukjizat-mukjizat itu adalah tertentu bagi Allah, dan aku hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata.” (Surah al-Ankabut: 50)

Al-Quran adalah mukjizat terbesar yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW sehingga orang-orang Arab hanya menyebut-nyebut mukjizat ini sahaja walaupun terjadi mukjizat lain yang tidak terhitung banyaknya. Diantara bentuk-bentuk kemukjizatan Al-Quran ialah, Al-Quran mustahil dikarang oleh seorang yang tidak dapat membaca dan menulis sedangkan isinya mengalahkan seluruh pemikiran yang dibawa oleh ahli falsafah. Petunjuk dan isyarat Al-Quran di atas hakikat-hakikat ilmiah seolah-olah mendahului masanya. Al-Quran merupakan mukjizat maknawi yang diberikan oleh Allah SWT untuk membantu rasulNya. Oleh kerana risalah Nabi Muhammad SAW adalah penutup sekalian risalah, maka Allah, sebagai tanda kekuasannya Allah SWT atau mukjizat yang terus ada selama adanya langit dan bumi, sehingga ia terus menjadi hujah bagi seluruh dunia di sepanjang zaman (Dr. Yusuf Qardhawi, 1999:57).

Menurut Rashid Ridha (1984), Al-Quran adalah sebuah kitab, tetapi tidak seperti kitab-kitab yang lain, ia adalah ayat tetapi tidak seperti ayat-ayat yang lain, ia adalah

mukjizat tetapi tidak seperti mukjizat-mukjizat yang lain, ia adalah Firman tetapi tidak seperti firman-firman yang lain, ia adalah kalam Allah Yang Maha Hidup dan Maha Pengurus makhluk-makhlukNya terus-menerus. Ia bukan dari Ruhul Qudus. Jibril AS pembawa wahyu. Jibril hanya memindahkannya dengan bahasa Arab dari langit tingkat paling tinggi ke atas persada bumi ini, ia bukan pula dari Muhammad utusan Allah. Muhammad hanya menyampaikan kepada manusia. Bahasa Al-Quran, aturan-aturannya, gaya susunannya, bimbingannya, pengaruhnya dan ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya merupakan sesuatu yang di luar kemampuan manusia untuk meniru dan menandinginya. Sesiapa yang percaya bahawa alam semesta ini ada Pengatur, Yang Maha Mengetahui, Maha Bijaksana, Maha Pengasih, Yang Berkehendak, Yang Berbuat menurut pilihannya, maka tidak ada pilihan baginya kecuali harus percaya juga bahawa Al-Quran ini adalah wahyu yang terus dari sisinya, dari Zat Maha Pengatur itu, yang diturunkannya kepada penutup para nabi yang pernah diutuskannya sebagai manifestasi kasih sayangNya kepada manusia, agar mereka mengambil petunjuk dengannya dalam menyempurnakan fitrah mereka, menyucikan jiwa mereka dan memperbaiki masyarakat mereka dari segala kerosakan yang secara merata menimpah seluruh bangsa.

Menurut Harun Yahya (2004), Al-Quran telah ditulis dalam satu bahasa yang keindahan dan kekayaan rujukannya tidak tertandingi sehingga melebihi bahasa umum. Pada waktu Al-Quran diturunkan para Arab bersaing satu sama lain untuk mendapatkan karya sastera terbaik. Namun gaya bahasa al-Quran yang unik dan indah menarik perhatian mereka dan mereka menerima keajaiban bahasa al-Quran dari segi sastera.

Al-Quran adalah jelas berbeza daripada semua tulisan berbahasa Arab yang lain sama ada tulisan-tulisan itu berbentuk puisi, prosa berirama atau tidak berirama, bahasa pertuturan atau tulisan orang awam atau malahan bahasa yang digunakan oleh Nabi SAW sendiri. Kefasihan Muhammad SAW yang luar biasa telah selalu diakui dan diketahui di kalangan kita menerusi beribu-ribu ucapan dan arahan Baginda. Walaubagaimanapun, tidak ada satu pun daripada ucapan dan arahan tersebut mempunyai persamaan walaupun sedikit dengan ayat-ayat al-Quran, yang merupakan kuasa luar biasa yang dapat mengisi jiwa dengan cahaya rangsangan. Malahan orang-orang kafir pada zaman Nabi SAW telah mengakui sifat tersendiri Al-Quran yang tidak boleh ditiru serta menganggap bentuk teks Al-Quran sebagai satu fenomena luar biasa yang dinamakan “sihir” (Mohammad Khalifa, 1994:22).

Menurut Muhammad Husain Thabathaba'i, (1992). Pembicaraan Al-Quran yang penuh makna, menemukan jalan masuk ke dalam hati mereka dan mempengaruhi jiwa orang-orang yang memiliki kesedaran rohani, hingga para pembicara yang fasih segera dilupakan orang, dan puisi-puisi yang indah (yang dikenal dengan sebutan Al-Mu'allaqat, puisi-puisi yang digantungkan) segera diturunkan dari dinding Kaabah. Firman Allah SWT tersangat indah, hingga semua orang tertarik kepadanya. Dengan bentuknya yang indah, ayat-ayat itu segera mengunci mulut para penyair. Sebab Al-Quran menyampaikan ajaran-ajaran dan mengajak kepada tujuan-tujuan yang kebenarannya kita fahami melalui fitrah dan akal yang dianugerahkan Allah kepada kita, kerana Al-Quran menuntut agar kita menghormati kebenaran dan berbuat sesuai dengan prinsip kemurahan hati, keadilan dan perikemanusiaan, yang merupakan nilai-nilai yang tidak boleh ditolak akal kita, maka kata-kata al-Quran itu jelas tidak lain adalah kebenaran yang nyata. Penyair-penyair tidak mampu membuktikan dan

memberikan hujah bahawa Al-Quran adalah rekaan manusia yang memiliki keindahan, kefasihan dan pesona yang tidak dapat ditandingi ini adalah bukti bahawa ia adalah firman Allah SWT.

Menurut H. Luqman Hakim (1990:115-116), adalah menjadi satu rumusan yang disepakati oleh sekelian ulama Islam bahawa Al-Quran itu dianggap sebagai satu mukjizat Nabi Muhammad SAW yang terbesar sekali bahkan yang paling unggul dari apa jua mukjizat yang telah dikurniakan Allah SWT kepada para Nabi dan rasul sebelum Rasulullah SAW. Al-Quran adalah mukjizat Aqli, iaitu suatu rupa mukjizat yang hanya dapat diketahui kebenarannya kiranya manusia itu menggunakan akalnya yang murni serta mata hatinya. Semakin luas, dalam serta murninya jalan fikiran manusia, semakin ikhlasnya manusia hendak mencari kebenaran yang dicarinya itu. Ia pasti akan kagum membaca, melihat serta memikirkan kepelbagaiannya keajaiban isi kandungan Kitab Allah yang maha unggul itu. Justru tidak ada apa yang hendak difikirkan lagi bahawa ia satu-satunya mukjizat yang masih dapat dilihat hingga ke hari ini dan akan menjadi bukti buat selama-lamanya akan kebenaran risalah serta agama yang dibawa oleh Junjungan Rasul SAW.

Menurut Muhammad Ali As-Sobuni (2007), Sesungguhnya Mukjizat Nabi Muhammad SAW adalah bersifat ‘Ruhani dan ‘Aqli. Allah Azza Wa Jalla telah mengistimewakannya dengan Al-Quran sebagai mukjizat ‘Akal’ yang tetap sepanjang masa, agar dapat dilihat oleh orang-orang yang mempunyai pandangan hati, kemudian mereka mengambil cahaya dan petunjuknya di dalam menghadapi masa kini dan masa akan datang. Al-Quran datang ke dunia ketika manusia telah pandai dan berfikiran maju, bahkan risalah Nabi Muhammad SAW hendak memberi

petunjuk kepada manusia ketika mereka telah memiliki kepandaian dan perkembangan akal yang sempurna dalam masyarakatnya. Maka mukjizat Rasulullah SAW semestinya mampu memperbaiki akal. Itulah mukjizat yang bersifat ma’ani dan abadi yang sentiasa memperbaiki darjat di kalangan pelbagai bangsa manusia dan diserukan kepada seluruh manusia.

Menurut Muhammad Ali As-Sabuni (2007) lagi, terdapat ciri-ciri mukjizat Al-Quranul Karim, yang pertama ialah susunannya yang indah yang berada dengan susunan yang terdapat dalam bahasa Arab, yang kedua, Keagungan yang tidak mungkin mampu bagi makhluk mendatangkannya. yang ketiga, syariat yang lembut dan sempurna, yang tidak pernah tewas oleh syariat yang ada, yang keempat, menceritakan tentang perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui dengan wahyu, kelima, tidak ada pertentangan dengan ilmu-ilmu alam yang telah dipastikan kebenarannya, yang keenam, memenuhi setiap janji dan ancaman yang telah diberitakan, yang ketujuh, ilmu dan pengetahuan yang terkandung di dalamnya (samada ilmu syariat ataupun ilmu dunia), yang kelapan, kesanggupannya memenuhi segala keperluan manusia dan yang kesembilan, pengaruhnya dalam hati para pengikut dan musuh.

Menurut Muhammad Kamil (2003), Al-Quran adalah mukjizat ilmiah yang mengajak untuk membahas dan meneliti ayat-ayat dalam rangka menemukan hakikat ilmiah yang ditetapkan oleh ilmu moden. Maka tidaklah menghairankan apabila Al-Quran menegaskan kebenaran dan kesesuaian terhadap apa yang dihasilkan oleh penemuan-penemuan ilmu pengetahuan moden setelah ratusan tahun pakar baru menemukannya dengan kajian dan pembahasan. Mereka menemukan fenomena-

fenomena sosial, politik, hukum dan lainnya. Al-Quran telah membawanya sebelum segala sesuatu terlintas dalam pengetahuan manusia pada ketika diturunkannya. Kemudian muncul secara jelas tanda-tanda dan isyarat-isyaratnya pada zaman moden ini. Al-Quran adalah mukjizat yang sesuai untuk semua tahap pemikiran manusia. Manusia tidak memiliki intelektual yang sama. Sebahagian mereka adalah pemikir, ulama dan peneliti. Sebahagian yang lain memiliki tahap kekuatan intelektual yang rendah dari itu. Namun, ahli fekah atau orang Arab yang biasa saja mampu mengambil pelajaran dari banyak ayat Al-Quran yang sesuai dengan tahap intelektualnya, juga mampu memahami betul makna-makna yang terkandung di dalamnya sesuai dengan tahap pemikirannya. Al-Quran sebagai kehidupan (*manhaj*) kehidupan dari Allah mengandungi penyelesaian terhadap masalah-masalah yang berhubungan dengan manusia. Tidak ada permasalahan-permasalahan penting di tengah masyarakat yang tidak boleh diselesaikan oleh Al-Quran.

Al-Qattan dalam Ammar Fadzil (2007), menjelaskan, Al-Quran datang dalam suasana orang Arab di Kota Mekah mencapai kemuncaknya daripada segi bahasa Arab. Namun begitu, mereka yang tidak beriman tidak mampu menandingi kehebatan bahasa Al-Quran. Al-Quran mencapai puncak tertinggi yang tidak dapat ditiru oleh manusia khususnya orang Arab.

Menurut Mohd. Rashid Ridha (1984:332-333), Al-Quran adalah sebuah kitab yang mengandungi hidayah dan bimbingan yang praktis. Al-Quran memandu dan membimbing seseorang untuk meneliti dan memahami bagaimana cara untuk mensucikan peribadi seseorang . Kita dapatkan method pengasuhan dan pendidikan yang dianjur oleh Al-Quran adalah berkisar kepada dua perkara fitrah iaitu yang

pertama melawan hawa nafsu dan yang kedua mencuba sedaya upaya menghiaskan diri dengan sifat-sifat keutamaan (*Al-Fadhill*).

Menurut Muhammad Al-Ghazali (1994), Al-Quran mestilah dibaca dengan penuh perhatian dan pemikiran yang dapat memahami dengan baik ayat-ayat yang dibaca, sehingga memberi ruang kepada seseorang semaksimum yang mungkin untuk memahami maknanya. Mengkaji Al-Quran ialah membacanya, memahaminya dan memikirkannya serta mengungkapkan pernyataannya kepada peraturan-peraturan Allah yang ada dalam diri manusia atau alam seluruhnya.


Menurut Muhammad Qutb (1996), Al-Quran merupakan kitab pendidikan dan bimbingan. Al-Quran mendedahkan beberapa rahsia jiwa manusia dan rahsia-rahsia alam disekelilingnya dan seterusnya menyeru manusia agar meneliti dengan sebaik-baiknya supaya mereka dapat menuju ke arah yang benar.

Surah Luqman adalah surah yang istimewa, kerana mengambil nama seorang hamba Al'ah yang hidupnya sebagai seorang manusia biasa namun setelah dianugerahkan hikmah dan kebijaksanaan, maka kehidupannya menjadi amat bermakna di mana beliau telah menjadi guru kepada alam. Kajian ini lebih menumpukan kepada ayat 12 hingga 19 kerana terdapat mutiara yang berharga yang akan dikutip untuk menjadi contoh teladan dan seterusnya untuk beramal sehingga sampai masanya dipanggil pulang oleh Allah SWT.

1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Quranul Karim adalah senjata yang paling penting dan mujarab. Ia adalah mata air yang tidak mungkin kering dari bekalan. Dari sinilah kita dapat arahan-arahan, nasihat-nasihat dan cara-cara untuk mempergunakan bekalan itu. Membaca Al-Quran, mempelajarinya, memahaminya adalah merupakan ibadah dan amal para muttaqin dan inilah jalan menuju arah taqwa kepada Allah SWT (Mustafa Masyhur, 1985).

Dalam mengharungi kehidupan yang panjang ini manusia tidak boleh hidup tanpa bimbingan, panduan serta petunjuk dari Allah SWT kerana kehidupan itu terlalu mahal harganya. Usia yang telah habis tidak dapat diganti dengan yang baru, masa yang berlalu tidak dapat dikembalikan semula, sebab itu kita mestilah berhati-hati daripada kita mendapat kerugian. Al-Quran merupakan rahmat iaitu petanda dari kasih sayang Allah kepada seluruh manusia, bahkan seluruh isi alam (Hamka, 1981).



Universiti Utara Malaysia

Surah Luqman adalah satu surah di antara surah-surah yang mengandungi nasihat, di mana Allah SWT membentangkan kepada manusia tentang hambanya yang diberi hikmat dan berlaku bimbingan secara tidak langsung di dalam surah ini. Allah SWT telah memilih Luqman mengajarkan anaknya dengan nasihat yang bijaksana. Sehingga Allah SWT rakamkan kata-kata beliau di dalam Al-Quran. Ini menunjukkan betapa pentingnya bagi guru, murabbi dan ibubapa yang mendidik anak-anaknya mengambil contoh dari kisah Luqman ini untuk dijadikan pengajaran dan panduan dalam membentuk generasi yang bertaqwa kepada Allah SWT.

"Surah Luqman" ialah Surah yang ke 31 di dalam Al-Quranul Karim. Surah ini mengandungi 34 ayat, ia tergolong dalam golongan surah-surah Makiyyah, diturunkan sesudah Surah As-Saaffaat. Dinamakan Luqman kerana pada ayat 12 disebutkan bahawa "Luqman" telah diberi oleh Allah SWT nikmat dan ilmu pengetahuan, oleh sebab itu dia bersyukur kepadaNya atas nikmat yang diberikan itu. Pada ayat 13 hingga 19 terdapat nasihat-nasihat Luqman kepada anaknya (Al-Quran dan terjemahannya,1971). Inilah isyarat daripada Allah supaya setiap ibu bapa melaksanakan pula terhadap anak-anak mereka seperti yang telah dilakukan oleh Luqman.

Berdasarkan fenomena yang berlaku hari ini, di mana berlaku berbagai masalah sosial seperti keruntuhan akhlak remaja, minum arak, merokok, menghisap dadah , berzina, sumbang mahram, tidak solat, tidak berpuasa dan lain-lain lagi adalah disebabkan terlalu mengikut kehendak nafsu sahaja tanpa mendapat pertimbangan akal yang sempurna. Punca yang paling utama adalah kerana mereka sudah jauh dari bimbingan Al-Quran. Bagaimana mereka mahu mengikut nasihat dan panduan daripada Al-Quran sedangkan mereka tidak pernah kenal Al-Quran.

Anak-anak, khasnya remaja pada abad ke 21 ini terdedah dengan pelbagai bentuk pengaruh. Dalam dunia yang disebut sebagai "borderless world" (dunia tanpa sempadan) ini banyak menyuntik unsur-unsur yang positif mahu pun yang negatif. Anak-anak lebih mudah tertawan dengan program yang membunuh sahsiah berbanding program yang menghidupkan peribadinya (Hassan Mohd. Ali, 1977).

Di dalam Al-Quran kita akan dapati segala dasar-dasar pendidikan yang akan membentuk generasi-generasi aqidah (generasi Al-Quran) yang nantinya mampu meledakkan daya dan tenaga raksasa kebaikan (Mustafa Mahsyur, 1995).

Oleh itu, penulis terdorong untuk mengkaji dan menyelami rahsia Al-Quran khususnya yang terdapat dalam Surah Luqman ini. Kajian ini merupakan satu analisis khusus tentang pendidikan Luqman Al-Hakim, di mana beliau adalah seorang hamba pilihan Allah SWT yang diberikan hikmah dan kebijaksanaan. Method Luqman mendidik anaknya amat legkap dan menyeluruh, ia menekankan empat aspek penting iaitu Tauhid, Tarbiyah, Akhlak dan Sosial.

1.3 Permasalahan Kajian

Pada zaman ini peranan guru sebagai pengajar mempunyai banyak dugaan dan persaingan. Ini berlaku kerana ledakan ilmu pengetahuan, atau dalam pengertian lain bahawa pengetahuan dan ilmu itu berkembang berlipat kali ganda atau maju dengan pesatnya dalam masa yang singkat (Omar Mohd. Hashim, 1993).

Kajian Mohd. Yusof Abdullah (2005), menyatakan pada waktu sukar menghasilkan insan-insan yang ingin menjadi guru sejati, masyarakat digemparkan dengan berita-berita negatif mengenai guru melalui media cetak dan elektronik sekaligus mencabar keprofesionalan perguruan. Kebanyakan guru yang dilahirkan sebenarnya bukanlah untuk menjadi guru tetapi hanyalah menjalankan tugas guru. Menyediakan guru yang berkualiti dan mencukupi menjadi masalah utama dari sangat penting dalam pendidikan sejak 100 tahun yang lalu (Peterson, 1987).


Menurut Mohd. Yusuf (2005) lagi, kajian Ee (1974), beliau mendapati 83.4 peratus guru-guru terlatih menggunakan profesion ini sebagai *batu loncatan* untuk melanjutkan pelajaran dan bercita-cita akan menceburi bidang lain selepas tamat pengajian.

Kajian Noran Fauziah & Ahmad Mahdzan (1993), mendapati bahawa pelajar sering merungut beberapa tingkahlaku guru yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada pencapaian akademik, atau sikap mereka terhadap pelajaran yang diajar, sikap mereka terhadap guru dan sikap mereka terhadap sekolah:-

- i. Tidak menyukai pelajar
- ii. Tidak mengetahui atau mengenali pelajar
- iii. Melabel murid
- iv. Menyindir dan memperkecilkan pelajar
- v. Mendera murid secara keterlaluan
- vi. Pagar makan padi
- vii. Terlalu garang
- viii. Pilih kasih
- ix. Lewat masuk kelas
- x. Kawalan kelas lemah
- xi. Pakaian tidak sesuai
- xii. Bercakap terlalu cepat dan tidak jelas
- xiii. Tidak mengajar dengan bersungguh-sungguh
- xiv. Bahasa guru terlalu tinggi
- xv. Menggunakan bahasa atau loghat daerah.
- xvi. Tidak menguasai isi pelajaran

- xvii. Tidak memeriksa kerja murid
- xviii. Tidak memandang kepada pelajar semasa mengajar
- xix. Suara tidak jelas dan membosankan.
- xx. Guru menjadi guru tiusyen diluar .
- xxi. Guru terlibat dengan politik.

Hampir setiap sekolah di negara kita ini terdapat sekurang-kurangnya seorang guru yang bermasalah. Antara ciri-ciri yang tersenarai sebagai ‘bermasalah’ ini termasuklah guru selalu ponteng kelas, masuk ke kelas tetapi tidak mengajar, masuk ke kelas lewat, kurang memberikan latihan, terlalu banyak memberikan latihan tetapi tidak menanda latihan pelajar, memiliki pekerjaan sambilan sehingga hilang tumpuan kepada pekerjaannya sebagai guru, terlalu garang atau panas baran, terlalu berlembut, dan sebagainya (Ibrahim Subhan, 2008:66).



Universiti Utara Malaysia

Menurut kajian sarjana pula, terdapat beberapa laporan tentang sikap dan tingkah laku guru yang boleh menjelaskan profesion perguruan. Di antara penulis yang menyentuh mengenai perkara ini termasuklah Ibrahim Saad (1982), Robiah Saidin (1994), dan Nor Azizah Salleh (1991). Beberapa perlakuan tidak bertanggungjawab segilintir guru menurut laporan mereka dapat dirumuskan seperti berikut: tidak mahu bertugas di luar bandar, melanggar disiplin/peraturan, dan mengajar sambil lewa (Ibrahim Saad, 1990), aktif dalam perniagaan seperti agen insuran, jurujual kereta, agen pelancungan, kontraktor, membuka kedai perabut, dan sebagainya, mengedor dadah, terlibat dengan kegiatan anti-nasional, lewat datang ke sekolah, lambat masuk kelas atau masuk kelas tapi tidak mengajar, ringkasan mengajar tidak dibuat dengan sempurna dan hasil kerja murid tidak di periksa dan sebagainya (Ibrahim Saad, 1982).

ponteng sekolah, lewat sampai lewat masuk kelas, dan tidak mengajar dengan bersungguh-sungguh (Nor Azizah Salleh, 1991), bermiaga memberi tuisyen secara berterusan, dan bosan, tidak sanggup membuat pembaharuan dalam pengajaran dan tidak boleh mendisiplinkan diri (Robiah Sidin, 1994)

Pada zaman ini peranan guru sebagai pengajar mempunyai banyak dugaan dan persaingan. Ini berlaku kerana ledakan ilmu pengetahuan, atau dalam pengertian lain bahawa pengetahuan dan ilmu itu berkembang berlipat kali ganda atau maju dengan pesatnya dalam masa yang singkat (Omar Mohd. Hashim, 1993).

Fenomena yang dibentangkan tadi mungkin berlaku pada segelintir guru sahaja, walau bagaimanapun, kesan yang akan diperolehi akan melibatkan keseluruhan institusi pendidikan tersebut. Kejayaan guru mendidik bukan terletak kepada kejayaan akademik semata-mata, tetapi yang paling penting ialah perubahan sikap untuk menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara di masa hadapan.

Guru hanya menjalankan tugas yang diamanahkan di sekolah, namun pendidikan awal anak-anak adalah di rumah. Ibu bapa adalah cermin kepada anak-anak dan ibu bapa adalah sekolah yang bergerak. Anak-anak belajar secara tidak langsung melalui perbuatan, percakapan dan tingkah laku ibu bapa mereka. Ibu bapa yang bersifat kasar akan membentuk anak-anak yang kasar, begitu juga ibu bapa yang lemah lembut dan bersopan santun akan membentuk anak-anak yang lemah lembut dan bersopan santun juga.

Cara mendidik anak-anak zaman sekarang tidak lagi selari dengan landasan Islam. Ibu bapa lebih banyak mendidik anak-anak ke arah akademik ataupun material sahaja disamping mengabaikan didikan dari sudut ukhrawi. Ibu bapa lebih takut anak-anak gagal dalam peperiksaan tetapi tidak takut akhlak anak-anak mereka rosak. Ibu bapa tidak sedar bahawa apabila gagal membentuk rohani anak-anak akan menyebabkan hilang penghormatan mereka kepada ibu bapa mereka sendiri.

Setiap orang yang merenung keadaan masyarakat Islam di berbagai tempat dan negeri akan mendapati bahawa masyarakat Islam mengalami berbagai-bagai masalah budaya, ekonomi, sosial dan politik. Jika kita renungkan dengan lebih lama masalah-masalah ini dapat kita simpulkan bahawa walaupun masalah itu kelihatannya banyak dan bermacam-macam, tetapi semuanya dapat digabungkan kepada sedikit punca sahaja. Pertama sekali ialah kerana orang Islam tidak melaksanakan dengan sempurna ajaran-ajaran dan hukum-hukum agama dalam segala urusan kehidupan mereka. Kedua kerana pemikiran dan pendidikan pada hari ini telah ketinggalan. (Hassan Langgulung, 1991:36).

Mohd Yusuf (2005), menerangkan bahawa dalam keadaan negara yang pesat membangun, cabaran-cabaran yang dihadapi insan guru semakin sengit. Tugas guru semakin hari semakin kompleks dan getir. Tugas guru bukan lagi sekadar menyampaikan maklumat, mengajar dan mendidik sebaliknya perlulah melibatkan diri dalam proses sosialisasi, penerapan nilai, pengilhaman, menjadi model, penggalakan, penyemaian dan pembentukan sahsiah, apresiasi idea kritis, membina pemikiran kritis dan kreatif, serta membina insan futuris terhadap diri pelajar-pelajar.

Oleh itu, Islam telah menyediakan satu metodologi dalam mendidik anak-anak iaitu berdasarkan Surah Luqman. Surah Luqman merupakan surah penting berkaitan dengan soal pendidikan anak-anak. Garis panduan yang jelas tentang pendidikan ini menepati kehendak dan keperluan semasa malah bersesuaian sepanjang zaman.

Setiap Muslim mesti memahami dengan mantap tentang dasar-dasar penting dalam Islam dan ke Esaan Tuhan serta mengamalkan ilmu dalam kehidupan sehari-hari agar dapat menjadi pendidik yang berakhhlak mulia (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978).

Bagi mendalami pengertian kisah Luqman al-Hakim dan hubungkaitnya yang erat dengan tugas pendidik maka Ariffin Mamat & Adnan Abdul Rashid (2013) telah menemukan beberapa bukti hasil kajian mereka iaitu:

”Beberapa nilai murni yang utama yang berbentuk universal, yang telah ditegaskan oleh Luqman al-Hakim di dalam mendidik anaknya, dapat menggariskan satu panduan pendidikan yang signifikan kepada masyarakat Islam masakini yang terumbang ambing di dalam arus globalisasi di abad ke 21 ini, yang mencemar dan mencabar keimanan individu Muslim dan manusia sejagat, terutamanya di kalangan para remaja yang rapuh erti kehidupan.”

”Beberapa strategi telah ditunjukkan oleh Allah SWT untuk membangkitkan dan menghidupkan jiwa individu Muslim, Diantara strategi yang sering dipaparkan ialah kisah-kisah atau peristiwa di dalam Al-Quran untuk diteladani serta memberi pengajaran. Paparan cerita yang penting dan agung antara yang direkodkan oleh Allah SWT dalam kandungan Al-Quran ialah mengenai seorang pendidik agung yang bernama Luqman Al-Hakim.”

(Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan, 6 (2) November 2013. *Aplikasi Nilai-nilai murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim*)

Justeru itu kajian ini dibuat adalah untuk membawa ibubapa dan pendidik kembali mencontohi didikan dan asuhan yang digariskan oleh Islam. Mencontohi didikan yang dianjurkan melalui Al-Quran, seterusnya menjadikan kalam Allah sebagai pakaian kehidupan dan menjadikan akhlak al-Quran sebagai panduan menuju akhirat.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah sifat peribadi dan ketokohan yang ditunjukkan oleh Luqman Al-Hakim.
- ii. Apakah contoh ayat-ayat nasihat dan bimbingan yang terdapat di dalam Surah Luqman beserta tafsiran ahli-ahli tafsir terhadap ayat ini (ayat 12-19).
- iii. Sejauhmanakah pendidikan Luqman Al-Hakim dari aspek tauhid,tarbiyah, sosial dan akhlak.

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengkaji bagaimana sifat peribadi dan ketokohan Luqman al –Hakim.
- ii. Mengenalpasti ayat nasihat dan bimbingan yang terdapat di dalam Surah Luqman beserta tafsiran ahli-ahli tafsir terhadap ayat ini.(ayat 12 hingga 19).
- iii. Menganalisis sejaumana pendidikan Luqman Al-Hakim dari aspek tauhid, tarbiyah, sosial dan akhlak.

1.6 Kepentingan Kajian

- i. Kajian ini mendedahkan sifat peribadi dan ketokohan Luqman Al-Hakim yang boleh dijadikan tauladan.

- ii. Kajian ini dapat menjadi panduan kepada pihak yang berwajib di antaranya Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru dan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.
- iii. Kajian ini dapat mempekuhkan lagi sistem pengajaran dan pembelajaran dalam aspek tauhid, tarbiyah, sosial dan akhlak.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan dengan hanya memfokuskan tentang Luqman al-Hakim dan ayat kefahaman yang berkaitan dengannya iaitu ayat 12 hingga 19 Surah Luqman.

1.8 Penutup

Masalah sosial yang berleluasa disebabkan oleh penghayatan nilai-nilai agama semakin tipis. Ancaman pengaruh barat yang buruk akhlak semakin menular menguasai jiwa anak-anak pada hari ini. Tambahan pula guru-guru dibebani dengan beban kerja yang banyak menyebabkan perhatian dan perlaksanaan tanggungjawab memberi pendidikan yang baik kepada pelajar-pelajar termasuklah pendidikan Islam tidak dapat diberi perhatian penuh.

Model kependidikan berdasarkan Surah Luqman merupakan satu kajian analisis ayat al-Quran dengan rujukan kepada tafsir muktabar. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tentang sebuah kaedah pengajaran berunsurkan bimbingan dan nasihat yang diaplikasikan oleh Luqman al-Hakim. Para sahabat sering bertanya kepada Rasulullah SAW tentang pendidikan yang diberikan oleh Luqman al-Hakim kepada anak-anaknya. Justeru Allah SWT menurunkan ayat 12 hingga 19 yang termaktub di dalam al-Quran sebagai satu surah yang khusus kepada Luqman al-Hakim.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Kajian mengenai bidang pendidikan ternyata amat luas dan berbagai cabang serta skop yang telah dibincangkan, namun demikian kebanyakan kajian ini mengambil panduan dari penulis-penulis barat yang terkenal dan jarang kajian seperti ini didapati keseluruhannya di kaji dari tafsiran ayat-ayat al-Quran.

Di dalam Al-Quranul Karim terdapat satu surah yang dikenali dengan Surah Luqman. Surah ini merupakan satu-satunya surah yang memberikan contoh seorang ayah mendidik anaknya dengan didikan yang berpandukan syariat Islam. Tugas mendidik adalah tugas yang amat berat, maka ayah sebagai ketua ketua keluarga atau guru yang mengajar anak muridnya di sekolah perlu matang dan bijaksana dalam mendidik anak didik mereka mengikut acuan yang sebenarnya.

Luqman Al- Hakim menjadi contoh bapa dan pendidik yang baik dalam mendidik anak-anak mengharungi kehidupan di dunia ini dengan tidak meninggalkan keutamaan beribadah kepada Allah SWT. Melihat kepada kebijaksanaan Luqman ini maka pengkaji merasakan para pendidik perlu mencontohi sikap dan pendirian Luqman serta ketegasannya dalam mendidik.

2.2 Kajian Terdahulu

Abdul Rashid bin Ahmad (1991), dari Universiti Kebangsaan Malaysia, telah membuat kajian Master beliau yang bertajuk, *Surah Luqman: Satu Analisa Tentang*

Asas-Asas Pendidikan Luqman dan Hubungannya Dengan Pendidikan Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Tesis beliau merupakan satu analisa tentang asas-asas pendidikan yang terdapat di dalam Surah Luqman, tumpuan khusus kepada pengajaran Luqman kepada anaknya dan hubungannya dengan pendidikan Islam di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Beliau membincangkan tentang falsafah dan asas-asas pendidikan Islam, seterusnya membicarakan tentang pengenalan Surah Luqman, pandangan-pandangan para ulama tentang Luqman dan intisari pengajarannya di dalam al-Quran. Kajian beliau juga membicarakan tentang asas aqidah dalam pendidikan Luqman dengan penumpuan masalah tauhid dan syirik serta kesannya dari aspek pendidikan. Tidak ketinggalan juga beliau membicarakan tentang asas ibadah dalam pendidikan Luqman yang mencakupi persoalan solat dan kesannya di dalam pendidikan dan persoalan tugas menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran (amar makruf dan nahi mungkar) serta kesannya di dalam pendidikan.

Seterusnya kajian tersebut membicarakan tentang asas akhlak dalam pendidikan Luqman yang merangkumi masalah berbakti kepada kedua ibubapa, pengawasan diri terhadap Allah (muraqabah Allah) dan sifat-sifat utama dalam akhlak serta kesannya di dalam pendidikan. Beliau meneruskan perbincangan tentang sejarah perkembangan sistem pendidikan di Malaysia, KBSR dan KBSM., dan akhirnya beliau menutup kajian beliau dengan membicarakan tentang hubungan asas-asas pendidikan Luqman dengan pendidikan Islam dalam KBSM.

Mengikut kitab pendidikan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1998), beliau telah menulis kitabnya berjudul *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* kitab ini telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu yang berjudul “*Pendidikan Anak-anak dalam Islam*”. Kitab ini ditulis dalam dua jilid. Jilid pertama mengandungi dua bahagian dan setiap bahagian mengandungi beberapa fasal. Bagi bahagian pertama jilid pertama, ia mengandungi empat fasal. Fasal pertama ialah tentang perkahwinan misali dan pertaliannya dengan pendidikan. Fasal kedua pula tentang perasaan naluri terhadap anak-anak. Fasal ketiga berkaitan 23irri-hukum umum berkaitan dengan anak yang baru dilahirkan. Fasal keempat sebab-sebab penyelewengan anak-anak dan cara memperbaikinya.

Pada Bahagian Kedua Jilid Pertama, Fasal pertama menceritakan tentang tanggungjawab pendidikan keimanan. Manakala pada Fasal kedua ialah tentang tanggungjawab pendidikan moral. Fasal ketiga menyatakan tentang tanggungjawab pendidikan jasmani. Fasal keempat pula mengusahakan tentang tanggungjawab pendidikan mental. Fasal kelima tentang tanggungjawab pendidikan rohani. Manakala Fasal keenam menyatakan tentang tanggungjawab pendidikan 23irri23. Begitulah seterusnya pada Jilid kedua pula Abdullah Nasih Ulwan menyambung karya dan kajian beliau tentang pendidikan anak-anak dalam Islam. Terdapat Tujuh Fasal, iaitu sambungan dari jilid pertama bertajuk tanggungjawab pendidikan seks. Bahagian ketiga pada Jilid kedua ini, terdapat beberapa fasal. Fasal pertama adalah tentang cara-cara pendidikan berkesan kepada anak. Fasal kedua bertajuk kaedah-kaedah asasi da Anak. Penulisan beliau ditamatkan dengan Fasal keempat iaitu bertajuk cadangan-cadangan pendidikan yang mustahak.

Syarif Hade Masyah (2008), menulis tentang “*Menjadi Ibubapa Genius Berdasarkan Nasihat Luqman al-Hakim*” seorang tokoh keibubapaan yang disebut Allah di dalam Quran . Kitab ini membentangkan tentang Luqman al-Hakim menurut Al-Quran dan Hadis. Kemudian beliau menelusuri 24irri24ty dan biografi Luqman al-Hakim dari sudut namanya, gelarannya, masa hidupnya, tempat lahir dan kewafatannya, kerjayanya dan 24irri-ciri fizikalnya.

Seterusnya penulis cuba membawa pembaca mengenali Luqman al-Hakim dengan lebih dekat dengan membentangkan beberapa tajuk kecil seperti Luqman al-Hakim Tokoh Sebenar Bukan Tokoh *Fiksyen*, Luqman al-Hakim: Nabi atau Orang Bijak, Kejadian-kejadian Menonjol Sepanjang Hidup Luqman al-Hakim, Pertanyaan – pertanyaan yang dijawab oleh Luqman al-Hakim dan Berdialog Dengan Luqman al-Hakim.

Penulis tersebut kemudiannya membentangkan tentang Rahsia Luqman al-Hakim Dalam Mendidik. Penulis cuba menerangkan dari sudut Kehidupan Berkeluarga Luqman al-Hakim, Nasihat Luqman al-Hakim dan Hikmah-hikmah Luqman. Seterusnya penulis tidak lupa mengupas tentang Hikmah-hikmah Luqman al-Hakim, iaitu dari sudut Hikmah Luqman al-Hakim Mengenai Kesihatan, Penterjemahan Hikmah Luqman al-Hakim dalam Bahasa Lain dan Hikmah Luqman al-Hakim dalam Tujuan Umum. Akhir sekali penulis membentangkan syair berkenaan Nasihat Luqman al-Hakim.

Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah dan Syahrul Faizaz Abdullah (2004), pula mengkaji persoalan berkisar tentang pendidikan keibubapaan di mana Surah

Luqman sebagai asas pendidikan yang boleh dijadikan panduan kepada setiap ibubapa. Tajuk kajian mereka ialah : *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman*. Kajian ini melihat dari sudut strategi pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh setiap ibubapa dalam mendidik anaknya iaitu pendidikan anak-anak berkaitan hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia.

Ibrahim Abdul Muqtadir (2010), menulis tentang satu kajian beliau bertajuk "Kebijaksanaan Luqman Al-Hakim 12 Cara Membendung Keruntuhan Akhlak". Penulis dalam kitab ini membahaskan 12 nasihat penting Luqman dengan harapan dapat membendung masyarakat dari virus kemerosotan moral yang semakin parah dan merebak dalam masyarakat hari ini.

Beliau mengemukakan 12 wasiat Luqman Al-Hakim berserta huraian yang terperinci dengan hujah-hujah dari ayat-ayat Al-Quran dan hadis. Wasiat-wasiat tersebut ialah:

- 2) Jangan memepersekutuan Allah. ii) Berbakti Kepada Kedua Ibu Bapa. iii) Tiada Ketaatan Dalam Menderhakai Allah SWT. iv) *Wala' dan Bara'*. V) Terperincinya *Hisab* dan Pentingnya *Muraqabah*. Vi) Dirikanlah Solat vii) *Amar Makruf Nahi Mungkar* viii) Bersabarlah ix) Jangan sompong. 10) Janganlah Berjalan Di Mukabumi Dengan Angkuh 11) Etika Berjalan 12) Etika Bertutur Kata.

Sardiman, A.M dalam Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran bertajuk : "Telaah Model Pendidikan Luqman Al-Hakim di Dalam al-Quran" pula merupakan satu kajian tentang analisis isi kandungan yang bertujuan untuk menggali isi atau nasihat simbolik yang terdapat dalam Surah Luqman ayat 12-19 dengan tujuan untuk

mengetahui arah dan model pendidikan yang dilakukan oleh Luqman al-Hakim serta mengetahui makna fenomena simbolik yang terkandung dalam arah dan model pendidikan Luqman Al-Hakim. Di akhir penelitian terhadap tajuk ini dapat disimpulkan bahawa pendidikan yang dilakukan oleh Luqman merupakan proses pendidikan yang ideal yang dimulakan dengan sebuah keluarga. Ibubapa memainkan perkara penting dalam mendidik anak-anak, namun begitu pada hakikatnya masyarakat disekelilingnya juga mempunyai tanggungjawab yang berat untuk mengembangkan pendidikan dan keperibadian anak-anak. Ini adalah tugas besar yang sepatutnya dipikul oleh warga pendidik.

Wan Nurulhuda binti Wan Jusoh (2011), juga membuat satu kajian dalam tesis beliau di Universiti Teknologi Malaysia. Tajuk kajian beliau ialah : *Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman*.Kajian tersebut dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada staf-staf Universiti Teknologi Malaysia bagi melihat kecenderungan mereka dalam mengaplikasikan kaedah pendidikan anak berdasarkan Surah Luqman.


Ariffin Mamat & Adna Abd Rashid (2013), dalam Jurnal Pendidikan Sains dan Kemanusiaan bertajuk : *Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan*.Di dalam jurnal ini penulis membincangkan tentang kepentingan Al-Quran sebagai sumber yang penting untuk memperkasakan pendidikan. Jurnal ini menganalisa nilai-nilai murni yang ditekankan oleh Luqman Al-Hakim dalam pendidikan terhadap anaknya, sebagaimana yang tercatat dalam ayat 13-19 Surah Luqman. Corak pendidikan Luqman yang bersifat universal dan munasabah sangat signifikan dengan masyarakat Islam dan ia tetap unggul hingga ke hari ini. Oleh itu menurut penulis jurnal ini, asas-

asas nilai yang direkodkan di dalam Al-Quran surah Luqman wajar dijadikan panduan oleh para pendidik dan ibu-bapa, juga oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Barsihannor (2014), dalam jurnalnya bertajuk : *"Telaah terhadap konsep Pendidikan Luqman Al-Hakim"*, beliau menyatakan bahawa Luqman Al-Hakim adalah tokoh yang membuat konsep pendidikan asas berdasarkan Al-Quran dan Hadis. Implikasi pendidikan Luqman Al-Hakim merangkumi unsur dan pendekatan pendidikan. Kedua faktor ini mempunyai tujuan untuk kejayaan di dunia dan di akhirat. Pendekatan pendidikan yang meliputi pendekatan filosofi, psikologi dan keagamaan terdapat dalam pendidikan Luqman Al-Hakim sangat memainkan peranan penting dalam mewujudkan tujuan pendidikan. Akhir sekali kesimpulannya kisah Luqman memiliki kesan yang positif terhadap dunia perkembangan pendidikan moden.

Arifirmansyah (2017) dalam tesis kajian beliau bertajuk : *"Nilai-nilai pendidikan Dalam Surah Luqman Analisis Surah Luqman ayat 12-19"*. Kajian ini dijalankan untuk memahami maksud ayat secara mendalam di samping mengetahui garis panduan pendidikan seperti yang dikehendaki oleh Islam berdasarkan Surah Luqman. Luqman Al-Hakim telah mengutarakan sebuah pendidikan yang baik selaras dengan objektif pendidikan Islam. Beliau telah mengemukakan kaedah pengajaran dan persempahan isi pendidikan yang tersusun rapi, mengikut urutan, mantap serta sangat menarik. Kaedah pendidikan yang dikemukakan oleh Luqman Al-Hakim menekankan perkara perintah dan larangan, yang diiringi pula dengan alasan yang munasabah. Aspek perintah meliputi asas kesempurnaan beragama, kepercayaan kepada hari akhirat dan keutamaan berakhhlak mulia.Kesimpulannya pengkaji meneliti nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam surah ini.

Zakariya K, Abdullah S dan Abdul Hamid MS (2013), dalam *Jurnal of Education and Learning* bertajuk : "Methods On Moral Development Of Teenagers By Luqman Al-Hakim : Application In Religius School Programs", menyatakan bahawa jurnal ini membincangkan kaedah pembangunan akhlak remaja berdasarkan pesan Luqman Al-Hakim kepada anaknya dalam Surah Luqman ayat 12-19. Makalah ini menyingkap siapakah Luqman Al-Hakim dan sejauhmanakah kaedah pembangunan akhlak seperti termaktub dalam ayat 12-19 diaplikasikan dalam program tarbiah di sekolah-sekolah menengah berasrama aliran agama di Negeri Kedah. Borang kuisenor telah diedarkan kepada 491 pelajar di 11 buah sekolah berasrama aliran agama di Kedah. Hasil studi menunjukkan bahawa kaedah pembangunan akhlak oleh Luqman Al-Hakim memang diadopsi dan dipraktikkan oleh para pendidik dalam program tarbiah sekolah tersebut.



2.3 Pengenalan Surah Luqman

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Rashid Ahmad (1991), mendapati Surah Luqman membincangkan tentang asas-asas pendidikan dengan tumpuan khusus kepada pengajaran Luqman al-Hakim kepada anaknya. Pendidikan tersebut meliputi pendidikan aqidah, solat dan akhlak yang menjadi teras utama pendidikan Islam. Seterusnya beliau membincangkan hubungan asas-asas pendidikan Luqman dengan pendidikan Islam.

Menurut beliau lagi, tentang sebab-sebab turunnya Surah Luqman, para ahli tafsir ada menyebut bahawa pada suatu ketika orang-orang Arab Quraisy bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan cerita Luqman dengan anak-anaknya dan bagaimana ketaatan mereka terhadap dua ibubapa, maka turunlah surah ini.

Menurut A. Khalafullah (2002), tokoh manusia lelaki dalam kisah-kisah Al-Quran sangat banyak. Termasuk di dalamnya adalah para rasul dan nabi seperti Adam, Nuh, Ibrahim, Musa, Isa, Ismail, Ishak, Yaakub, Syuib, Luth, Hud, Saleh, Zakaria, Yahya, Ayyub dan lain-lain. Selain itu ada juga tokoh-tokoh manusia biasa atau para raja dan para menteri, misalnya Raja Firaun, Hamman, Azar, Luqman, Aziz, Putra Nuh, saudara-saudara Yusuf dan kawan-kawannya di penjara. Ada ciri-ciri khusus Al-Quran dalam melukiskan tokoh-tokoh di atas. Dalam Al-Quran jarang ditemui tokoh-tokoh yang dijelaskan tentang sifat fizikalnya seperti tinggi badannya, warna kulitnya atau ciri-ciri khusus badannya. Semua ini tidak digunakan Al-Quran untuk melengkapi wahyunya. Sehingga sukar bagi seorang sasterawan untuk mengetahui antara akal dan bentuk badan seseorang tokoh.

Dinamakan Luqman kerana surah ini mencangkup kisah Luqman yang berisi keutamaan hikmah dan rahsia mengetahui Allah SWT dan sifatNya, serta wasiatnya yang mencela perbuatan syirik, memerintahkan berakhhlak mulia, melarang kemungkaran, dan berbagai wasiat berharga lainnya (Ibrahim Ali, 2010).

Surah ini membicarakan tentang aqidah, terutama yang berkaitan dengan keesaan, kenabian dan hari kebangkitan, sebagaimana halnya isi surah makiyyah lainnya. Surah ini menyatakan bahawa Al-Quran merupakan petunjuk dan rahmat yang boleh dirasakan benar-benar oleh kaum Mukmin; keadaan langit dan bumi berserta keajaiban yang ada pada keduanya merupakan bukti kekuasaan Allah SWT dan keesaanNya; dan ilmu Allah SWT meliputi segala yang lahir maupun yang batin. Surah ini memaparkan kewajipan patuh dan berbakti kepada kedua orang tua selama tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT, perintah supaya memperhatikan

alam dan keajaibannya untuk memperkuatkan keimanan dan kepercayaan kepada keesaan Allah SWT dan perintah untuk selalu bertaqwa dan takut pada pembalasanNya di hari kiamat nanti.

Jika dilihat perkaitan Surah Luqman dengan surah-surah yang lain, dapat dilihat bahawa dalam Surah Ar-Rum ada disebutkan bahawa dalam Al-Quran, Allah SWT membuat banyak perumpamaan yang bermanfaat bagi manusia, hal sedemikian juga disebutkan dalam Surah Luqman. Pada bahagian akhir surah ar-Rum disebutkan bahawa orang kafir akan selalu membantah dan mendustakan ketika al-Quran dibacakan kepada mereka, begitu juga pada permulaan ayat surah Luqman diterangkan bahawa mereka selalu berpaling dan berlaku sompong terhadap ayat-ayat al-Quran.



Pada surah ar-Rum ditegaskan bahawa Allah SWT lah yang memulai penciptaan makhluk dan Dia pula yang menciptakannya pada kali kedua, dan itu amat mudah bagiNya. Begitu juga dalam surah Luqman Allah SWT menegaskan bahawa penciptaan manusia dan membangkitkannya kembali di akhirat adalah hal yang mudah bagi Allah SWT.

Dalam surah ar-Rum Allah SWT menerangkan bahawa tabiat manusia ketika ditimpa musibah akan berserah diri kepadaNya, dan ketika mendapat rahmat sebahagian dari mereka kembali menyekutukanNya. Begitu juga dalam surah Luqman diterangkan tentang watak manusia dengan memberikannya contoh, iaitu saat mereka ditimpa bahaya di tengah lautan dan saat mereka telah selamat sampai di daratan.

Kesimpulannya Surah ar-Rum ada mempunyai perkaitan yang rapat dengan Surah Luqman.

2.4 Pengertian Pendidik dan Pendidikan

Pendidik dan pendidikan mempunyai hubungan yang sangat rapat. Pendidik ialah orang yang mendidik. Manakala pendidikan pula ialah suatu proses mendidik manusia. Sebelum melakukan proses pendidikan, pendidik memiliki kualiti asas supaya matlamat pendidikan dapat dicapai (Sidek Baba, 2006). Tugas guru adalah khalifah Allah yang bertugas untuk profesionnya dan menunaikan amanah yang diberikan kepadanya (Rahimah, 1992). Guru juga dapat diertikan sebagai pengajar, pengasuh atau pendidik yang memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap manusia (Noran dan Ahmad, 1990).

Fungsi utama pendidikan Islam ialah mendidik generasi muda dalam agama Tuhan iaitu Islam, membentuk dalam jiwa dan impian mereka agama Allah ini dan menyediakan mereka untuk kehidupan berdakwah atas nama Islam. (Muhammad Hamid al-Afendi & Nabi Ahmed Baloch, 1990:109).

Pendidik merupakan tulang belakang dan berada dibarisan hadapan serta merupakan golongan yang amat penting di dalam sistem pendidikan. Kekuatan dan kelemahan sistem pendidikan amat bergantung kepada mereka (Wan Zahid, 1993:32). Pendidik dianggap sebagai *co-worker of God*. Guru sentiasa berusaha mengajar muridnya supaya mengikuti ajaran-ajaran Tuhan dengan baik. Ini dianggap penting bagi pembelajaran yang betul sempurna (Abdul Fatah Hasan, 2003).

Pendidik yang baik mestilah bersikap positif seperti berdedikasi, berdikari, mempunyai sifat tanggungjawab, berdisiplin, menunjukkan sifat yang berani dan cekal dalam menghadapi sesuatu cabaran (Atan Long, 1984).

Wan Zahid Mohd. Noordin telah menyenaraikan beberapa ciri guru yang amat rapat kaitannya dengan kejayaan seseorang guru sebagai pengurus. (Bahagian Pendidikan Guru, 1995). Antaranya ialah:-

- i. Memiliki ilmu pengetahuan yang luas,
- ii. Memiliki sahsiah dan akhlak yang baik.
- iii. Mengamalkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia.
- iv. Mempunyai keberanian untuk mencuba dan memikul risiko berasaskan pertimbangan yang rasional dan teliti,
- v. Bersifat terbuka dan dinamis,
- vi. Mempunyai kepimpinan yang memberangsang dan membawa motivasi,
- vii. Bersifat inovatif dan imaginatif,
- viii. Bersifat tegas dan assertif,
- ix. Sentiasa menilai hasil kerja serta menilai dirinya sendiri (muhasabah).

Menurut Abd. Rahim (1998), pendidik sebagai seorang pengurus perlu mempunyai personaliti yang baik untuk membolehkannya menjalankan tanggungjawab yang berkesan. Beberapa ciri personal yang perlu diamalkan oleh guru ialah sabar, tenang,

dedikasi, periang, bertimbang rasa, adil, rajin, mesra, kreatif dan inovatif serta kesediaan mendengar kritikan dan teguran.

Menurut Robiah Sidin (1998:195), peranan seorang guru dalam konteks perkembangan pendidikan semasa dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Guru harus berpengetahuan dan mempunyai kemahiran serta mementingkan kecemerlangan dalam semua aspek tugasnya. Peranan ini memberi andaian bahawa guru akan sentiasa belajar dan mencuba seberapa boleh.
- ii. Guru adalah seorang yang penuh komitmen dan berdisiplin dan pada masa yang sama seorang yang produktif.
- iii. Guru boleh mengembangkan ciri-ciri menghormati, sayang dan mengambil berat akan orang lain di kalangan pelajar-pelajarnya.
- iv. Menegakkan nilai murni dan prinsip-prinsip kemanusiaan dalam segala tindakannya.
- v. Guru mestilah kreatif, inovatif, rajin dan bijak bekerja. Guru juga menggalakkan kelainan dan keindividuan di kalangan pelajar-pelajarnya.
- vi. Guru menjadi contoh kepada pelajarnya (role model) dan mengamalkan apa yang diajari.
- vii. Guru juga dapat menghayati dan menjaga persekitaran serta memahami perkembangan dan aplikasi sains dan teknologi dalam kehidupan moden ini.

Menurut Sidek Baba (2006), di alam tradisi Islam, makna pendidik mempunyai kaitan dengan konsep *murabbi*, *muallim* dan *muaddib*. *Murabbi* menghubungkan didikan itu dengan Allah ketika mendidik sambil membawa pendekatan rabbani, iaitu menjadikan Allah sebagai sumber rujukan. *Muallim* pula mengaitkan didikan

dengan ilmu. Tidak semua maklumat, data dan fakta berstatus ilmu. Konsep ilmu ialah sesuatu yang berhubung terus dengan Allah serta konsep itu tidak bercanggah dengan sumber asal, iaitu Al-Quran dan Al-sunnah. Oleh itu, *muallim* perlu mengambil pendekatan kedua-dua ilmu itu sebagai asas dalam proses mendidik. Manakala *muaddib* pula perlu menghubungkan pendidikan sebagai proses *memperadabkan insan*. Pendidik dalam konteks *muaddib* harus mempunyai kualiti ilmu dan tahu sumber ilmu yang dinukilkhan agar dapat menggunakan nilai-nilai al-Quran dan sunnah sebagai jalan *memperadabkan* para pelajar.

Menurut Hasan bin Ali al-Hijazy (2001) dalam bukunya *Manhaj Tarbiyyah ibnu Qayyim*, *Murabbi* adalah mereka yang menjalankan pendidikan, baik ibu bapa, penjaga, guru dan sesiapa sahaja yang berperanan mendidik anak didik. *Murabbi* perlu memiliki kualiti yang membolehkannya memikul tanggungjawab pendidikan sebaik mungkin seperti mempunyai keimanan yang mendalam, kefahaman yang betul tentang Islam, akhlaq yang mantap, sanggup berjihad untuk mendidik, tidak takut celaan orang serta tidak pula besar hati dalam mendidik, tidak berasa cukup dengan ilmunya, mengamalkan ilmunya, takut akan Allah SWT dan teratur kerja-kerjanya hingga semua kualiti itu dapat menjadi *qudwah hasanah* (contoh teladan) bagi anak didiknya.

Peranan guru dalam sesebuah organisasi terikat bukan sekadar memikul tanggungjawab sebagai seorang pemimpin yang mengawasi para murid dalam kehidupan lahiriah agar tidak menyimpang daripada ajaran-ajaran Islam atau terjerumus melakukan perkara-perkara maksiat. Mengawasi agar tidak melakukan amalan yang mendatangkan dosa sama ada besar atau kecil malah mencakupi sebagai

pemimpin kerohanian yang berkedudukan yang tertinggi sekali. Guru mesti memerhatikan tidak sahaja kelakuan yang zahir tetapi juga mengetahui gerak-geri jiwa dan perubahan batin (Rosnaaini, 2010:467).

Manakala tugas dan peranan guru pula menurut Shahril & Habib (1999) ialah: Guru sebagai Penyemai Nilai-nilai Murni, Guru Sebagai Pendidik, Guru Sebagai Agen Perubahan, Guru Sebagai Model, Guru sebagai Pembimbing dan Pemudah cara, Guru Sebagai Kaunselor dan Guru Sebagai Hakim. Sebagai pendidik, guru harus menonjolkan sifat-sifat keperhatinan yang terpuji yang dapat diterima oleh pelajar, masyarakat dan rakan seprofesisionnya. Dari segi keperibadian, seseorang guru perlu memiliki keperibadian: Tegas, Ramah, Suka berjenaka, Adil, Mudah lentur (fleksibel), Dedikasi, Toleransi, Pandangan Luas dan Dinamik.

Sidek Baba (2010) menyatakan, guru perlu menampilkan akhlak contoh. Qudwah adalah faktor penting kepada para pendidik. Secara fitrahnya manusia mencontohi ibubapa, guru, sahabat dan pemimpin sebagai sumber ikutan. Dalam pendidikan, guru harus memiliki kualiti *murabbi*, *muallim* dan *muaddib* supaya kualiti pengajaran dan pembelajarannya memberi kesan terhadap pembentukan minda dan sahsiah pelajar. Guru harus memiliki kasih sayang yang tinggi menghadapi kerenah murid dan sentiasa cekal untuk membentuk pemikiran, memberikan ilmu dan pengajaran terhadap mereka.

2.5 Perbezaan Antara Pelajaran Dan Pendidikan(Tarbiyyah)

Pelajaran bermaksud menyampaikan. Sukatan yang telah disusun disampaikan kepada pelajar seadanya. Pelajar akan dilatih mengingat, membuat latihan dan melakukan ulangkaji. Manakala pendidikan bukan sekadar menyampaikan

maklumat, ilmu pengetahuan, ketrampilan dan latihan, tetapi maklumat yang disampaikan juga mestilah menepati al-Quran dan Sunnah. Hasil ilmu yang benar mampu mendidik pelajar bercakap benar, menyatakan kebenaran dan bencikan sesuatu yang tidak benar (Sidek Baba, 2006)

Contoh yang terbaik ialah bagaimana Rasulullah SAW melalui proses *tarbiyah rabbani* (pendidikan ketuhanan) yang amat berkesan hingga mampu mengubah kehidupan manusia. Allah mendidik Rasulullah SAW bersama penurunan wahyuNya. Al-Quran adalah petunjuk bagi manusia sejagat tidak kira sama ada yang beriman atau tidak.

Firman Allah SWT:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ وَسُبُّلَ السَّلَمِ وَيُخْرِجُهُمْ مِنِ
الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ يَأْذِنُهُ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya: "Dengannya (al-Quran itulah) Allah memberi petunjuk kepada orang-orang yang mengikut jalan keselamatan dengan keredhaaNya. Dengan kitab itu juga dikeluarkan orang-orang yang berada dalam gelap gelita (sesat) menuju kepada cahaya yang terang benderang (petunjuk) dengan izinnya dan dia menunjuk jalan yang lurus kepada mereka." (Surah al-Maidah : ayat 16)

Pendidikan yang mengambil pertimbangan agama tidak boleh menolak kepentingan *rabbani* (ketuhanan) kerana ia adalah sesuatu yang utama. Dalam pendidikan, faktor *rabbani* (ketuhanan) mesti wujud dalam diri pendidik, kurikulum, dasar mengurus teknologi dan sains dan juga kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Pendidikan *rabbani* (ketuhanan) mengembangkan ruang daya fikir, jiwa *tadabbur* dan meluaskan skop kaji selidik, data dan fakta tanpa menolak kepentingan rasional dan daya berfikir.

Idris Marbawi (1354H), berpendapat pendidikan dalam bahasa Arab disebut *al-tarbiyyah*. Ia berasal dari kata kerja *rabba* yang bermaksud tumbuh, bertambah, membiak, mengasuh, mendidik dan memelihara. Manakala kajian yang dilakukan oleh Zawawi Hj. Ahmad (1984:21) mendapatkan pendidikan merujuk kepada *tarbiyyah*. Apabila digunakan sebagai satu analogi, istilah *tarbiyyah* bermaksud menjaga dan memelihara sifat-sifat semulajadi kanak-kanak serta memupuk bakat-bakat dan kebolehan yang wujud pada mereka dengan dorongan secara beransur-ansur agar semua bakat dan kebolehan tersebut dapat berkembang dengan baik sesuai dengan peringkat kematangan yang dilaluinya. Pendidikan juga ditakrifkan sebagai satu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi agar menjadi seorang yang berilmu, baik tingkah laku serta dapat mengekalkan nilai-nilai budaya masyarakatnya.

Kajian Adler (1969) Perkataan *education* berasal dari dua perkataan Latin *e* dan *ex* yang bermaksud memimpin. Apabila kedua-dua istilah tersebut digabungkan, ia memberi pengertian sebagai mengumpul maklumat ke dalam dan mengeluarkan bakat.

Menurut Kamus Dewan (1998), pendidikan bermaksud perihal mendidik yang merujuk kepada aktiviti memelihara dan melatih secara baik. Justeru pendidikan sangat memerlukan kepada usaha yang serius dan berterusan.

Pengertian Pendidikan adalah berlainan dan berubah mengikut tujuan dan tugasnya. Perkataan Inggeris, education atau pendidikan dikatakan berasal dari perkataan Latin educare yang bermakna memelihara atau mengasuh anak (Ee Ah Meng, 1988).

Menurut John Wild dalam Abdul Fatah (2003), beliau menegaskan pendidikan ialah komunikasi kebenaran yang seni. Pendidikan tidak dianggap sempurna sehingga seseorang individu itu memiliki kebenaran pada akal dan hati. Beliau menegaskan empat perkara penting faham realisme ke atas pendidikan iaitu: i) Melihat dengan jelas kebenaran benda-benda yang sebenar dan meluas serta mengintergrasikan apa yang diketahui, ii) Mendapatkan pengetahuan kehidupan yang praktikal pada amnya dan fungsi-fungsi profesi khasnya, iii) Mengetahui baik/buruk sesuatu, iv) Dapat melaksanakannya kepada individu tua dan muda melalui kemasyarakatan.

Mengikut Aristotle, pendidikan adalah suatu cara menolong manusia dalam usahanya mendapatkan kebahagiaan. Pendidikan menolong manusia supaya berkebolehan dan berpenaakulan yang tepat. Bila penaakulan manusia terbentuk dengan baik dan tepat, ia dianggap manusia yang sempurna. Tujuan utama pendidikan adalah menjadikan manusia seorang yang sempurna. Tujuan pendidikan ialah menjadikan individu *tolerant and well-adjusted person* dan keharmonian rohani dan jasmani (Abdul Fatah, 2003).

Sesungguhnya hakikat pendidikan dalam pandangan Islam adalah mendidik anak-anak, dan membentuknya sebagai manusia berbudi luhur dan berakhhlak sempurna, sehingga kelak menjadi pendorong untuk melakukan kebaikan dalam perjalanan

hidupnya, dan penghalang dari terseret ke lembah kemaksiatan pada setiap situasi dan tempat yang ia hadapi (Dr. Miqdad Yaljan: Terj, 1986:105).

Kajian oleh Sidi Gazalba (1986) pula mengatakan tujuan pendidikan untuk menanamkan kebiasaan yang akan membentuk tabiat. Seterusnya tabiat akan melahirkan perbuatan yang diajar. Justeru fokus dalam sesebuah pendidikan untuk menanamkan amal dan sasaran pendidikan di dalam hati individu. Hasil pendidikan yang diterima oleh seseorang dapat dilihat pada sikap dan perbuatan yang dilakukannya.

Menurut kajian oleh Robiah Sidin (1994) dalam Rosnaaini (2004:23) pendidikan bukan sekadar mempunyai peranan akademik untuk memperkembangkan keupayaan kognitif sebaliknya memainkan peranan penting ke atas pembentukan sosial dan peribadi seseorang. Pendidikan dapat membentuk asas-asas personaliti sama ada baik atau buruk. Peranan pengajaran dan disiplin pula penting dalam usaha membentuk kematangan pemikiran serta tingkahlaku. Hal ini demikian menjadikan seseorang itu berupaya mengawal diri, bertanggungjawab, berdisiplin, beremosi sihat selari dengan norma-norma masyarakat, agama dan bangsa.

Dalam konteks negara Malaysia Abdul Fatah (2003), merumuskan tujuan pendidikan di Malaysia adalah seperti berikut :

- i. Memberi peluang pendidikan kepada semua kaum di negara ini dengan tidak mengira bangsa, warna kulit atau keturunan,

- ii. Melengkapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran supaya dia dapat membezakan antara yang benar dengan yang tidak benar dan dapat berfikir secara kritikal,
- iii. Mengembangkan individu supaya terbentuk kewarasan mental, kestabilan emosi dan ketinggian sahsiah dan terbina ke arah pemikiran yang positif dan saintifik,
- iv. Memupuk perasaan individu dengan pengetahuan.

Menurut Afzalur Rahman (1993), mengenai pendidikan, beliau menegaskan Islam memberi penekanan yang berat terhadap keyakinan kepada keesaan Allah (Tauhid) dan matlamat pendidikannya ialah untuk melahirkan hamba-hamba Allah yang taat dan patuh, yang berfikir, merancang dan bertindak mengikut kehendak Tuhan mereka. Pada amalannya, tujuan pendidikan adalah untuk melaksanakan satu sistem yang baik, patuh dan adil supaya orang ramai dapat hidup dalam suasana yang gembira dan puas hati, serta keselamatan yang terjamin sepenuhnya.

Al-Quran membentangkan tingkatan kesucian jiwa manusia dengan ayat:

Firman Allah:

وَرَبِّكَ فَكَبِرَ ﴿١﴾ وَثَابَكَ فَطَهَرَ ﴿٢﴾ وَالْرُّجُزَ فَاهْجُرْ ﴿٣﴾ وَلَا
تَمْنَنْ تَسْتَكْبِرْ ﴿٤﴾ وَلَرِبِّكَ فَاصْبِرْ ﴿٥﴾

Maksudnya: "Dan agungkanlah Tuhanmu, dan bersih kanlah pakaianmu, dan tinggalkanlah segala perbuatan yang keji, dan janganlah engkau (Muhammad) memberi dengan maksud memperoleh balasan yang lebih banyak (Surah Al-Mudatsir : 3-7)

Ayat-ayat di atas menunjukkan orang-orang yang ingin dilahirkan melalui pendidikan.

الَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿١﴾ وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَعْلُومٌ ﴿٢﴾ لِلسَّابِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ مِنْ عَدَابِ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ﴿٥﴾ وَالَّذِينَ هُوَ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٦﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٧﴾ فَمَنْ أَنْتَعَنِي وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لَا مَنْتَهِيهِمْ وَعَهْدُهُمْ رَاعُونَ ﴿٩﴾ وَالَّذِينَ هُمْ بِشَهَادَتِهِمْ قَائِمُونَ ﴿١٠﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ سَخَافِظُونَ ﴿١١﴾ أُولَئِكَ فِي جَنَّتٍ مُّكَرَّمُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: "Mereka yang tetap melaksanakan solatnya, dan orang-orang yang dalam hartanya disiapkan bahagiaan tertentu, bagi orang yang (miskin) yang meminta dan yang tidak meminta, dan orang-orang yang mempercayai hari pembalasan, dan orang-orang yang takut terhadap azab Tuhan, sesungguhnya azab Tuhan mereka, tidak ada seseorang yang merasa aman (dari kedadangannya), dan orang-orang yang memelihara kemaluan nya, kecuali tehadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Maka barangsiapa mencari di luar itu (seperti zina, homoseks, dan lesbian), mereka itulah orang-orang yang me lampau batas. Dan orang-orang yang memelihara amanat dan janjinya, dan orang-orang yang berpegang teguh pada kesaksiannya, dan orang-orang yang memelihara solatnya, mereka itu dimuliakan di dalam syurga." (Surah Al-Maarij : ayat 23-35)

Seterusnya Al-Quran mengemukakan contoh orang yang tidak bersyukur kepada Allah SWT sebaliknya bertentangan dengan apa yang mahu dilahirkannya.

Dalam Surah Al-Fajr, ayat 15-20:-

فَإِنَّمَا إِلَّا نَسَنْتُ إِذَا مَا أَبْتَلَنَا رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَمَهُ فَيَقُولُونَ رَبُّنَا أَكْرَمَنَا
وَأَمَّا إِذَا مَا أَبْتَلَنَا فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَيَقُولُونَ رَبُّنَا أَهْبَنَنَا
كَلَّا بَلْ لَا تَكْرُمُونَ الْيَتَيمَ وَلَا تَحْصُنُ عَلَى طَعَامِ
الْمُسْكِينِ وَتَأْكُلُونَ الْرُّثَاثَ أَكْلًا لَمَّا
الْمَالَ حُبًّا جَمًا

Maksudnya:"Maka adapun manusia, apabila Tuhan mengujinya lalu memuliakannya dan memberikannya kesenangan, maka dia berkata, "Tuhanku telah memuliakan ku". Namun apabila Tuhan mengujinya lalu membatasi rezekinya, maka dia berkata, "Tuhanku telah menghinaku". Sekali-kali tidak! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim. Dan kamu tidak saling mengajak memberi makan orang miskin. Sedangkan kamu memakan harta warisan dengan cara mencampurbaurkan (yang halal dan yang haram). Dan kamu mencintai harta dengan kecintaan yang berlebihan.

Ayat-ayat ini menerangkan falsafah dan tujuan pendidikan dalam sesebuah masyarakat Islam.

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa pendidikan anak-anak adalah satu tugas yang amat berat dan kepada tugas ini adalah tanggungjawab ibubapa di rumah dan tanggungjawab guru di sekolah dan pusat-pusat pendidikan. Tugas mendidik adalah tugas merubah manusia daripada jahil kepada berilmu, daripada akhlak buruk kepada sopan santun, daripada susah kepada senang, dan sebagainya lagi. Oleh itu para pendidik perlu kepada satu contoh atau panduan yang betul supaya perjalanan ajaran dan didikannya juga adalah betul, tidak menyimpang daripada apa yang disyariatkan oleh Allah SWT.


2.6 Komunikasi Dalam Pendidikan

Komunikasi menurut konteks pendidikan merujuk kepada proses menyampaikan pemikiran dari satu minda kepada minda yang lain. Dalam kehidupan harian manusia antara 70 hingga 80 peratus daripada masa kita digunakan untuk berkomunikasi. Proses mendidik memerlukan sepenuhnya keupayaan berkomunikasi. Tanpa kemahiran di bidang ini sukar untuk guru menggerakkan dinamika sosial di bilik darjah (Highet dalam Rosnah, 1998).

Highet dalam Rosnah Sibin (1998), menegaskan bahawa komunikasi amat mustahak pada diri manusia. Tanpa komunikasi, proses mengajar tidak akan wujud. Komunikasi dua hala antara guru dan pelajar memerlukan reaksi dan maklum balas yang spontan dan penuh kefahaman.

Menurut Highet lagi, antara masalah yang kerap ditemui termasuklah situasi-situasi yang berikut:

- i. Guru berdiri di depan dan memberi kuliah kepada murid-murid menyalin isi-isi penting. Tidak ada interaksi antara guru dengan murid dan guru menguasai sepenuhnya sesi pengajaran.
- ii. Guru masuk kelas dengan muka bengis atau masam. Dia cepat marah dan meleter murid-murid secara terbuka dan kuat. Ada kalanya guru itu menyindir dan menjatuhkan hukuman atau membuat ancaman jika didapati murid-murid tidak mematuhi arahannya.

- 
- iii. Guru tidak memberi arahan yang panjang lebar atau jelas kepada murid-murid. Mereka hanya diarah menjawab soalan atau menyudahkan tugas-tugas tertentu. Murid-murid bertanya-tanya dan menunjukkan ekspresi bengang dan dalam kekaburan. Guru tidak memperdulikan dan terus membuat tugasannya sendiri.
- iv. Di dalam kelas guru tidak mahu memberi bantuan kepada murid-murid.
- v. Apabila ditanya tentang jawapan yang betul, dia akan menangguhkan responnya atau sebaliknya mengarahkan murid-murid mencari jawapan sendiri.
- vi. Muka guru masam, marah dan tidak boleh ditegur. Dari awal hingga akhir pengajarannya dia memberi gambaran dia tidak senang dan tidak suka disoal atau diganggu dengan pertanyaan atau cadangan-cadangan daripada murid.
- vii. Guru masuk ke kelas dan akan terus duduk di depan. Dia memberi arahan ringkas dan meminta murid-murid membuat kerja tanpa menghiraukan keadaan kelasnya. Ada murid menyanyi, ada yang bermain, berbual dan sebagainya tanpa dihiraukan oleh guru.
- viii. Guru ini lembut, dia mempunyai suara yang kurang kedengaran oleh semua murid. Air mukanya menunjukkan dia bersimpati dan menyebelahi murid dan mengikut sahaja apa yang dibuat oleh murid-murid.

Semua situasi yang dinyatakan mempunyai masalah yang dikaitkan dengan komunikasi. Masalah berpunca dari guru kurang memberi perhatian kepada murid, kurang mementingkan keperluan dan perasaan mereka, tidak menguasai bahan yang diajar, tidak mahir atau cekap menyampaikan mesej dan sebagainya.

Sebagai murabbi (pendidik) Rasulullah SAW selalu melakukan pendekatan komunikasi (Rosnaaini, 2004) sebagaimana yang anjurkan oleh Al-Quran iaitu:

- i. Qaulan maysuran (kata-kata yang menyenangkan hati) Al-Isra', ayat 28:-

وَإِمَّا تُعْرِضُ عَنْهُمْ أَبْيَاعَاءَ رَحْمَةً مِّنْ رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَّهُمْ

قَوْلًا مَّيْسُورًا

Maksudnya: "Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati."

- ii. Qaulan ma'rufan (kata-kata yang baik): Surah al-ahzab, ayat 32:-

يَبْشِّرُهُنَّا النَّبِيُّ لَسْتُنَ كَأَحَدٍ مِّنَ النَّاسِ إِنْ أَتَقِيتُنَ فَلَا
خَضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ الَّذِي فِي قُلُوبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا

مَعْرُوفًا

Maksudnya: "Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu),

dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)."

- iii. Qaulan balighan (kata-kata yang boleh memberi kesan)

Surah an nisa³: ayat 63:-

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ
وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِّغًا

Maksudnya: "Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah Engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta Katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka".

- iv. Qaulan sadidan (kata-kata yang benar dan tepat); an-nisa³: ayat 9,

وَلَيَخِشَّ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا حَافِظًا
عَلَيْهِمْ فَلَيَتَقُوا اللَّهَ وَلَيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya: "Dan hendaklah takut (kepada Allah dari pada melakukan aniaya kepada anak-anak yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (Masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)."

- v. Qaulan kariman (kata-kata yang mulia): al-Isra': 23

* وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَّا إِمَّا يَبْلُغُنَّ
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفِي وَلَا
تَهْرِهِمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya Engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah Engkau berbuat baik kepada ibu bapa, jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanMu, maka janganlah Engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah Engkau menengking menyergah mereka, tetapi Katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

Penulis ingin mengutarakan bahawa komunikasi dalam pendidikan adalah tatacara pertuturan yang sepatutnya di amalkan oleh para pendidik supaya komunikasi pendidikan berjalan dengan lancar dan sempurna seterusnya menjadi satu wadah ilmu yang cukup mampan untuk melahirkan insan-insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Justeru itu untuk memartabatkan bidang pendidikan di tempat yang lebih tinggi, maka keseluruhan unsur yang terlibat dalam aktiviti pendidikan hendaklah diseragamkan dan di ambil dari sumber-sumber yang betul dan mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah SWT. Semoga bidang pendidikan menjadi salah satu cabang yang dapat membantu negara dalam menghasilkan modal insan yang jitu yang sentiasa mengambil nilai syariat dalam hidup mereka.

2.7 Penutup

Kajian-kajian lepas mendapati surah Luqman merupakan satu surah yang membincangkan tentang asas-asas pendidikan keibubapaan yang dikemukakan dengan cara yang menarik iaitu melalui nasihat seorang bapa kepada anaknya. Luqman merupakan seorang hamba yang soleh yang dikurniakan hikmah oleh Allah SWT.

Kajian-kajian lepas juga mendapati bahawa perkataan pendidikan bermaksud *tarbiyyah* iaitu satu proses berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi agar menjadi seorang yang berilmu, baik tingkahlaku serta mengekalkan nilai-nilai budaya masyarakatnya. Kajian-kajian lepas juga mendapati bahawa konsep tauhid merupakan perkara asas yang paling kuat untuk di tanam ke dalam diri anak-anak dengan iman yang benar iaitu menyembah Allah SWT. Konsep syukur kepada Allah dan syukur kepada ibubapa didapati dalam bentuk hati, lisan dan anggota. Manakala sabar melaksanakan perintahNya dan sabar dalam meninggalkan laranganNya. Begitu juga konsep sederhana didapati ada di dalam tuntutan Islam iaitu dalam bercakap dan berjalan.

Kajian-kajian penulis terdahulu lebih banyak menumpukan bagaimana membentuk dan melahirkan anak-anak yang soleh dan patuh dengan syariat Islam. Terdapat juga kajian yang lebih menekankan hak-hak anak kepada ibubapa, hak-hak pelajar terhadap guru yang mendidiknya, tetapi di manakah hak-hak ibubapa terhadap anaknya dan hak-hak guru terhadap anak muridnya?

Kajian yang ingin penulis bentangkan ini adalah berkisar tentang Surah Luqman (ayat 12-19) yang mana melalui kajian ini, dapat dilihat contoh didikan (*tarbiyyah*) Luqman al-Hakim atau cara Luqman al-Hakim mendidik dan seterusnya dapat mencontohi sifat-sifat pendidik (*murabbi*) cemerlang serta tanggung jawab (*mas'uliah*) mereka dalam bidang pendidikan. Semoga kajian ini sesuai digunakan oleh pra pendidik hari ini dan bakal pendidik masa akan datang.

BAB TIGA

LATAR BELAKANG TOKOH

3.1 Pendahuluan

Luqman adalah tokoh sejarah masa lalu. Nama dan hikmahnya masih dikenang sehingga kini. Luqman dijadikan simbol hikmah. Ali bin Abi Talib suatu masa pernah ditanya mengenai Salman A-Farisi , Ali mengatakan, "Adakah di antara kalian yang mampu mendampingi Luqman al-Hakim? tokoh yang mengetahui ilmu generasi awal dan ilmu generasi akhir. Beliau membaca kitab pertama dan terakhir. Beliau merupakan lautan yang tidak pernah kering airnya. "(Syarif Hade Masyah,2008:xi)

Nilai kemanusiaan, nilai sosial, nilai sastera dan aspek kejiwaan tidak pernah hilang dalam sebuah hikmah yang maju. Hal ini tidak lain disebabkan kerana hikmah dapat berbicara melebihi daripada apa yang dibicarakan oleh jiwa manusia. Dalam kes ini Luqman seolah-olah menjadi doktor. Beliau berjaya mengajak jiwa berbicara disebalik tirai yang terbuka. Beliau mengetahui setiap ubat penyakit jiwa.

Luqman adalah ayah yang penyayang dan bijak. Beliau melihat anaknya dengan pandangan yang penuh kasih sayang. Semua itu dilakukannya supaya si anak tidak jatuh ke dalam jurang kesesatan dan penyelewengan. (Syarif Hade Masyah,2008:xi)

3.2 Pengenalan Luqman Al-Hakim

Menurut Afzalur Rahman (1993), Luqman al-Hakim adalah satu cerita tentang orang soleh dalam kesusasteraan Islam. Cerita tentang Luqman al-Hakim ini diketahui oleh

orang Arab sejak zaman belum Islam lagi. Dia digambarkan sebagai seorang pahlawan yang panjang umurnya dan kisah mengenainya dirakamkan dalam tradisi kesusasteraan sebelum Islam. Luqman telah disebut dua kali di dalam Al-Quran yang menerangkan bahawa dia adalah seorang yang soleh. Kemudian cerita ini berkembang dalam kesusasteraan Arab tradisional, yang menggambarkannya sebagai orang yang bijak dan pencipta kata-kata yang bijaksana dalam tradisi Arab. Selanjutnya, Luqman juga telah dianggap sebagai seorang penulis hikayat Arab. Kisah tentang Luqman al-Hakim ini telah dirakamkan dalam hampir setiap kumpulan cerita tentang nabi. Terdapat juga cerita berasingan tentang Luqman al-Hakim seperti kisah Luqman dengan ketuanya (قصة لقمان مع مولاً) dan Kisah Luqman Dengan Anaknya (قصة لقمان مع ابنه). Kisah yang pertama itu, kini di simpan di perpustakaan di Berlin dan yang kedua, disimpan di perpustakaan di Sepanyol.

Menurut cerita tradisi Bani Israel, Luqman selalu mengeluarkan kata-kata hikmah (ucapan yang sesuai dengan kebenaran) sehingga akhirnya banyak diketahui masyarakat. Seseorang pernah bertanya kepadanya, "Bukankah kamu bekas hamba si Pulan? "Luqman menjawab, "Benar". Orang itu lalu bertanya lagi, "Tetapi apa yang membuat kamu terkenal seperti sekarang?" Beliau menjawab, "Kekuasaan Allah SWT. Aku selalu berkata benar dan meninggalkan sesuatu yang tidak berfaedah, serta selalu menunaikan amanah yang diberikan kepadaku. "Isteri majikannya Luqman pernah marah kepada suaminya. Suaminya lalu mencari juadah (makanan yang lazat) untuk isterinya, kemudian meminta Luqman untuk menyerahkan makanan itu kepada kesayangannya (maksudnya isterinya). Setibanya di rumah, Luqman memberikan juadah itu kepada anjing majikannya, bukan kepada isterinya. Setelah pulang majikannya bertanya kepada isterinya adakah beliau sudah menerima juadah yang

dikirim melalui Luqman. Isterinya berkata, "Luqman tidak membawa sesuatupun untukku. "Suaminya marah lalu memanggil Luqman. Luqman menjawab, "Hamba telah memberikan juadah itu kepada kesayangan tuan seperti yang tuan pesan, iaitu anjing tuan." Luqman menambah, "Anjing itulah yang seharusnya disayangi kerana sekalipun dihina dan disakiti, ia tidak meninggalkan tuan, manakala isteri tuan sebenarnya bukanlah kesayangan Tuan kerana beliau sering meminta cerai sekalipun tidak dihina, apalagi di pukul" (Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar, 2003:123).

Menurut Syarif Hade Masyah (2008:5), ada perbezaan pendapat mengenai siapa nama anak lelakinya itu. Ada yang mengatakan namanya adalah An'am. Ada juga yang mengatakan namanya adalah Asykam. As-Suhaili mengatakan, "Nama anak lelaki Luqman adalah Tsaran". Pendapat ini dikemukakan oleh Ibnu Jarir dan al-Qutaibi. Al-Kalabi juga mengatakan namanya adalah Misykam. Ada yang mengatakan namanya Matan. An-Nuqqasy adalah orang yang mengatakan namanya An'am.

Mengenai identiti Luqman Al-Hakim, Syarif Hade Masyah (2008:52) menulis, bahawa Ibnu Abi Halim melaporkan daripada Abu ad-Darda', suatu hari beliau menyebut nama Luqman Hakim. Beliau berkata "Dia tidak mempunyai keluarga, harta, kemuliaan dan banyak hal. Namun beliau adalah seorang lelaki yang gemuk, berani, pendiam, berpengetahuan tinggi dan berpanjangan jauh. Sepanjang hidupnya beliau tidak pernah tidur siang. Tidak ada seorang pun yang pernah melihatnya meludah. Beliau tidak bersendawa, tidak pernah membuang air kecil dan air besar, tidak mencuci, tidak pernah bermain dan tidak suka ketawa. Beliau tidak pernah

mengulangi sesuatu yang diucapkannya kecuali apabila beliau berkata mengenai hikmah kerana ada orang yang memintanya supaya hikmah itu diulang kembali."

Menurut Ahmad Hasan (2009), Ibn Ishak berpendapat bahawa Luqman al- Hakim ialah Luqman bin Baura bin Nahur bin Tahira. Sedangkan Tahira ialah Azar, ayah Nabi Ibrahim AS. Al-Suhaily pula menyatakan Luqman al-Hakim ialah putera Unga bin Sarun daripada penduduk Aylah, Palestin. Sedangkan Wahab pula mempunyai pendapat lain, iaitu Luqman al-Hakim ialah putra saudara perempuan Nabi Ayub AS. Tetapi menurut pendapat yang dinukil daripada Muqotil beliau adalah putra Nabi Ayub AS. Dikatakan Luqman al-Hakim hidup selama seribu tahun, sezaman dengan Nabi Daud AS. Sebelum Daud AS diutuskan menjadi rasul, Luqman al-Hakim memberi fatwa kepada manusia, namun setelah Daud A.S diutus, beliau tidak lagi memberikan fatwa. Waqidi pula berpendapat bahawa Luqman al-Hakim itu ialah seorang kadi di kalangan Bani Israil. Sebahagian besar ulama pula berpendapat bahawa Luqman al-Hakim itu ialah seorang hamba sahaya dari negeri Habsyi (Ethiopia).

3.3 Luqman Al-Hakim Menurut Tafsiran al-Quran

Luqman adalah seorang tukang kayu, kulitnya hitam, dan dia termasuk di antara penduduk Mesir yang berkulit hitam, serta dia adalah orang yang hidup serba sederhana, Allah telah memberinya hikmah dan menganugerahkan kenabian kepadanya (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1989:5365).

Ahli tafsir berbeza pendapat tentang siapakah Luqman yang disebut di dalam ayat. Apakah dia seorang nabi atau seorang yang soleh tanpa diberi kenabian? Kebanyakan mereka mengambil pendapat yang kedua. Mereka mengatakan bahawa

Luqman adalah seorang berkulit hitam dari Afrika, seorang hamba sahaya dari Sudan. Di dalam ayat ini Luqman telah memberi nasihat kepada anaknya yang bernama Tsaran, putera yang paling disayangi dan dicintai (Tafsir Ibnu Katsir, 1994:255).

Menurut M.Quraish Shihab (2005:125), Luqman yang disebut dalam oleh surah ini adalah seorang tokoh yang diperselisihkan identitinya. Orang Arab mengenal dua tokoh yang bernama Luqman. Pertama, Luqman ibn ‘Ad. Tokoh ini mereka agungkan kerana wibawa, kepimpinan, ilmu kefasihan dan kepandaianya. Ia kerap kali dijadikan sebagai permisalan dan perumpamaan. Tokoh kedua adalah Luqman al-Hakim yang terkenal dengan kata-kata bijak dan perumpamaan-perumpamaannya.

Banyak pendapat mengenai Luqman al-Hakim. Ada yang mengatakan bahawa ia berasal dari Nuba, dari penduduk Ailah. Ada juga yang menyebutnya dari Etiopia. Ada pendapat lain mengatakan bahawa ia berasal dari Mesir Selatan yang berkulit hitam, ada yang mengatakan bahawa ia seorang Ibrani. Pekerjaannya juga diperselisihkan. Ada yang mengatakan dia seorang penjahit, atau pekerja pengumpul kayu, atau tukang kayu atau pengembala. Hampir semua yang menceritakan riwayatnya sepakat bahawa Luqman bukan seorang Nabi dan bukan orang Arab. Ia adalah seorang yang sangat bijak.

Menurut Hamka (1981:142), mengenai asal-usul Luqman, ada yang mengatakan bahawa beliau adalah seorang Negro, atau Habsyi, yang warna kulitnya hitam. Beliau pernah menjadi khadam di rumah seorang yang kaya. Pada suatu hari tuannya menyuruhnya menyembelih seekor kambing untuk dimakan dan diperintahkan

mengambilnya dua bahagian daging yang paling besar khasiatnya jika dimakan. Lalu Luqman memotong lidah dan hati, dimasaknya dan dihidangkannya. Besoknya orang kaya itu menyuruhnya menyembelih seekor kambing pula dan disuruh memotong dua bahagian yang paling menjijikkan. Luqman pun mengambil lidah dan hati. Maka tuannya pun bertanya kenapa berbuat demikian? Maka Luqman menjawab;

"Memang lidah dan hati itulah bahagian daging dalam tubuh manusia yang paling besar khasiatnya, apabila orang pandai menjaganya. Dan keduanya pula yang akan mencelakakan manusia apabila dia tidak dapat mengendalikannya. Hati dapat menimbulkan niat yang ikhlas. Lidah dapat menuturkan kata-kata yang penuh budi bahasa sesama manusia, dan dengan sebab lidah perang pun boleh berlaku."

Menurut Syed Qutb (2000:523) pula, hakikat siapakah Luqman yang dipilih oleh al-Quran sebagai jurucakap yang menerangkan persoalan-persoalan tauhid dan akhirat telah diterangkan oleh berbagai-bagai riwayat, ada riwayat yang mengatakan beliau itu seorang nabi dan ada riwayat yang mengatakan hanya seorang hamba yang soleh bukannya nabi. Kebanyakan Mufassirin berpegang dengan riwayat yang kedua ini. Begitu juga ada cerita yang mengatakan beliau hidup dalam kalangan Bani Israil sebagai salah seorang dari hakim-hakim mereka. Walau apapun hakikat beliau, namun al-Quran telah menjelaskan bahawa beliau telah dikurniakan Allah hikmat yang isi kandungan dan tujuannya ialah bersyukur kepada Allah SWT.

Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (1980:1072), tentang perihal Luqman, dinyatakan sebagai hamba Allah yang *soleh*, yang telah dikurniakan Allah Taala dengan ilmu pengetahuan dan hikmah kebijaksanaan. Luqman telah menasihati anaknya supaya menjauhi perbuatan syirik, dan supaya ia mengerjakan amal-amal yang soleh serta berakhhlak dengan akhlak yang mulia. Semasa menerangkan kisah

Luqman dengan anaknya, Allah Taala menegaskan tentang wajibnya manusia bersyukur akan segala nikmat yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan wajibnya mereka menjauhi perbuatan syirik. Kemudian diperintahkan supaya tiap-tiap seorang berbuat baik kepada kedua ibu bapanya yang tidak akan dapat dibalas budinya, lebih-lebih lagi ibunya. Setelah itu ditegaskan bahawa orang yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah Taala dengan ikhlas dan tenang tenteram hatinya kepada apa yang ditakdirkan baginya, sesudah ia berusaha dengan bersungguh-sungguh mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya, bermakna ia telah berpegang kepada simpulan tali penyelamat yang teguh, iaitulah agama Allah.

Menurut Al-Maududi (1982:13), Luqman dikenali sebagai orang yang cerdik dan bijaksana di tanah Arab. Beliau pernah disebut di dalam syair para penyair sebelum Islam seperti Imra’ul-Qais, Labid, A’asha, Tarafa dan lain-lain. Segelintir orang Arab yang terpelajar ada memiliki kumpulan kata-kata hikmah Luqman. Mengikut tradisi tiga tahun sebelum Hijrah orang yang pertama di Madinah yang dipengaruhi oleh Nabi ialah Suwaid bin Samit. Dia pergi menunaikan haji di Mekah. Seperti biasa di Mekah tempat nabi menyampaikan dakwahnya kepada orang yang datang dari pelbagai tempat untuk menunaikan haji.

Ketika Suwaid mendengar ucapan baginda, dia menyatakan "Aku memiliki sesuatu yang serupa seperti mana yang kau ucapkan. "Nabi pun bertanya apakah benda itu, Suwaid pun menjawab, "Gulungan kata-kata Luqman." Nabi pun memintanya untuk membacakan sebahagian daripada yang tercatat itu, Maka Rasulullah SAW pun bersabda:

"إِنَّ هَذَا الْكَلَامُ حَسْنٌ وَالَّذِي مَعَى أَفْضَلُ قُرْآنٍ أَنْزَلَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ هُوَ هُدًى وَنُورٌ،
وَدُعَاءُ لِلْإِسْلَامِ" (رواد ابن اسحاق)

Maksudnya: "Apa yang diucapkan itu baik, tetapi apa yang aku miliki itu lebih baik." (Riwayat Ibn Ishaq)

Kemudian baginda pun membaca Quran kepadanya, Suwaid mengakui bahawa bacaan itu lebih baik daripada kata-kata hikmah Luqman .

Menurut ahli sejarah, lelaki ini (Suwaid bin Samit) dikenali dengan gelaran Kamil (Sempurna) di Madinah kerana kemampuannya, keberanian, kemuliaan dan kepandaian bersyair. Tetapi selepas pertemuannya dengan Nabi dia pulang ke Madinah, dia terbunuh di dalam perperangan Bu'ath, yang berlangsung selepas itu. Anggota kaumnya berpendapat bahawa dia telah menjadi seorang Muslim selepas bertemu dengan nabi. Menurut sejarah, ada beberapa pertikaian tentang peribadi Luqman. ada sebilangan orang percaya bahawa Luqman adalah daripada kaum 'Ad dan merupakan seorang raja di Yaman.

Maulana Sayyid Sulaiman Nadyi memberikan pendapatnya Luqman itu adalah daripada keturunan orang yang beriman yang mengikut Nabi Hud selepas kaum 'Ad dimusnahkan oleh azab Tuhan, dan beliau adalah salah seorang daripada raja di Yaman ketika kaum 'Ad menguasai negara itu. Ibn Abbas mengatakan bahawa Luqman itu adalah hamba berkulit hitam, sama juga pandangan Hadrat Abu Hurairah, Mujahid, Ikrimah dan Khalid ar-Rabi'. Menurut Hadrat Jabir bin Abdullah Ansar, dia berasal dari Nubah.

Sa'id bin al-Musayyib berkata bahawa beliau adalah orang kulit hitam dari Mesir. Tiga pandangan ini tidak banyak beza. Orang Arab biasanya menggelarkan orang berkulit hitam sebagai (*Habashis*) ketika itu, dan Nubah adalah negara di selatan

Mesir dan seorang yang berasal dari Nubah dan seorang berkulit hitam, walaupun berbeza perkataan tetapi adalah sama.

Para orientalis membuat kajian dengan objektif tertentu. Mereka mengeluarkan perkara palsu itu untuk membuktikan bahawa naratif Quran itu adalah lagenda yang tidak ada dalam sejarah dan kerana itu tidak boleh dipakai. Sesiapa sahaja yang membaca artikel B. Heller dalam *Encyclopedia of Islam* akan memahami motif sebenar kelompok ini.

Menurut Al-Qurtubi (2009:42), Diriwayatkan dari hadis Ibnu Umar r.a, dia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda,"Luqman bukan nabi, akan tetapi dia adalah seorang hamba yang banyak tafakur lagi bagus keyakinan. Dia cinta kepada Allah, maka Dia cinta kepadanya. Lalu Dia memberikan hikmah kepadanya. Dia juga menawarkannya untuk menjadi khalifah yang akan mengutuskan dengan kebenaran. Maka dia menjawab, "Wahai Tuhanaku, jika Engkau menyuruhku untuk memilih, maka aku pasti akan mengambil keselamatan dan jika Engkau telah menetapkannya atasku maka aku dengar dan aku taat, sebab sesungguhnya Engkau pasti akan melindungiku." Demikianlah pendapat yang disebutkan oleh Ibnu Athiyyah.

Sementara Ats-Tsa'labi menambah. "Ketika itu terdengar suara malaikat yang tidak biasa dilihat oleh Luqman. Dia berkata, "Kenapa, hai Luqman? Dia menjawab, "Sebab, hakim adalah jabatan paling berat dan penuh kecemasan, Dia dikelilingi oleh orang-orang yang terzalim di setiap tempat. Jika dia ditolong, maka dia memang baik untuk selamat, dan jika dia tersalah maka dia telah tersalah jalan menuju syurga.

Siapa yang di dalam dunia menjadi orang yang hina, maka itu lebih baik daripada dia menjadi seorang yang mulia di dunia. Siapa yang memilih dunia atas akhirat, maka dunia akan meninggalkannya dan dia tidak akan mendapat akhirat." Malaikat itu pun takjub dengan tutur katanya yang sangat bagus.

Setelah itu dia tertidur sejenak kemudian dia pun diberikan hikmahnya. Suatu ketika, Daud AS berkata kepada Luqman, "Betapa beruntungnya kamu, hai Luqman! Kamu telah diberi hikmah dan dijauhkan dari bala, sementara Daud diberi jabatan khalifah namun mendapatkan bala dan fitnah (cobaan)."

Qatadah berkata, "Allah SWT menyuruh Luqman untuk memilih antara kenabian dan hikmah. Dia pun memilih hikmah atas kenabian. Maka saat Luqman sedang tidur, Jibril AS telah mendatanginya dan menebarkan hikmah kepadanya. Keesokan harinya, dia pun berbicara penuh hikmah. Suatu ketika, ada yang bertanya kepada Luqman, "Kenapa kamu memilih hikmah atas kenabian saat Tuhanmu menyuruhmu untuk memilih? Luqman menjawab, "Sesungguhnya seandainya dia memberikan kenabian kepadaku tanpa bisa ditolak, tentu aku (akan menerimanya) dan mengharapkan pertolongan darinya, akan tetapi Dia menyuruhku untuk memilih. Aku takut tidak mampu memikul tugas kenabian, sementara hikmah lebih aku sukai."

3.4 Luqman Al-Hakim Menurut al-Hadis

Terdapat beberapa hadis yang menceritakan kisah Luqman. Antaranya seperti:

Hadis pertama:

وروى عن عبد الله بن مسعود رضي، عن النبي قال عبد الله بن مسعود: عندما الآية التالية (وهو ما يعني): "... أن الناس لا تخلط بين الإيمان مع إيمانهم بظلم" (آل القرآن في سورة الأنعام : 82)، صحابة النبي متسائلًا هل هناك أي بيننا من لا تفعل الخطأ؟" فأنزل الله قوله تعالى

(وهو ما يعني) : " في الواقع، الشرك هو الظلم . العظيم¹"(القرآن الكريم، رسالة لقمان: 13).الحديث صحيح البخاري، رقم الحديث: 30

Hadis yang dilaporkan oleh Abdullah bin Mas'ud: Apabila turun surah Al-An'am ayat 82 yang bermaksud," Orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan keimanan mereka mereka dengan kezaliman...." para sahabat berasa kandungan ayat ini adalah berat. Lalu mereka bertanya kepada Muhammad mengenai perkara ini," Siapakah di antara kita yang tidak pernah menzalimi diri sendiri? "Nabi Muhammad menjawab, "Kezaliman di sini adalah seperti yang dikatakan Luqman kepada anak lelakinya seperti dalam Surah Luqman ayat 13 yang bermaksud: "Janganlah kamu mempersekuatkan Allah, sesungguhnya mempersekuatkan Allah adalah sebesar-besarnya kezaliman." (Hadis riwayat Al-Bukhari)

Hadis kedua:

عن ابن عمر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إن لقمان الحكيم كان يقول: إن الله إذا استودع شيئاً حفظه.² (رواوه الإمام أحمد)

Dari Abdullah bin Umar, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud,"Luqman pernah berkata, Sekiranya Allah memberikan sesuatu, maka Allah pasti menjaganya. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Hadis ketiga :

وروى ابن أبي حاتم عن القاسم بن مخيمرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: قال لقمان الحكيم لابنه وهو يعظه: يا بني إياك والتقطع، فإنه مخوفة بالليل، مذمة بالنهار.³

Diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dari Al-Qasim bin Mukhaimah, Nabi SAW bersabda yang bermaksud, Pernah suatu masa Luqman menasihati anaknya, "Anak kesayanganku, hindarilah memakai topeng kerana itu akan menakutkan pada waktu malam dan dicela pada waktu siang."

¹ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Qaulillahi Taala: Ya aiyyuha Rasul Balligh ma unzila illaika mirrabbika. No hadith 30. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari," (Beirut: Dar Fikr,2004)

² Hadith riwayat Imam Ahmad , Tafsir al-Qasimi Mahasin at-Ta'wil, Bab Tanbih, Lihat Muhammad Jamaluddin bin Muhammad Said bin Qasim Al-Khalqa Al-Qasimi.(Beirut:Darul Kutub al-Ilmi,1418)

³ Ibid.,

Ibnu Kathir berkata, Berpandukan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda' tentang kebijaksanaan Luqman adalah seperti berikut :

- i. Luqman adalah lelaki yang cekal dengan kebenaran.
- ii. Pendiam, banyak bertafakkur dan berpandangan jauh.
- iii. Tidak pernah tidur di siang hari.
- iv. Tidak pernah meludah, tidak berkahak
- v. Tidak membuang air besar dan air kecil.
- vi. Tidak pernah mandi.
- vii. Tidak bermasam muka dan tidak ketawa.
- viii. Tidak mengulangi kata-katanya melainkan orang lain yang mengulanginya.
- ix. Pernah berkahwin dan memiliki beberapa orang cahaya mata namun kesemuanya menemui ajal, tetapi Luqman tidak menangisi kematian itu.
- x. Beliau juga mendampingi sultan dan pemerintah untuk melihat keadaan mereka dan mengambil iktibar. Ahmad Hassan Mohd. Nazam (2009:5)

3.5 Sifat Peribadi Luqman Al-Hakim

Secara kesimpulannya dapatlah digariskan di bawah ini tentang diri Luqman al-Hakim:

- i) Nama sebenarnya ialah Luqman bin Baura' bin Nahur bin Tarih (Azar, anak Ibrahim).
- ii) Berkulit hitam, gemuk, kedua bibirnya tebal dan cacat kedua kakinya.
- iii) Pekerjaannya, seorang pengumpul kayu, tukang kayu, penjahit, pengembala, pernah menjadi khadam di rumah seorang yang kaya, menjadi seorang qadhi (hakim) di kalangan Bani Israil.

- iv) Beliau seorang Negro atau Habsyi yang berasal dari Nuba, dari penduduk Ailah, ada yang menyebutnya dari Ethiopia. Ada yang menyatakan berasal dari Mesir Ibrani. Ada pula yang menyatakan ia seorang hamba sahaya dari Sudan.
- v) Luqman bukan seorang Nabi dan bukan orang Arab.
- vi) Seorang yang berani, pendiam, berpengetahuan tinggi dan berpandangan jauh, banyak berfikir, berkeyakinan baik, seorang yang bijak dan pencipta kata-kata yang bijaksana dalam tradisi Arab.
- vii) Beliau diberikan hikmah oleh Allah SWT melalui malaikat sewaktu sedang tidur. Hikmah ialah ketetapan dalam memilih yang benar dengan lisan, ketepatan berfikir dengan bantuan anggota badan dan ketepatan bergerak dengan hikmah juga.
- viii) Beliau merupakan seorang yang soleh dalam kesusasteraan Islam digambarkan sebagai seorang pahlawan yang panjang umurnya.
- ix) Beliau hidup selama seribu tahun dan Nabi Daud AS sempat bertemu dengannya dan belajar ilmu pengetahuan darinya.
- x) Menurut Wahab Luqman al-Hakim ialah putra saudara perempuan Nabi Ayub AS. Menurut Muqotil beliau adalah putra Nabi Ayub AS.
- xi) Luqmanlah yang member fatwa kepada manusia sebelum Daud AS diangkat menjadi Nabi. Setelah Daud AS diangkat menjadi Nabi maka Luqman berhenti dari memberikan fatwa.


Sebelum kajian ini pergi lebih lanjut ingin sekali penulis menyatakan sikap dan sifat Luqman Al-Hakim sebagai ayah dan pendidik terhadap anaknya menurut Nurulbasri (1991), Luqman menasihatkan anaknya : i)Tidak makan terlalu kenyang kerana

dengan kenyangnya perut boleh mematikan fikiran dan hikmah kebijaksanaan. Anggota badan menjadi lemah untuk beribadah dan hilang kebersihan hati. ii) Rajinlah belajar sewaktu masih kecil supaya dapat memetik nikmat ilmu setelah dewasa. iii) Ikutlah orang yang membawa jenazah supaya kamu ingat akan mati dan janganlah mengikuti jamuan perkahwinan kerana itu akan membangkitkan syahwat dan cinta dunia. iv) Mengangkat batu yang berat lebih ringan daripada mempunyai tangan yang buruk perangainya. v) Tidak ada yang lebih pahit daripada kemiskinan dan kehinaan. vi) Tidak ada penderitaan yang lebih dahsyat daripada menderita menanggung hutang.

Luqman Al-Hakim telah memilih 8 kalimah dari pusaka nabi-nabi dahulu sepanjang hidupnya, sabda mereka : i) Apabila mengerjakan solat, beribadah kepada Allah SWT. maka jagalah fikiran dengan baik. ii) Jagalah pandangan apabila berada di rumah orang lain. iii) Jagalah lidah ketika berada ditengah-tengah majlis. iv) Jagalah perangai jika hadir dalam jamuan makan. v) Sentiasa ingat Allah SWT. vi) Sentiasa ingat mati, vii) Lupakan budi baik kita terhadap orang lain. viii) Lupakan kesalahan orang lain terhadap diri kita.

Dalam kajian ini dapatlah disenaraikan sifat dan peribadi Luqman al-Hakim sebagai sebagai pendidik contoh:

- i. Banyak berbuat kebajikan – contohnya sentiasa mendidik anaknya ke jalan yang benar dan jalan yang diredzai oleh Allah SWT. Sentiasa membantu orang lain menyelesaikan masalah dengan kebijaksanaannya.

- 
- ii. Sentiasa bersyukur- beliau bersyukur dengan segala nikmat yang dilimpahkan kepadanya dan menyuruh anaknya juga sentiasa bersyukur kepada Allah SWT.
 - iii. Berpegang teguh dengan ad-deen (agama Islam)- Luqman sentiasa menasihati anaknya supaya kembali kepada ajaran Allah, beriman dan bertaqwah kepada Allah serta mengerjakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT. tanpa banyak soal.
 - iv. Meninggalkan perkara yang tidak berfaedah.
 - v. Memberikan pengajaran secara tidak langsung dalam perbuatan dan tingkah laku.
 - vi. Bercakap secara hikmah, berfikir secara hikmah dan bergerak secara hikmah.
 - vii. Banyak bertafakur, berfikir dan berkeyakinan baik.
 - viii. Merendah diri ketika diminta untuk memilih samada untuk menjadi khalifah atau tidak.
 - ix. Tidak mengulangi kata-kata hikmahnya sebanyak dua kali.
 - x. Tegas dalam memberi nasihat kepada anaknya – contohnya menjelaskan balasan yang akan diterima sekiranya engkar terhadap perintah Allah SWT.
 - xi. Luqman memiliki sifat-sifat yang ada para murabbi, muallim dan muaddib.
 - xii. Sentiasa mengajak kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar.
 - xiii. Bersifat penuh kemesraan ketika mendidik anaknya.

- xiv. Mempunyai daya sifat memujuk dalam memberi nasihat kepada anaknya – contohnya beliau memanggil anaknya dengan panggilan yang penuh kasihsayang , "Wahai anakku".
- xv. Berlemah lembut dalam tuturkatanya, tidak kasar dan keras atau meninggikan suaranya di hadapan anaknya dan di hadapan orang lain.
- xvi. Bersifat siddiq (bercakap benar)
- xvii. Bersifat amanah – amanah terhadap tanggungjawabnya sebagai bapa dalam menjalankan perintah Allah SWT..
- xviii. Bersabar dalam mendidik anaknya.

3.6 Nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya berdasarkan ayat 12-19.

Ibrahim Abdul Muqtadir (2010:19) dalam kitabnya menyenaraikan 12 nasihat Luqman kepada anaknya:


- i. Jangan mempersekutukan Allah.
- ii. Berbakti kepada ibubapa.
- iii. Tiada ketaan dalam menderhakai Allah SWT.
- iv. Wala' dan bara'
- v. Terperincinya hisab dan pentingnya muraqabah.
- vi. Dirikanlah solat.
- vii. Amar makruf nahi mungkar.
- viii. Bersabarlah.
- ix. Jangan sompong
- x. Janganlah berjalan di mukabumi dengan angkuh.
- xi. Etika berjalan.

xii. Etika bertutur kata.

Manakala Ahmad Hasaan Mohd.Nazam (2010:27) juga meringkaskan nasihat

Luqman kepada anaknya seperti berikut:

- i. Jangan sekali-kali mensyirikkan Allah Azzawajalla.
- ii. Bersyukur kepada Allah Azzawajalla.
- iii. Berhemah tinggi terhadap ibubapa.
- iv. Kembalilah kepada Allah SWT.
- v. Yakinilah alam ghaib dan penyaksiannya.
- vi. Tunaikanlah solat dan berdakwahlah.
- vii. Suruhlah perkara makruf dan tegahlah kemungkaran.
- viii. Bersabarlah atas sesuatu yang menimpa.
- ix. Awasi sifat ego dan bersederhanalah.
- x. Bertawadhuallah.



Universiti Utara Malaysia

Menurut Syarif Hade Masyah (2007:ix), Luqman adalah tokoh sejarah masa lalu. Nama dan hikmahnya dikenang sehingga kini. Ali bin Abi Talib suatu masa pernah ditanya mengenai Salman al-Farisi, Ali menyatakan, "Adakah di antara kalian yang mampu mendampingi Luqman al-Hakim? " Tokoh yang mengetahui ilmu generasi awal dan ilmu generasi akhir. Beliau membaca kitab pertama dan terakhir. Beliau merupakan lautan yang tidak pernah kering airnya. Quran mencatatkan hikmah Luqman itu dengan gaya bahasa dan kandungan maknanya tersendiri yang penuh dengan mukjizat. Hikmah-hikmah itu sampai kepada kita **umpama cahaya berwarna putih berkilauan yang memancarkan penjelasan menakjubkan**.

Hikmah dan nasihat saling berkaitan. Sekarang persoalannya, siapakah sering dinasihati orang ramai? Untuk siapa pula nasihat itu ditujukan? Ternyata nasihat itu disampaikan dan diperuntukkan kepada anak-anak mereka. Hal ini dilakukan berdasarkan anggapan anak-anak itu adalah penyambung generasi mereka. Justeru itu nasihat Luqman yang datang dari lubuk hatinya terus meresap masuk ke jantung anaknya.

Luqman adalah ayah yang penyayang dan bijak. Beliau melihat anaknya dengan pandangan yang penuh kasih sayang. Semua itu dilakukannya supaya anaknya tidak jatuh ke dalam jurang kesesatan dan penyelewengan. Hikmah dan nasihat daripada Luqman al-Hakim sentiasa sampai ke hati setiap orang yang dinasihatinya. Ini adalah sebuah nasihat dari hati ke hati.

Terdapat nasihat-nasihat Luqman al-Hakim dalam ayat 12-19 seperti berikut:

- i. Ayat ke 12 ... nasihat supaya beryukur kepada Allah SWT.
- ii. Ayat ke13 ... nasihat supaya tidak mensyirikkan / menyekutukan Allah SWT.
- iii. Ayat ke 14 ... nasihat supaya berbuat baik kepada kedua ibubapa.
- iv. Ayat ke15 ... nasihat supaya tidak mematuhi perintah ibubapa terhadap sesuatu yang menyalahi syarak.
- v. Ayat ke 16 ... nasihat supaya yakin kepada kekuasaan Allah SWT.
Bahawa Allah SWT akan membala segala amalan walau sebesar biji sawi.
- vi. Ayat ke 17 ... nasihat supaya menuaikan solat dan mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada perkara mungkar.

vii. Ayat ke 18 ... nasihat supaya tidak bersikap sombang dan membangga diri.

viii. Ayat ke 19 ... nasihat supaya bersederhana ketika berjalan dan merendahkan suara apabila bercakap.

Bimbingan dan nasihat yang terkandung dalam ayat-ayat ini adalah pengajaran yang langsung dari Allah SWT yang disampaikan melalui Luqman Al-Hakim hamba Allah yang sangat bijaksana dan kata-katanya penuh hikmah, ia merupakan nasihat yang sangat penting bagi setiap ibubapa dan pendidik dalam memberikan ilmu dan pendidikan.

3.7 Penutup

Menerusi latar belakang Luqman dapatlah disimpulkan bahawa Luqman al-Hakim mempunyai ciri-ciri khusus sebagai manusia pilihan Allah SWT untuk dicontohi oleh manusia akhir zaman. Kehidupan beliau bersama dengan orang disekelilingnya sangat memberi kesan terhadap kematangannya. Kebijaksanaan dan hikmah yang diperolehnya merupakan anugerah Allah SWT. Luqman al-Hakim merupakan salah seorang manusia pilihan yang akan mengajak manusia merenung akan kebesaran Allah seterusnya menjadi hamba yang bertaqwa.

Luqman adalah seorang hamba Allah yang berilmu, ilmu yang penuh hikmah dan bijaksana ini digunakan dalam kehidupan beliau untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan yang timbul dalam masyarakat pada masa itu. Ternyata anugerah Allah SWT ke atas beliau tidak terhenti pada zamannya sahaja malah selagi al-Quran itu

kekal di atas mukabumi ini maka seluruh alam dapat mengambil kisah Luqman sebagai contoh dan teladan dalam kehidupan.

Sekiranya al-Quran itu sesuai dijadikan panduan hidup manusia sehingga akhir zaman, maka begitu jugalah dengan nasihat-nasihat dan bimbingan Luqman dapat dijadikan panduan hingga ke akhir zaman.



BAB EMPAT

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif analisis kandungan yang telah melalui beberapa tahap penyelidikan dalam usaha mencapai objektif kajian. Menurut Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah dan Syahrul Faizaz Abdullah, (2004:42), sesebuah penyelidikan yang mantap sangat bergantung rapat kepada pemilihan metodologi yang tepat. Selain daripada itu, metodologi yang terpilih mesti bersesuaian dengan topik dan disiplin kajian bagi melicinkan perjalanan penyelidikan iaitu metodologi penyelidikan iaitu metode pengumpulan data dan analisis data.

Pendekatan kualitatif menurut Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan, (2007), telah memberikan sumbangan yang banyak dalam bidang penyelidikan. Pendekatan ini juga memberikan keyakinan yang jelas terhadap keesahan, keputusan dan fakta.

Untuk memantapkan dapatan kajian ini penulis telah mengambil Kitab Al-Quran dan kitab-kitab tafsir dari beberapa ahli tafsir (mufassir) terkenal seperti Tafsir Fi Zilalil Quran oleh Sayyid Qutb, The Meaning of Al-Quran oleh Imam Maududi , Tafsir Al-Munir oleh Wahbah Az-Zuhaili, Tafsir Al-Qurthubi oleh Syaikh Imam Al-Qurthubi, Tafsir Al-Azhar oleh Hamka, Tafsir ibnu Katsir oleh Ismail bin Katsier sebagai sumber primer dan mengambil kitab-kitab berkaitan pendidikan sebagai sumber sekunder.

4.2 Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Bentuk kajian kualitatif dipilih kerana ia lebih bersifat penerokaan dan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu fenomena yang dikaji. Kaedah ini menggariskan prinsip asasnya iaitu mendeskripsikan data-data yang dikumpulkan.

4.3 Metode Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek, penulis menjadikan Luqman Al-Hakim sebagai bahan kajian, iaitu segala bentuk data atau fakta yang menyentuh tentang tokoh ini akan dijadikan kajian.



4.4 Metode Pengumpulan Data

Penulis menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif analisis isi kandungan. Data-data dari sumber perpustakaan diteliti dengan cara membuat analisis, diinterpretasikan dan dibuat perbandingan untuk mendapat jawapan kepada permasalahan yang di kaji. Penulis menggunakan kaedah dokumentasi untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian ini.

4.5 Kajian Dokumentasi

Kaedah ini dikenali sebagai cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai perkaitan dengan masalah yang diteliti (Charles 2001) dalam Muhammad Yusry Affandy (2012).

Kajian dokumentasi ini dikenali juga dengan kajian literatur atau perpustakaan. Penulis menggunakan kaedah pengumpulan data dokumentasi dengan merujuk kepada Al-Quran, Hadis dan kitab-kitab tafsir sebagai sumber utama dan sumber kedua seperti, buku-buku ilmiah, jurnal, majalah dan ensiklopedia.

Semua bahan dokumen yang berkaitan dengan skop penyelidikan penulis dikaji dan dianalisis untuk mendapatkan hasil yang tepat. Kajian dokumentasi penting sebagai sumber bahan rujukan utama di dalam penulisan ilmiah ini. Justeru itu, pengkaji mendapatkan buku-buku dan hasil kajian di Perpustakaan Perbadanan Awam Negeri Perlis dan Negeri Kedah, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarbangsa, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah, dan Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Sultan Abdul Halim, Kedah.



4.6 Metode Analisis Data

Setelah penulis kumpulkan data-data yang diperlukan bagi maksud keperluan penyelidikan ini, penulis mengolah dan membuat kesimpulan supaya lebih jelas dan lebih mudah difahami oleh para pembaca. Kaedah analisis data yang akan digunakan dalam penyelidikan ini ialah:

4.6.1 Kaedah Induktif

Penulis melakukan penganalisaan data melalui penarikan kesimpulan daripada data-data bersifat khusus kepada suatu kenyataan yang bersifat umum seperti yang dicadangkan oleh pakar penyelidikan (Kerlinger, 1992;

Elmes, Kontowitz dan Roediger, 2003) dalam Rosnaaini (2004:44). Penulis mengemukakan beberapa kenyataan atau hujah tentang sesuatu perkara secara ringkas atau terperinci kemudian dikeluarkan satu kesimpulan baru yang bersifat menyeluruh.

Contoh kaedah induktif :

- i. Pendidikan Luqman dalam aspek sosial dalam mukasurat 151 dan 152 di mana larangan yang bersifat khusus seperti janganlah memalingkan muka apabila bercakap, janganlah meninggikan suara seperti suara kaldai dan janganlah berjalan di atas mukabumi ini dengan gaya yang angkuh. Ketiga-tiga larangan yang khusus ini apabila dirumuskan ia semuanya menjuruskan kepada maksud yang umum iaitu larangan bersikap sompong.
- ii. Pengertian murabbi, muallim dan muaddib dalam mukasurat 33 dan 34 menunjukkan pengertian khusus namun apabila dirumuskan ia menjuruskan kepada maksud yang umum iaitu guru atau pendidik.

4.6.2 Kaedah Deduktif

Penulis membuat satu kesimpulan yang bersifat khusus yang penulis perolehi daripada kesimpulan atau pernyataan bersifat umum seperti yang dicadangkan oleh pakar penyelidikan (Kerlinger ,1992; Elmes, Kontowitz dan Roediger, 2003).

Contoh kaedah deduktif :

- i. Pendidikan Luqman dari aspek Tarbiyah pada muka surat 182 dan 183 di mana pernyataan pendidikan Tarbiyah diberikan secara umum kemudian rumusan pernyataannya menjuruskan kepada perkara yang khusus iaitu setiap pekerjaan manusia perlu kembali kepada Allah SWT dan mengharapkan keredzaanNya sahaja.
- ii. Pernyataan umum mengenai menyembah pokok, menyembah batu dan menyembah bintang dalam mukasurat 99 menunjukkan pengertian yang khusus ialah syirik kepada Allah SWT dan inilah menjadi punca segala kejahatan.

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis ayat al-Quran yang bersifat umum. Penulis memetik ayat al-Quran bertujuan untuk menyokong ayat 12 sehingga 19 surah Luqman lalu membuat kesimpulan baru berdasarkan hujahan ayat tersebut.

Penulis menggunakan kedua-dua kaedah analisis data ini berdasarkan kepada keutamaan dan kesesuaian dengan 73opic yang berkaitan bidang penyelidikan.

4.7 Carta Alir Proses Penyelidikan



Rajah 1 . Carta Aliran Proses Penyelidikan



UUM
Universiti Utara Malaysia

4.8 Penutup

Kajian ini merupakan satu usaha kecil untuk menjadi panduan pendidik hari ini mengenai cara-cara dan bentuk-bentuk pendidikan yang ditunjukkan oleh Luqman al-Hakim. Walaupun nasihat dan bimbingan beliau sudahpun melangkaui ribuan tahun, namun ianya masih sesuai untuk digunakan dan diambil contoh oleh pendidik Islam diseluruh dunia. Apa yang menjadi asas kepada pendidikan beliau ialah pendidikan Tauhid dan terangkum di dalamnya pula pendidikan dalam aspek tarbiyah, sosial dan akhlak.

BAB LIMA

NASIHAT DAN BIMBINGAN LUQMAN AL-HAKIM DALAM SURAH LUQMAN AYAT 12-19.

5.1 Pendahuluan

Strategi pendidikan Luqman al-Hakim selari dengan kehendak dan matlamat ajaran Islam. Pendidikan beliau merupakan salah satu daripada model pendidikan Islam yang baik dan berjaya. Kaedah pengajaran dan persembahan isi pendidikan Luqman al-Hakim tersusun rapi, mengikut urutan, mantap dan sangat menarik (Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah dan Syahrul Faizaz Abdullah, 2004:48).

5.2 Model Pendidikan Luqman.

Kajian ini cuba meneliti model pendidikan Luqman al-hakim sebagai pendidik yang telah mendidik anaknya dalam mentaati perintah Allah dan seterusnya bermuamalah dengan masyarakat di sekelilingnya. Berkesan atau tidaknya pendidikan tersebut bergantung juga kepada akhlak dan sikap yang ditunjukkan oleh Luqman al-hakim sendiri sebagai pendidik (murabbi). Ayat 12 hingga 19 adalah menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini disertai ayat-ayat lain sebagai sokongan dan perbandingan.

Surah ini dinamakan dengan Surah Luqman kerana memaparkan satu kisah mengenai Luqman yang dikurniakan hikmah kebijaksanaan dan rahsia mengenal Allah Taala, membenteras syirik, mendorong supaya berakhlik mulia dan menjauhi daripada akhlak tercela, dimana itulah tujuan utama dan pokok kedatangan al-Quran al-Karim (Abdul Rashid, 1991).

5.3 Sebab-sebab turunnya Surah Luqman

Menurut Ahmad Hasan Mohd. Nazam (2009:6), sebab diturunkan Wasiat Luqman dalam Al-Quran ialah apabila Nadhr Ibn al-Harith telah membelanjakan hartanya kepada perkara-perkara hiburan yang melalaikan. Beliau telah pergi ke Farsi untuk mendapatkan pelbagai kisah-kisah dongeng dan humor (kelakar). Kemudian beliau menemui kaum Quraisy lalu menceritakan hikayat-hikayat tersebut kepada mereka. Beliau berkata: "Sesungguhnya Muhammad menceritakan kepada kamu tentang kaum 'Ad dan Thamud, dan aku menceritakan kepada kamu tentang Rustum, Isfendiyar dan golongan bangsawan. "Kaum Quraisy menjadi asyik dengan cerita dongeng tersebut sehingga tidak mahu mendengar al-Quran (Asbab al-Nuzul, al-Naisaburi dan Kisah al-Quran).

Menurut Imam Jalaludin As-Sayuti (2004:597), dalam suatu riwayat ada dikemukakan bahawa ayat ini (Surah Luqman: 31: 6) turun berkenaan dengan seorang Quraisy yang membeli seorang biduanita untuk dijadikan sebagai alat menyesatkan manusia. Ayat ini turun sebagai ancaman kepada orang-orang yang berusaha untuk menyesatkan manusia (Diriwayatkan oleh Ibnu Jarir dari al-Ufi dari Ibnu Abbas).

Dalam riwayat lain pula ada dikemukakan bahawa ayat ini (Surah Luqman: 31 : 6)

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِى لَهُوَ الْحَدِيثُ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ
يُغَنِّى عِلْمَ وَيَتَخَذِّلَهَا هُزُواً أَوْ تَلِكَ هُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Dan ada di antara manusia: orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan; yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan; mereka lah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan."

Ayat ini turun berkenaan dengan an Nadhr bin al-Harts yang membeli seorang biduanita. Apabila ia mendengar berita seseorang akan masuk Islam, lalu dia akan mengajak orang tersebut datang kepada biduanita itu dan menyuruh biduanita itu menyediakan makanan dan minuman serta merayunya dengan alunan suaranya. Kemudian an Nadhr berkata kepada orang yang dipujuk itu: "Ini adalah lebih baik daripada ajakan Muhammad hanya menyuruh sembahyang, puasa dan berperang untuk kemenangan dirinya." Maka ayat ini menerangkan bahawa orang-orang yang berbuat seperti itu akan mendapat seksaan yang sangat berat dari Allah SWT. (Diriwayatkan oleh Juwaibir dari Ibnu Abbas).

Dalam suatu riwayat ada dikemukakan bahawa ahli kitab bertanya kepada Rasulullah tentang roh. Pertanyaan itu dijawab oleh Nabi Muhammad berpandukan kepada firman Allah dalam surah al-Israa': 17: 85 yang menjelaskan bahawa roh itu adalah urusan Allah dan manusia hanya diberi ilmu yang sedikit sahaja. Firman Allah SWT:

وَنَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوتِيتُمْ مِنْ
الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya: "Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja."

Kemudian ahli kitab berkata: "Engkau menganggap bahawa kami tidak diberi ilmu kecuali sedikit, padahal kami telah diberi Taurat dan Taurat itu adalah hikmah dan barangsiapa yang diberi hikmah sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak."

Maka turunlah ayat ini (Surah Luqman: 31; 27) sebagai penjelasan bahawa ilmu yang diberikan kepada manusia hanyalah sedikit dan ilmu Allah tidak mungkin dapat dicatat kerana terlalu banyak (Diriwayatkan oleh Ibnu Jarir dari Ikrimah).

Dalam riwayat lain pula ada dikemukakan bahawa kaum musyrikin berkata: "Hampir habis apa yang dikatakan oleh Muhammad." Maka ayat ini (Surah Luqman: 31: 27) turun berkenaan dengan ucapan mereka. Ayat ini menjelaskan bahawa ilmu Allah tidak akan habis (Diriwayatkan oleh Abu Syaikh di dalam kitab Idhamah dan Ibnu Jarir dari Qatadah).


Universiti Utara Malaysia

Dalam satu riwayat ada dikemukakan bahawa seorang Badwi datang mengadap kepada Rasulullah SAW dan berkata: "Isteriku sedang mengandung, terangkan kepadaku akan jantina anak ini apakah dia lelaki atau perempuan dan negeriku kekeringan, bilakah hujan akan turun serta aku tahu bila aku dilahirkan akan tetapi terangkan kepadaku bilakah aku mati?" Maka turunlah ayat ini (Surah Luqman: 31 : 34) sebagai penjelasan bahawa hanya Allah yang maha mengetahui akan segala sesuatu.. (Diriwayatkan oleh Ibnu Jarir dan Ibnu Abi Hatim dari Mujahid.)

Menurut K.H.Q.Shaleh, H.A.A.Dahlan dan Drs M.D. Dahlan (2003), menyatakan dalam riwayat lain dikemukakan bahawa ketika Rasulullah SAW berada di Mekah,

turun ayat ini di Mekah " وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا " (S : 17 : 85). Setelah beliau berhijrah ke Madinah datanglah kepadanya pendeta-pendeta Yahudi yang berkata: "Apakah benar yang telah sampai kepada kami bahawa engkau berkata: "Hanya sedikit ilmu yang diberikan oleh Allah? Apakah diberikan kepada kami atau kepada kamu? Bersabda Rasulullah SAW: Kami maksudkan kedua-duanya. Mereka berkata: Bukankah engkau telah membaca dalam (Al-Quran): "Sesungguhnya kami telah diberi Taurat didalamnya terdapat keterangan untuk segala perkara". Bersabdalah Rasulullah SAW: "Semua itu dibandingkan dengan ilmu Allah sangat sedikit". S:17:27 turun berkenaan peristiwa tersebut di atas menegaskan bahawa di mukabumi ini tidak akan ada alat yang mencukupi untuk melukis ilmu Allah. Diriwayatkan oleh ibnu Ishaq dari 'Atha Ibnu Yassr. Diriwayatkan pula oleh ibnu Abi Hatim dari Said atau Ikrimah yang bersumber dari ibnu Abbas.

Menurut Abi Al-Hasan Ali (2003), Firman Allah SWT dalam (S: 31: 15) ayat ini



وَإِنْ جَهَدَكُمْ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكُوا مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلَا
تُطْعِهُمَا وَصَاحِبِهِمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعُ سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ
إِلَىٰ نَحْنُ إِلَيْ مَرْجِعُكُمْ فَأَنْتُمْ كُفَّارٌ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

diturunkan kepada Saad bin Abi Waqqas seperti yang disebut dalam surah al-Ankabut. Manakala firman Allah SWT lagi diturunkan kepada Saidina Abu Bakar RA. Berkata 'Atha' dari Ibnu Abbas bahawa perkataan itu kembali kepada Abu Bakar kerana ketika mana memeluk Islam telah datang kepadanya Abdul Rahman bin 'Auf, Saad bin Waqqas, Said bin Zaid, Usman, Talhah dan Zubair, mereka berkata kepada Abu Bakar RA adakah kamu beriman dan membenarkan Nabi Muhammad SAW. Berkata Saidina Abu Bakar, "Ya", maka mereka pergi kepada Rasulullah SAW dan mereka beriman,

maka dengan itu turunlah ayat ini kepada Saad iaitu bermakna ikutlah jalan Rasulullah SAW.

5.4 Sebab-sebab turunnya Ayat Nasihat Dan Bimbingan.

Dr. Ahmad Hatta, MA dalam Tafsir Quran Per kata (2009), menulis:

Sebab turunnya ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانَ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُهُ يَتَبَّعِي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ
الشَّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Abdullah menegaskan bahawa bahawa ayat ini diturunkan berkenaan dengan nasihat Rasulullah SAW kepada para sahabat tentang wasiat Luqman kepada anaknya kala turun ayat QS 6: 82, para sahabat keberatan. Mereka mengadap Rasulullah dan bertanya, "Wahai Rasul, siapa di antara kami yang dapat membersihkan keimanan dari kezaliman?" "Apa kalian telah mendengar wasiat Luqman kepada anaknya, Anakku, janganlah kamu menyekutukan Allah, karena hal itu adalah kezaliman yang sangat besar.' Jawab Rasul." (Hadis Riwayat Bukhari).

Sebab turunnya ayat 15:

وَإِنْ جَاهَكُوكُمْ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لِكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعُهُمْ مَا
وَصَاحِبُهُمْ مَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَى ثُمَّ إِلَى
مَرْجِعُكُمْ فَأَنْتُمْ كُفَّارٌ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Sa'ad bin Malik berkata, "Ayat ini diturunkan berkenaan denganku. Aku sangat mencintai dan menghormati ibuku. Saat aku memeluk Islam, Ibuku tidak bersetuju dan berkata, "Anakku, kamu pilih salah satu: kamu tinggalkan Islam atau aku akan

mogok makan dan minum hingga aku mati." Aku bertekad untuk tetap dalam Islam. Namun, ibuku melaksanakan ancamannya sampai tiga hari tiga malam. Aku pun sedih dan berkata, "Ibu, jika ibu memiliki 1000 jiwa dan satu persatu meninggal, aku akan tetap dalam Islam. Karena itu, terserah ibu mau makan atau tidak. "Ibuku pun luluh dan mau makan kembali." (Hadis Riwayat Thabrani).

Menurut Imam Abi al-Hasan Ali bin Ahmad al-Wahidi an-naisaburi:

Firman Allah SWT:

وَإِنْ جَهَدَ الَّكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهُمْ
وَصَاحِبِهِمْ فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ
مَرْجِعُكُمْ فَأَتَيْتُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾

diturunkan kepada Saad bin Abi Waqas sebagaimana yang telah disebut dalam Surah al-Ankabut. Firman Allah SWT lagi, telah diturunkan kepada Abu Bakar RA Berkata Ata', dari ibn Abbas: mereka mahu Abu Bakar?, Demikian sesungguhnya, ketika mana Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Abi waqas dan Said bin Zaid, Omar, Talhah dan Zubair, Mereka berkata kepada Abu Bakar RA adakah kamu beriman dan membenarkan Nabi Muhammad SAW. Berkata Sayyidina Abu Bakar, "Ya", maka mereka pergi kepada Rasulullah SAW dan mereka beriman, maka dengan itu turunlah ayat ini kepada Saad iaitu bermakna ikutlah jalan Rasulullah SAW.

Pengkaji mendapati bahawa Surah Luqman adalah satu surah yang amat khusus ditujukan kepada manusia yang mahu mengambil pengajaran supaya pengajaran tersebut dapat dijadikan panduan hidup. Panduan hidup untuk beriman kepada Allah

SWT dan menjadi orang-orang yang bertaqwah, jauh dari syirik dan sentiasa mendapat keredhaan Allah SWT dalam setiap bidang yang diceburi.

5.5 Nasihat Dan Bimbingan Luqman Al-Hakim Dalam ayat 12-19.

Terdapat lapan ayat dalam Surah Luqman yang mengandungi unsur-unsur nasihat dan bimbingan. Ia juga merangkumi arahan, perintah dan larangan yang dapat dijadikan panduan dalam kehidupan manusia.

5.5.1 Tafsir ayat 12

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya bersyukur kepada Allah SWT. Firman Allah Taala :

وَلَقَدْ أَتَيْنَا لِقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرْ لِنَفْسِهِ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ عَنِّيْ حَمِيدٌ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman, iaitu: "Bersyukurlah kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah) maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri, dan barangsiapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji."

Menurut Sayyid Qutb (2000:523), ini adalah bimbingan al-Quran secara tidak langsung supaya bersyukur kepada Allah sebagai mencontohi Luqman al-hakim yang telah dipilih untuk mengemukakan kisahnya dan perkataannya. Disamping bimbingan secara tidak langsung ini terdapat pula satu bimbingan yang lain, iaitu kesyukuran kepada Allah merupakan satu bekalan yang berguna kepada orang yang bersyukur, sedangkan Allah adalah yang paling kaya daripadanya. Oleh itu orang

yang paling bodoh ialah orang yang tidak mengikut hikmat ini dan tidak mengumpul modal bekalan yang seperti ini untuk faedah dirinya.

Menurut ibnu Kathir (2003:225), para ulama berbeza pendapat tentang diri Luqman al-Hakim samada beliau seorang nabi atau tidak. Dikisahkan satu hari ia diperintahkan oleh majikannya untuk mengambil dua potong daging yang paling lazat dari seekor kambing yang disembelih, lalu dikeluarkannya lidah dan hati. Selang beberapa waktu, Luqman diminta menyembelih kambing dan keluarkan dua bahagian daging yang paling busuk. Lalu Luqman mengambil lidah dan hati. Majikannya menegur dan bertanya kenapa begitu, Luqman menjawab "Memang tidak ada yang lebih baik dari kedua anggota itu jika sudah menjadi baik dan tidak ada yang lebih busuk dari keduanya jika sudah menjadi busuk".

Menurut Wahbah AzZuhaili (2003:159), demi Allah sesungguhnya Kami telah mengurniakan Luqman hikmah. Ia merupakan petunjuk kepada amal dengan ilmu dan hikmah. Dan dia bersyukur kepada Allah di atas segala nikmatNya dan di atas kelebihan yang diberikan kepadanya. Dan dia menyukai kebaikan kepada diri manusia. Dan dia menggunakan anggota yang dianugerahkan kepadanya kepada perkara kebaikan dan perkara yang berfaedah. Ini menunjukkan bukti bahawa Allah telah memberi petunjuk kepada Luqman al-Hakim dengan pengetahuan yang benar (sahih) bukan dari jalan kenabian. Barangsiapa yang bersyukur dengan apa yang dikurniakan Allah kepadanya maka ia akan jauh dari azab Allah SWT.

Menurut Hamka (1981:156), dalam tafsir al-Azhar, adalah tepat sekali ayat 12 menerangkan bahawa Luqman mendapat hikmat dari Allah SWT. sebab itulah

Luqman terlepas dari bahaya kesesatan yang nyata. Maka dalam ayat ini diterangkan bahawa Luqman telah mendapat hikmat itu. Dia telah sanggup mengerjakan suatu amal dengan tuntunan ilmunya sendiri. "Bahawa bersyukurlah kepada Allah". Inilah puncak hikmat yang didapati oleh Luqman. Dia sudah berpengetahuan, baik kerana pengalaman atau kerana berguru kepada orang lain bahawasanya nikmat Allah meliputi seluruh hidupnya. Sebab itu tidak ada jalan lain hanyalah satu, iaitu bersyukur.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5366), dan sesungguhnya Allah SWT. telah memberikan hikmah kepada Luqman iaitu selalu bersyukur dan memuji kepadaNya atas apa yang telah diberikan kepadanya dari kurniaNya, kerana sesungguhnya hanya Dialah yang patut untuk mendapat puji dan syukur itu. Di samping itu, Luqman selalu mencintai kebaikan untuk manusia serta mengarahkan semua anggota tubuhnya sesuai dengan bakat yang diciptakan untuknya. Dan barangsiapa yang bersyukur kepada Allah SWT maka sesungguhnya manfaat dari syukurnya itu kembali kepada dirinya sendiri. Kerana sesungguhnya Allah akan melimpahkan kepadanya pahala yang berlimpah sebagai balasan dariNya atas rasa syukurnya, dan Dia kelak akan menyelamatkannya dari azab, sebagaimana telah diungkapkan di dalam Surah Ar-Rum: ayat 44

وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلَا نُفِرِّهُمْ بِمَهْدُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya "Dan barangsiapa yang beramal soleh maka untuk diri mereka sendirilah, mereka menyiapkan (tempat yang menyenangkan)".

Barangsiapa yang kafir kepada nikmat-nikmat Allah yang telah diberikan kepadanya, maka dia sendirilah yang menanggung akibat buruk Kekafirannya itu, kerana

sesungguhnya Allah akan menyiksa dia kerana kekafirannya terhadap nikmat-nikmatNya itu. Dan Allah Maha Kaya dari rasa syukurnya, kerana kesyukurannya itu tidak akan menambahkan apa-apa bagi kekuasaanNya, sebagaimana kekafirannya pun tidak akan mengurangi apa-apa bagi kerajaanNya. Dan dialah Yang Maha Terpuji dalam segala suasana; apakah hamba kafir atau bersyukur.

Menurut M. Quraish Shihab (2003:120-123), Ayat-ayat ini menguraikan tentang salah seorang yang bernama Luqman yang dianugerahi oleh Allah SWT hikmah, sambil menjelaskan beberapa butir hikmah yang pernah beliau sampaikan kepada anaknya. Ayat di atas menyatakan "Dan sesungguhnya Kami Yang Maha Perkasa dan Bijaksana telah menganugerahkan dan mengajarkan juga mengilhami hikmah kepada Luqman, iaitu: "Bersyukurlah kepada Allah, dan barangsiapa yang bersyukur kepada Allah, maka sesungguhnya ia bersyukur untuk kemaslahatan dirinya sendiri dan barangsiapa yang kufur yakni tidak bersyukur, maka yang merugi adalah dirinya sendiri. Dia sedikit pun tidak merugikan Allah, sebagaimana yang bersyukur tidak menguntungkan-Nya, kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya tidak berhajat kepada apa pun, Lagi Maha Terpuji oleh makhluk di langit dan di bumi". Makna hikmah antara lain bererti: "Mengetahui yang paling utama dari segala sesuatu, baik pengetahuan, maupun perbuatan. Ia adalah ilmu amaliah dan amal ilmiah. Ia adalah ilmu yang didukung oleh amal, dan amal yang tepat dan didukung oleh ilmu.' Syukur manusia kepada Allah dimulakan dengan menyedari dari lubuk hatinya yang terdalam betapa besar nikmat dan anugerahNya, disertai dengan ketundukan dan kekaguman yang melahirkan rasa cinta kepadaNya, dan dorongan untuk memujiNya dengan ucapan sambil melaksanakan apa yang dikehendaki dari anugerah Allah itu. Menurut tafsir ini lagi, bahawa hikmah adalah syukur, kerana dengan bersyukur

seperti dikemukakan di atas, seseorang mengenal Allah dan mengenal anugerahNya. Dengan mengenal Allah seseorang akan kagum dan patuh kepadaNya, dan dengan mengenal dan mengetahui fungsi anugerahNya, seseorang akan memiliki pengetahuan yang benar, lalu atas dorongan kesyukuran itu, ia akan melakukan amal yang sesuai dengan pengetahuannya, sehingga amal yang lahir adalah amal yang tepat pula.

Menurut Al-Maududi (1982:17), Selepas diberikan hujah yang rasional untuk menolak syirik, orang Arab diberitahu juga bahawa pandangan yang rasional itu bukanlah pertama kali diberitahu kepada mereka tetapi orang-orang bijaksana dan terpelajar sebelum mereka telah menghabarkan perkara yang sama, termasuklah seorang bijaksana yang terkenal, Luqman. Kerana itu, mereka tidak dapat menolak pesanan Nabi dengan berkata, "Jika syirik, adalah satu ajaran yang tidak rasional, kenapa ia tidak berlaku kepada orang-orang sebelum ini."

Ayat ini membawa maksud, "Tuntutan mula-mula daripada kecerdikan, pengetahuan, kepandaian dan kebijaksanaan yang dianugerahkan Allah adalah supaya manusia itu bersyukur dan berterima kasih kepada Allah. Dan rasa bersyukur ini tidak seharusnya berpura-pura tetapi diterjemahkan di dalam fikiran, kata-kata dan perbuatan. Seseorang itu haruslah mempunyai keyakinan jauh di dalam hati dan mindanya bahawa apa sahaja yang didapatinya adalah daripada Allah. Lidahnya haruslah sentiasa mengakui pertolongan Allah itu; dan secara praktikalnya seseorang itu hendaklah membuktikannya dengan melaksanakan perintahnya, mengelakkan dosa, berusaha mencapai rahmat-Nya, dengan berbuat kebaikan terhadap hamba-Nya dan melawan mereka yang menentang-Nya. Itulah perbuatan seorang yang bersyukur

kepada Allah." Membawa maksud, Orang yang tidak bersyukur dan tidak beriman, kekafirannya itu membawa keburukan pada dirinya. Tidak ada apa-apa kesan kepada Allah. Dia tidak memerlukan kesyukuran sesiapa pun. Kesyukuran seseorang tidak menambah apa-apa pun pada kebesaran-Nya, begitu juga ketidaksyukuran dan kekafiran itu tidak mengubah fakta bahawa apa sahaja yang dimilikinya, adalah milik-Nya. Dia layak dipuji sama ada seseorang memuji-Nya atau tidak. Setiap zarah di alam ini adalah bukti kepada Kesempurnaan-Nya dan Kecantikan-Nya, Kehebatan ciptaanNya dan ‘inayahNya, dan setiap makhluk sentiasa memujiNya tidak henti-henti.

Menurut Al-Qurtubi, (2009:149), Az-Zujaj berkata, "Makna ayat tersebut adalah, sungguh telah Kami berikan hikmah kepada Luqman agar dia bersyukur kepada Allah SWT. Ada yang mengatakan bahawa maknanya adalah, dengan bahawa kamu bersyukur kepada Allah SWT maka dia pun bersyukur. Dia menjadi seorang yang bijak dengan sebab syukurnya kepada Kami. Bersyukur kepada Allah SWT ertinya taat kepadaNya terhadap apa yang Dia perintahkan. Hakikat syukur telah kami jelaskan, baik secara bahasa maupun makna dalam Surah Al-Baqarah: ayat 52,

ثُمَّ عَفَوْنَا عَنْكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: Kemudian sesudah itu Kami maafkan kesalahan kamu, supaya kamu bersyukur.

Allah telah memberikan hikmah kepada Luqman al-Hakim dan mengingatkannya supaya bersyukur kepada Allah SWT. Sesiapa yang bersyukur dia akan beruntung dan sesiapa yang tidak bersyukur akan merasai kerugian bukan sahaja di dunia malah rugi di akhirat. Bersyukur kepada Allah SWT ialah mengenal Allah SWT, mengetahui fungsi anugerahNya, seterusnya kagum di atas kekuasaanNya dan patuh

kepada segala suruhanNya. Luqman al-Hakim menjadi bijak disebabkan kesyukuranNya kepada Allah SWT.

5.5.1.1 Analisa ayat 12

Bersyukur kepada Allah SWT adalah hikmah yang dianugerahkan kepada Luqman al-Hakim. Inilah yang dipersetujui oleh Hamka (1981), Mustafa al-Maraghi (2003), Wahbah Az-Zuhaili (1991) dan Al-Qurtubi (2009). Menurut mereka, dengan bersyukur kepada Allah SWT akan menjauhkan manusia dari bahaya kesesatan dan dapat mengarahkan seluruh anggotanya sesuai dengan bakat yang diciptakan, serta menyadari dari lubuk hati yang dalam tentang betapa besarnya nikmat Allah SWT disertai ketundukan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Tidak ada kepura-puraan dalam bersyukur malah diterjemahkan dalam fikiran, perkataan dan perbuatan.

Hikmah bermaksud kebijaksanaan, menurut Imam Ghazali (1993), yang dimaksudkan dengan kebijaksanaan ialah suatu keadaan dalam diri yang mana menerusnya ia dapat membezakan yang benar dari yang salah dalam semua hal-hal ikhtiariah (perbuatan pilihan sendiri).

Kesyukuran kepada Allah SWT terhadap segala nikmat yang diberikannya adalah bekalan yang paling ampuh kepada setiap murabbi. Sebagai pendidik, wajib mencintai Allah SWT bersyukur di atas kurniaannya dan menurut perintahnya kemudian mengajak pula orang lain untuk bersyukur kepada Allah SWT serta tunduk dan sujud dalam membuktikan kesyukurannya. Bertepatanlah dengan firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim: ayat 7:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لِنَ شَكَرْتُهُ لَا زِيَّدَ بِكُمْ وَلِنَ كَفَرْتُ
إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, Sesungguhnya Jika kamu bersyukur, niscaya Aku akan menambah (nikmat) kepada mu, tetapi jika kamu mengingkari nikmatKu, pasti azabKu amat berat.”

Imam Al-Ghazali (2007:918), juga menyatakan bahawa maksud bersyukur ialah menggunakan nikmat Allah SWT pada tempat-tempat yang dikehendakiNya. Imam Ghazali menyatakan lagi dalam Minhajul Abidin, bahawa bersyukur dan memuji Allah sesungguhnya mempunyai nilai yang sangat besar, di dalamnya mengadungi banyak faedah. Maka seharusnya kita mempertahankan dan mengamalkan dengan sungguh-sungguh. Jangan kita menganggap remeh kerana ianya adalah permata yang tidak ternilai harganya dan merupakan satu anugerah yang diberikan kepada manusia.

Universiti Utara Malaysia

Begitu juga para pendidik yang Allah SWT berikan ilmu dan kemahiran hendaklah bersyukur dengan nikmat kepandaian dengan menggunakan segala kemahiran yang ada menyampaikan ilmu dengan hati yang ikhlas, dan itulah tandanya bersyukur kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW contoh yang terbaik dalam menunjukkan rasa syukurnya terhadap nikmat anugerah Allah SWT. SehinggaSaidatina Aisyah isteri baginda merasa hairan di atas perbuatan baginda SAW. Berikut adalah hadis yang menggambarkan tentang tahap kesyukuran Rasulullah SAW yang amat tinggi :

حَدَّثَنَا هَارُونَ بْنُ مَعْرُوفٍ، وَهَارُونَ بْنُ سَعِيدِ الْأَبْلَيْ، قَالَا: حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ، أَخْبَرَنِي أَبُو صَحْرَ، عَنْ ابْنِ فُسْنِطِ، عَنْ عُزْرَةَ بْنِ الرُّبَّرِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذَا صَلَّى قَاتِنَّ تَقْطُرَ رِجْلَاهُ، قَالَتْ عَائِشَةَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَصْنَعُ هَذَا، وَقَدْ غُفرَ لَكَ مَا تَعْذِمُ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأْخُرُ، قَالَ: «إِنَّ عَائِشَةَ أَفْلَأَ أَكُونَ عَبْدًا شُكُورًا» رواه مسلم⁴

Maksudnya: Diceritakan kepada kami oleh Harun bin Makruf, Harun bin Said al-Abliyy, Kedua-duanya berkata telah berkata Ibnu Wahab, telah diberitahu kan kepada kami oleh Abu Sahr, dari Ibni Qasit,dari Urwah bin Zubair, dari Aisyah telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila menunaikan solat dikerjakannya sehingga bengkak kaki-kaki baginda, Maka aisyah pun berkata: "Wahai Rasulullah, engkau bukanlah seperti kami, Allah telah mengampunkan dosa engkau yang dahulu dan yang akan datang. Lantas baginda menjawab: "Wahai Aisyah, Apakah tidak boleh aku menjadi seorang hamba yang bersyukur?".(Riwayat Muslim)

Setiap nikmat yang dilimpahkan oleh Allah SWT kepada kita, ada balasannya.Dan balasan itu tidak lain adalah syukur (Majdi Al-Hilali, 2006:107). Hal ini bermaksud bahawa ada timbal balik antara hamba dan Rabbnya. Begitulah hubungan yang erat yang perlu dijelmakan oleh setiap pendidik dalam merealisasikan tugas-tugasnya.

Perasaan syukur dikalangan pendidik ini perlu disemai dan dipupuk sepertimana yang disarankan oleh Islam, menurut (Omar Mohd.Hashim, 1999) kemajuan dan kenikmatan yang kita kecapi dalam bidang pendidikan sudah sewajarnya menyebabkan kita menebalkan perasaan kesyukuran kita dengan apa yang dianugerahkan oleh Tuhan. Saya rasa perasaan kesyukuran ini sudah amat jauh dikalangan kita dan jika tidak dipupuk secara sedar, kita akan melahirkan satu generasi yang tidak mengenang jasa.

⁴ Hadith riwayat Muslim , Bab Iksar al-Amal wal ijtihad, no. hadith 2820, Juzuk 4, Hal 2172, Lihat kitab Muslim bin Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi an-Nisaburi,"Kitab Musnad As sahih al-Mukhtasar bi naqli al-Adl 'an Adl ila rasul sallallah hu alaihi wasallam", (Beirut: Dar ihya' turas al- Arabiy)

Para pendidik juga perlu memiliki sifat jujur dalam memberi nasihat kepada anak didiknya. Jujur dan ikhlas dalam mendidik adalah menjadi asas kejayaan dan kecemerlangan. Sifat asasi pendidik ialah ikhlas (Abdullah Nasih Ulwan, 1989:337). Ikhlas hanya kepada Allah SWT dan untuk mencapai redza Allah SWT (Abdullah Ad-Duweisy, 2009:61) kerana dengan sifat ini pendidik ini akan dikasihi dan dihormati oleh murid-muridnya.

5.5.2 Tafsir ayat 13

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya tidak mensyirikkan/menyekutukan Allah SWT. Firman Allah Taala :


وَإِذْ قَالَ لِقُمَّنْ لَأَبْنِيهِ وَهُوَ يَعْظِمُهُ يَبْنُي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنْ
الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah, sesungguhnya mempersekuatkan (Allah) itu adalah benar-benar kezaliman yang besar.

Menurut Sayyid Qutb (2000:523-524), ayat ini mengemukakan persoalan tauhid di dalam bentuk nasihat Luqman al-hakim kepada anaknya. Inilah satu nasihat yang jujur kerana tiada lain tujuan seorang bapa melainkan supaya anaknya mendapat kebaikan dan tiada sikap yang wajar bagi seorang bapa terhadap anaknya melainkan memberi nasihat. Di sini Luqman al-hakim melarang anaknya dari mempersekuatkan Allah dengan alasan bahawa perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang amat besar.

Menurut Ibnu Kathir (2003:257) dalam tafsirnya, Allah SWT berfirman mengisahkan Luqman tatkala memberi pelajaran dan nasihat kepada puteranya yang bernama Tsaran. Berkata Luqman kepada puteranya yang paling disayang dan dicintai itu: "Hai anakku, janganlah engkau mempersekuatkan sesuatu dengan Allah, kerana syirik itu sesungguhnya adalah perbuatan kezaliman yang besar".

Menurut Hamka (1981:157) dalam tafsir al-Azhar, bahwasanya asas hikmat yang telah dikurniakan oleh Allah kepada Luqman telah disampaikan dan diajarkan kepada anaknya, sebagai panduan utama dalam kehidupan. Luqman berkata kepada anaknya, "Janganlah engkau mempersekuatkan dengan Allah." maksudnya janganlah engkau mempersekuatkan Tuhan yang lain dengan Allah. Kerana tidak ada tuhan selain Allah. Malahan yang selain dari Tuhan adalah alam belaka, ciptaan Tuhan belaka. Tidaklah Allah itu bersekutu atau berkongsi dengan tuhan yang lain di dalam menciptakan alam ini.



Universiti Utara Malaysia

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5370), iaitu ingatlah hai Rasul yang mulia, kepada nasihat Luqman terhadap anaknya, kerana ia adalah orang yang paling belas kasihan kepada anaknya dan paling mencintainya. Kerananya Luqman memerintah kepada anaknya supaya menyembah Allah semata, dan melarang berbuat syirik (menyekutukan Allah dengan lainNya). Luqman menjelaskan kepada anaknya, bahawa perbuatan syirik itu merupakan kezaliman yang besar. Syirik dinamakan perbuatan yang zalim, kerana perbuatan syirik itu meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Dan ia dikatakan dosa besar, kerana perbuatan itu bererti menyamakan kedudukan Tuhan yang hanya dari Dialah segala nikmat, iaitu Allah SWT dengan sesuatu yang tidak memiliki nikmat apa pun, iaitu berhala-berhala.

Menurut Tafsir Al-Misbah (2003:125-126), Melalui ayat di atas, dilukiskan pengamalan hikmah itu oleh Luqman, serta perlaksanaannya kepada anaknya. Ini pun mencerminkan kesyukuran beliau atas anugerah itu. Kepada Nabi Muhammad SAW atau siapa saja, diperintahkan untuk merenungkan anugerah Allah kepada Luqman itu dan mengingatkannya serta mengingatkan orang lain. Ayat ini berbunyi: "Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya dalam keadaan dia dari saat ke saat menasihatinya bahawa wahai anakku sayang! Janganlah engkau mempersekuatkan Allah dengan sesuatu apa pun, dan jangan juga mempersekuatkanNya sedikit persekutuan pun, lahir maupun batin. Persekutuan yang jelas maupun yang tersembunyi. Sesungguhnya syirik iaitu mempersekuatkan Allah adalah kezaliman yang sangat besar." Itu adalah penempatan sesuatu yang sangat agung pada tempat yang sangat buruk. Luqman menyampaikan nasihat dan peringatan bukan dalam keadaan membentak, tetapi penuh kasih sayang sebagaimana difahami dari panggilan mesranya kepada anak. Perkataan bunayya menggambarkan kecil dan comel. Asalnya adalah ibni, dari perkataaan ibn yakni anak lelaki. Pengecilan tersebut mengisyaratkan kasih sayang. Dari sini kita dapat berkata bahwa ayat di atas memberi isyarat bahawa mendidik hendaknya di mulakan dengan rasa kasih sayang terhadap anak yang dididik. Luqman memulakan nasihatnya dengan menekankan perlunya menghindari syirik/mempersekuatkan Allah. Larangan ini sekaligus mengandungi pengajaran tentang wujud dan keesaan Tuhan. Bahawa maksud pesanannya berbentuk larangan, jangan mempersekuatkan Allah untuk menekankan perlunya meninggalkan sesuatu yang buruk sebelum melaksanakan yang baik.

Menurut Hade Masyah (2008:6), sudah tentu nasihat Luqman ini bukan merupakan kalimat nasihat yang maksudnya diragui dan mempunyai tujuan yang tidak positif. Seorang ayah semasa menasihati anaknya tentu tidak lain bertujuan demi kebaikan anaknya. Biasanya seorang ayah menjadi penasihat yang baik bagi anaknya. Seperti dalam Surah Luqman: Ayat 13 yang bermaksud: "Wahai anak kesayanganku".... Kalimat ini merupakan bentuk "تصغير" (pengecilan). Di dalam kalimat ini terkandung maksud kasih dan rasa cinta. Bentuk "تصغير" (pengecilan) di sini bukan bererti penghinaan ataupun memperkecilkannya.

Menurut Tafsir al-Maududi (1982:17), peringatan daripada hikmah Luqman ini dicatatkan di sini kerana dua sebab:

- (i) Dia memberikan peringatan itu kepada anak lelakinya dan sudah tentulah, tidak ada orang yang tidak berlaku jujur kepada anaknya sendiri. Seseorang dapat menipu orang lain atau bersikap hipokrit tetapi tidak ada seseorang pun, bahkan yang paling teruk antara manusia pun yang akan menipu dan mengelirukan anaknya sendiri. Kerana itu, Luqman mengingatkan anaknya bahawa adalah bukti yang jelas pada pandangannya bahawa syirik itu adalah dosa yang paling besar, dan oleh sebab itu peringatan pertama kepada anaknya adalah supaya menghindarkan diri daripada perbuatan tersebut.

- (ii) Sebab yang kedua daripada penceritaan ini adalah ramai ibu bapa daripada kaum Jahiliyah Mekah memaksa anak-anak mereka supaya berpaling daripada seruan Tauhid yang disampaikan oleh Nabi

Muhammad SAW, dan terus berpegang kepada ajaran syirik, seperti mana yang dinyatakan di dalam ayat yang berikutnya. Kerana itu, orang-orang jahil itu diberitahu, seolah-olah dikatakan begini kepada mereka, "Orang ‘alim daripada tanah kamu itu mengharapkan yang baik kepada anaknya dengan menyeru mereka supaya menjauhkan diri daripada syirik, sekarang kamu nilailah sendiri adakah kamu mengharapkan yang baik kepada anak kamu atau yang buruk dengan memaksa mereka mengikut ajaran syirik."

‘Zulm’ bermaksud menafikan hak seseorang dan melakukan perbuatan yang tidak adil. ‘Syirik’ adalah perbuatan yang tidak adil kerana manusia meletakkan makhluk lain di tempat yang sama dengan Penciptanya yang sudah tentulah makhluk itu tidak menciptanya atau memberikan rezeki kepadanya atau memberi rahmat kepadanya di atas muka bumi ini. Tidak ada ketidakadilan yang lebih tinggi daripada ini. Hak Pencipta ke atas manusia adalah dia haruslah menyembahNya sahaja, tetapi jika dia menyembah yang lain dia telah menafikan hak Tuhan.

Apa sahaja yang dilakukannya dalam menyembah yang lain selain Allah, dia menggunakan apa sahaja, daripada mindanya dan tubuhnya dan apa yang ada di langit dan di bumi, sedangkan semua ini dicipta oleh Allah yang esa, dan manusia tidak mempunyai hak untuk menggunakan semua itu untuk menyembah selain daripada Allah. Hak manusia ke atas dirinya sendiri adalah dia tidak boleh menjatuhkan martabatnya dan menjerumuskan dirinya kepada azab. Tetapi apabila dia menyembah selain daripada PenciptaNya, dia merendahkan martabatnya dan juga melayakkannya menerima azab. Kerana itu, seluruh hidup seorang yang ‘musyrik’

itu menjadi 'Zulm' di dalam semua aspek dan setiap masa dan setiap nafasnya adalah lambang kepada ketidakadilan.

Menurut al-Qurtubi (2009:150), Firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya. "As-Suhaili berkata, "Nama anak Luqman adalah Tsaran, menurut pendapat Ath-Tabari dan Al-Qutabi." Al-Kalbi berkata, "Nama anak Luqman adalah Masykam." Ada yang berpendapat bahawa anak Luqman adalah An'am. Demikian pendapat yang diutarakan oleh Naqqasy. Al-Qusyairi menyebutkan bahawa anak dan isterinya adalah orang kafir. Dia terus menasihati mereka hingga mereka memeluk Islam.

Kata Al-Qurtubi lagi, Hal ini ditunjukkan oleh firmanNya yang bermaksud," Janganlah kamu mempersekuatkan (Allah) sesungguhNya mempersekuatkan Allah adalah benar-benar kezaliman yang besar.

Diriwayatkan dalam Sahih Muslim dan lainnya, dari Abdullah RA, dia berkata, "Ketika turun ayat, Surah Al-An'am: ayat 82 firman Allah SWT :

الَّذِينَ إِمْتُنُوا وَلَمْ يَلِسُو إِيمَانَهُم بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ

Maksudnya:"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman," para sahabat Rasulullah SAW merasa berat dan mereka pun berkata," Siapa di antara kami yang tidak pernah menzalimi dirinya?" Maka Rasulullah SAW bersabda, "Maksudnya tidak seperti apa yang kalian kira".

Sesungguhnya maksud sebenarnya adalah seperti yang dikatakan oleh Luqman kepada anaknya, "Hai anakku, janganlah kamu mempesekutuan (Allah) sesungguhnya mempersekuatuan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar. Akhirnya kesedaran mereka pun reda. Tentu, redanya kesedihan mereka disebabkan berita dari Allah SWT. Akan tetapi, kesedihan juga dapat reda dengan sebab Allah SWT menyebutkan hal tersebut melalui seorang hamba yang telah diberinya hikmah dan perkataan yang benar.

Kalimat 'ya bunayya' "Wahai anakku", dengan huruf ya' berharakat kasrah, sebab harakat itu menunjukkan ya' yang dihilangkan. Namun siapa yang membacanya dengan harakat fathah, maka itu kerana harakat fathah lebih mudah dibaca. Lafaz 'ya bunayya' sendiri bukan bentuk hakikat tasghir (pengecilan), sekalipun lafaznya tasghir, namun merupakan bentuk tarqiq (ungkapan kelembutan dan kasih sayang). Contohnya adalah kalimat yang diungkapkan kepada seseorang, "ya ukhaiyya" dan kepada seorang anak "هُوَ كَوِيْسٌ" (hua kuayyis). Luqman al-Hakim menasihatkan anaknya dengan memberi bimbingan supaya tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu kerana syirik adalah perbuatan yang sangat zalim. Zalim bermaksud meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya, ia berdosa besar kerana Allah SWT Yang Maha Agung tidak sama dengan behala-berhala.

Luqman al-Hakim menasihati anaknya dengan bahasa yang sangat lembut dan halus dengan penuh kasih sayang. Bertepatanlah dengan anjuran qaulan kariman (kata-kata yang baik) seperti yang terdapat dalam ayat 23 Surah Al-Isra'. dan sepertimana Hight dalam Robiah Sibin (1998) menegaskan bahawa komunikasi amat mustahak pada diri manusia, tanpa komunikasi proses mengajar tidak akan wujud. Komunikasi

dua hala antara guru dan pelajar memerlukan reaksi dan maklum balas yang spontan dan penuh kefahaman.

5.5.2.1 Analisa ayat 13

Sayyid Qutb (2000), menjelaskan bahawa persoalan tauhid yang dikemukakan adalah dalam bentuk nasihat, begitu juga Hamka (1981), mengatakan bahawa persoalan tauhid ini adalah inti hikmat yang menjadi pedoman utama dalam kehidupan manusia.

Secara keseluruhannya semua ahli tafsir dalam kajian ini bersetuju Luqman melarang berlaku syirik kerana kasih sayang dan cinta, jelas orang yang saling mencintai tidak akan sanggup berlaku tidak jujur antara satu sama lain.

Firman Allah dalam Surah Az-Zariyat: ayat 56-57 menegaskan bahawa manusia dan jin hanya dijadikan untuk menyembah Allah yang Esa, bukan menduakanNya.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu."

Menurut Ali As-Sabuni (2000), murtad dari agama merupakan masalah yang amat besar di sisi Allah SWT termasuk dosa yang paling besar, maka setelah itu Allah menyebutkan hukum orang kafir dan syirik kepada Allah SWT seperti dalam firmanya dalam surah An-Nisa': 116).

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُوَّكَ ذَلِكَ

لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكَ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ صَلَلًا بَعِيدًا

(٥)

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang memperseku-kanNya dengan sesuatu (Apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang memperseku-kan Allah dengan sesuatu (Apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.


Semua dosa ada kemungkinan diampuni kecuali syirik kepada Allah SWT, mengingkari kurnia dan nikmatnya. Sebab syirik merupakan pangkal kepada segala kejahatan dan sumber segala dosa yang dilakukan manusia. Orang musyrik sama dengan orang yang mengingkari keberadaan Allah SWT kerana itu Allah mengeraskan siksanya terhadap orang kafir dan tidak memberi manfaat kepadanya.

Dari Abdurrahman bin Abu Bakrah, dari bapaknya RA dia berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Mahukah aku beritahukan kepada kalian dosa paling besar di antara dosa-dosa besar? Kami berkata, “Tentu wahai Rasulullah.” Beliau bersabda, “Syirik kepada Allah dan durhaka kepada kedua orang tua.” Tadinya beliau dilihat bersandar, lalu duduk dan berkata, “Ketahuilah dan perkataan dusta dan kesaksian palsu.” Beliau terus mengulanginya hingga aku berkata, “Beliau tidak diam.” (Ibnu Hajar Al-Asqalani, 2009).

Jika kita melihat kepada sirah para nabi, semua para nabi mengajak kepada kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT. Nabi Ibrahim adalah sebagai tonggak kepada tauhid kepada Allah SWT. Dalam surah al-An'am: ayat 74 Allah menggambarkan Nabi Ibrahim Al-Khalil yang datang sambil membawa agama yang

murni dan bersih. Kaum Ibrahim yang paganis menyembah batu, pepohonan, bintang dan bulan. Nabi Ibrahim cuba menggugurkan keyakinan mereka dengan gaya pengingkaran, Nabi Ibrahim cuba memperlihatkan kebodohan dan kesalahan mereka dalam menyembah selain Allah. Setelah itu beliau mengumumkan iman dan kepasrahan diri kepada Allah SWT. Yang Maha Esa. Firman Allah dalam surah Al-An'am: ayat 79. (Ahmad Bahjat, 2007) Nabi Ibrahim bahkan tidak lupa berwasiat kepada putera-puteranya – diantara mereka terdapat Ya'qub – supaya mati dalam keadaan Islam (berserah diri kepada Allah). Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah: ayat 132:

وَوَصَّىٰ إِبْرَاهِيمَ بْنَيْهِ وَيَعْقُوبَ بْنَيْهِ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَنِي
لِكُمُ الَّذِينَ فَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ



Maksudnya: "Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat Dengan ugama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam".

Di dalam surah Yunus, Allah ceritakan kepada kita apa yang dikatakan Musa kepada kepada kaumnya, dalam Surah Al-Baqarah: 84:

وَقَالَ مُوسَىٰ يَقُولُمْ إِنْ كُنْتُمْ إِمَانْتُمْ بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا إِنْ
كُنْتُمْ مُسْلِمِينَ

Maksudnya: "Dan Nabi Musa pula berkata (kepada kaumnya): "Wahai kaumku! kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah diri kepadaNya, jika betul kamu orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)".

Nabi Sulaiman juga seorang Muslim, berdasarkan nas Al-Quran yang menuturkan kisahnya bersama ratu Saba'. Pada bahagian akhir ratu Saba' berjalan-jalan, ia berkata kepada Sulaiman,

قالَتْ رَبِّي إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَشْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ

رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾

Maksudnya: "Balqis berdoa: "Wahai Tuhan, Sesungguhnya Aku telah menganiaya diri sendiri dan (sekarang aku menegaskan bahawa) Aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam".

Nabi Yusuf pula berdoa ke hadrat Allah SWT. Ia memohon supaya dimatikan dalam keadaan muslim, juga dipertemukan dengan orang-orang saleh. Allah bercerita tentang Yusuf dalam firman-Nya,

رَبِّيْ قَدْ أَنْتَ بِنِيْ مِنَ الْمُلْكِ وَعَلَمْتَنِيْ مِنْ تَأْوِيلِ
الْأَحَادِيثِ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنْتَ قَلِيلٌ فِي
الْأَرْضِ وَالْأَخِرَةِ تَوَفَّنِيْ مُسْلِمًا وَالْحَقِيقِيْ بِالصَّالِحِيْنَ ﴿١﴾

Maksudnya: "Wahai Tuhan! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan Yang menciptakan langit dan bumi Engkau Pengusa dan pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh".

Begitu juga Rasulullah SAW mengajak kepada menyembah Allah SWT. Menurut Imam Ibnu'l Jauzi (2007), pada awal kenabian, Nabi SAW berdakwah kepada para penduduk secara sembunyi-sembunyi. Abu Bakar pun mengajak beberapa

pengikutnya yang ia percaya. Pada tahun ketiga kenabian barulah diturunkan ayat kepada beliau. Surah Al-Hijr: ayat 94:-

فَاصْدِعْ بِمَا تُؤْمِنُ وَأَغْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

Maksudnya: “Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu”.

Nik Aziz Nik Pa (1990:98), menegaskan bahawa guru yang berkebolehan tinggi dalam matapelajaran tidak semestinya dapat mengajar dengan berkesan. Guru tersebut perlu menyepadukan ilmu, iman dan amal supaya dia menjadi contoh teladan yang baik. Guru yang berkesan ialah guru yang dapat membimbing muridnya membina skim pemikiran dan skim akhlak yang sofistikated, dengan itu guru yang berkesan bagi pendidikan pintar cerdas ialah guru yang adil, amanah, demokrasi, kreatif, tidak membosankan, stabil, tenang, konfiden, beriman dan bertaqwa.

Hasan Langgulung (1991:88), pula menyatakan bahawa pendidikan guru bukan hanya mengajar matapelajaran, bahkan mengajarkan matapelajaran psikologi Islam. Ia harus berusaha mengembangkan manusia-manusia yang memiliki kepercayaan secara Islam tentang manusia dan sikapnya terhadap manusia. Kita menginginkan guru-guru yang dapat membentuk Insan Kamil, Untuk itu mereka sendiri haruslah juga Insan Kamil, dan ini hanya bisa berlaku kalau mereka mengalami kondisi-kondisi yang harus ada bagi terciptanya Insan Kamil itu.

Muhammad Salih Samak (1983:42), menegaskan adalah patut bagi guru mendidik murid-muridnya dengan didikan agama, yang lahir dari jiwa guru itu sendiri, yang ia sendiri beriman, dengan ikhlas dan yakin, supaya segala nasihatnya menyerupai perbuatannya. Oleh itu guru-guru agama mestilah beriman teguh, mengetahui selok-belok agama dengan sempurna sama ada pada segi hukum fekah atau lain-lain.

Muhammad Shatar, Jasni dan Azali (2006), juga bersetuju bahawa pendidik yang mempunyai pegangan agama yang kuat akan sentiasa memastikan setiap rancangan dan tugas yang diamanahkan kepadanya dilakukan dengan penuh komitmen dan tanpa ada perasaan menyesal, mengeluh dan membebankan. Pendidik seperti inilah yang akan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum untuk membentuk personaliti unggul.

Justeru itu, para guru hendaklah meletakkan asas keimanan kepada Allah dahulu sebelum menjalankan tugas sebagai pendidik. Nasihat ini mengandungi pengajaran untuk mengingatkan diri sendiri dan mengingatkan orang lain dan ini ditegaskan bahawa sebelum melakukan perkara baik, perkara utama yang harus dilakukan ialah dengan meninggalkan dahulu perkara yang tidak baik (M.Quraish Shihab, 2003).

Ayat ini juga menerangkan kepada kita tentang tatacara Luqman berkomunikasi amat sesuai dan bertepatan dengan ayat-ayat al-Quran yang menyuruh bergaul dan bercakap dengan baik seperti dalam surah al-Isra' ayat 28 (bercakap dengan kata-kata yang menyenangkan hati), dalam surah al-ahzab ayat 32 (berkata dengan kata-kata yang baik), dalam surah an-nisa' ayat: 9 (mengatakan perkataan yang betul yang

menepati kebenaran) dan dalam surah al-Isra' ayat 23 (ucapkanlah perkataan yang baik).

Luqman menyeru anaknya dengan panggilan "anakku" adalah satu panggilan yang lemah lembut dan terdapat beberapa lagi contoh seruan terhadap anak-anak (Abdullah Nasih Ulwan, 1988:211) yang terdapat dalam Al-Quranul Karim seperti:

- i. Surah Hud: ayat 42:-

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَنَادَى نُوحٌ أَبْنَاهُ
وَكَاتَ فِي مَعْزِلٍ يَنْبِئُ آزْكَبَ مَعْنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ
الْكَفَّارِينَ

Maksudnya: (Mereka semua naik) dan bahtera itupun bergerak laju membawa mereka dalam ombak yang seperti gunung-ganang, dan (sebelum itu) Nabi Nuh memanggil anaknya, yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah Engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir".

- ii. Surah Yusuf: Ayat 5:-

قَالَ يَنْبِئُ لَا تَقْصُصْ رُءْيَاكَ عَلَى إِحْوَاتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا
إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: Bapanya berkata: " Wahai anakku! janganlah Engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana Aku khuatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadapmu. Sesungguhnya Syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia.

iii. Surah Al-Baqarah: ayat 132:-

يَبْيَنِي إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَنِي لَكُمُ الَّذِينَ فَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam".

Luqman memanggil anaknya "ya bunayya" iaitu panggilan kasih sayang terhadap anaknya. Sifat ini dilihat ada persamaannya dengan Rasulullah SAW (Najib Khalid Al-Amir, 1994:112) yang memanggil anak kecil dengan sapaan "Wahai Abu Umair".

Anas RA berkata,

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُ غَلِيقَةَ
وَلِي أَخَّ صَغِيرٍ يُكْثِرُ أَبَا عُمَيْرَ، وَكَانَ لَهُ نُعْرَةٌ يَلْعَبُ بِهَا، فَمَاتَ، فَدَخَلَ عَلَيْهِ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَرَأَهُ خَرِبَيْنَا، فَقَالَ: مَا شَانَهُ؟ قَالُوا: مَاتَ
نُعْرَةً. قَالَ: يَا أَبَا عُمَيْرَ، مَا فَعَلَ النُّعْرَةُ؟ رَوَاهُ الْبَخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَأَبُو دَاود
وَالْتَّرمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَهٍ وَالْفَظْلُ لَابْنِ دَادِدٍ.

Maksudnya: "Rasulullah SAW adalah orang yang paling baik akhlaknya. Saya mempunyai saudara yang dipanggil Abu Umair. Dia anak yang sudah dipisahkan dari susuan. Jika datang beliau berkata," Wahai Abu Umair, apa yang dilakukan nughair (burung kecil)? Kadang-kadang, beliau bermain dengan dia. Jika tiba saat solat sementara beliau masih di rumah kami, beliau meminta permaidani yang ada di bawahnya, lalu permaidani itu beliau sapu dan ditiup-tiup. Kemudian berdiri dan diikuti oleh kami dibelakang" (Riwayat Bukhari, Muslim, Tirmidzi dan Abu Daud).

Sabda Rasulullah SAW lagi:

"ثلاثة أشياء يمكن أن تعزز الصداقات مع هذا الزميل تحية عندما يلتقيون به وإعداد مقعده في وظيفة والذي يطلق عليه من قبل اسم المفضلة لديه". (رواوه الطبراني)

Maksudnya: "Tiga perkara yang boleh mengeratkan persahabatan dengan saudaramu iaitu memberi salam

apabila bertemu dengannya dan menyediakan tempat duduknya dalam sesuatu majlis serta panggillah ia dengan nama yang paling disenanginya." (Riwayat At-Tabarani)

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الظِّيْفَ فِي كُلِّ حَالَةٍ (رواه البخاري و مسلم)

Maksudnya: " Sesungguhnya Allah menyukai sikap berlemah lembut dalam semua hal." (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

أَيْ شَخْصٌ لَا يُحِبُّ الْأَطْفَالَ وَعَدْمُ احْتِرَامِ حُقُوقِ كِبَارِ السَّنِ حَتَّى إِنَّهَا لَيْسَتْ وَاحِدَةً مِنَّا (رواه البخاري)

Maksudnya:" Sesiapa yang tidak menyayangi kanak-kanak dan tidak menghormati hak orang lebih tua maka ia bukan dari golongan kami." (Riwayat Al-Bukhari)

Ketiga-tiga hadis di atas sudah cukup menunjukkan kepada kita bahawa betapa pentingnya menjaga hubungan yang baik antara pendidik dan anak didiknya.

Menyapa dengan sebutan memberi kesan tersendiri kepada anak. Ia dikira sebagai perbuatan yang sarat dengan pendidikan dan dakwah, kecintaan terhadap Rasulullah SAW akan bertambah. Kemungkinan juga dapat menjadi ubat bagi gangguan kejiwaan yang menimpa para pemuda kini.

Omar Mohd Hashim (1999), juga menjelaskan bahawa ditinjau dari sudut psikologi pendidikan, kanak-kanak amat memerlukan kata-kata galakan yang sesuai. Kata-kata ini amat besar maknanya kepada perkembangan kanak-kanak melalui kata-kata tersebut, kita bukan sahaja memberi galakan, tetapi secara tidak langsung telah melalui penanaman semangat yakin pada diri sendiri.

Kamaruddin Abu & Ee Ah Meng (1995:353), juga menyatakan bahawa guru hendaklah melayani pelajar dengan pengetahuan psikologi yang diperolehi ketika dalam latihan perguruan. Dia hendaklah mengelakkan daripada penggunaan kata-kata seperti “bodoh”, “lembam” dan sebagainya kerana ia boleh menyebabkan pelajar mudah berputus asa, menarik diri, pasif dan kurang keyakinan. Sebaliknya guru hendaklah sentiasa mendorong pelajar dengan menggunakan teknik motivasi agar mereka membesar menjadi anggota masyarakat yang yakin, tabah hati dan sedia untuk bersaing.

Abdullah Al-Amin Al-Na'miy (1994), juga menyarankan supaya bersikap lemah lembut kerana sifat lembut dan sifat penyabar merupakan sifat penting yang perlu dimiliki oleh guru.



Sifat ini akan merapatkan guru dengan pelajar dan menambahkan persefahaman. Sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الظَّفِيفَ فِي كُلِّ حَالٍ وَإِنَّمَا يَرْزُخُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرَّحْمَاءُ"

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyukai lemah lembut dalam segala urusan. Hanya Allah akan mengasihani hambaNya yang mengasihani." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ahmad Syarifuddin (t.t) menyatakan bahawa guru diseru supaya bersikap lemah lembut, belas kasihan dan bersopan santun. Guru tidak boleh bersikap emosi, kaku, keras hati, kasar dan pilih kasih. Guru itu mestilah seorang yang tidak suka mencela, menghina dan mencemuh anak didiknya walaupun anak didiknya itu lembap untuk menguasai pendidikan. Sabda Rasulullah SAW:

"لَا ينتمي إلينا، والناس الذين ليسوا مولعاً الأطفال الصغار و لا يحترم
شيوخ بيتنا." (رواية الترمذى)

Maksudnya:" Bukanlah golongan kami orang yang tidak menyayangi yang kecil, tidak menghormati yang besar (orang tua)" (Hadis Riwayat Tirmizi).

Hadis ini menegaskan bahawa tidak selayaknya orang yang mendalami Al-Quran berlaku emosi bersama-sama orang yang emosi, tidak selayaknya pula berlaku bodoh bersama orang-orang yang bodoh, sementara di rongga dadanya terdapat Kalam Allah SWT.

Muhammad Shatar Sabran, Jasni Sabri & Azali Mohammad (2006) juga memberikan beberapa saranan, iaitu pendidik perlu menggunakan bahasa yang jelas dan tepat. Pendidik perlu mengenalpasti sesuatu perkara dan yakin menyatakan kepada pelajar. Contohnya: "Saya pasti" dan "tentu sekali". Dengan menggunakan bahasa yang jelas dan mudah pelajar akan senang memahami dan yakin dengan apa yang disampaikan.

Seterusnya pendidik perlu bercakap perkara yang positif sahaja serta murah dengan penghargaan dan pengiktirafan. Contohnya: "Ali, jawapan kamu kurang tepat tetapi terima kasih kerana kamu berani cuba menjawabnya." Bryan Coombs (2009:87-88), juga memberi saranan supaya banyak memuji pelajar, beliau menjelaskan bahawa meskipun ia percuma dan mudah diberi, pelajar jarang sekali menerima pujian. Kritikan membina dapat dikukuhkan dengan kata-kata seperti: "Satu kemajuan besar, Carol" - semasa memulangkan tugas. Amalan biasa seperti ini akan memberi galakan dan dapat meningkatkan kejayaan pelajar.

Abdul Hamid Mahmood (1990) dalam Sulaiman Md. Yassin (2002) telah menggariskan beberapa ciri komunikasi guru murid yang boleh menghasilkan pengajaran yang berkesan, antaranya ialah:

- i. Mempunyai sifat penyabar, penyayang, serta suka akan murid-muridnya.
- ii. Pandai menghargai dan memuji murid-murid. Penghargaan dan pujian yang diberikan hendaklah ikhlas dan jujur.
- iii. Sentiasa bersikap positif dan bercakap tentang perkara yang baik dan benar. Elakkan daripada bersikap angkuh atau suka melemparkan kritik yang tidak beralasan.

Menurut Mohd.Sahandri (2010:28), perasaan belas kasihan merupakan nilai dalaman yang murni dalam diri seseorang. Guru yang mempunyai belas kasihan terhadap murid-muridnya akan sentiasa mengambil berat masalah peribadi yang dihadapi mereka. Sikap belas kasihan yang ditunjukkan oleh guru ini bukan sahaja mendatangkan kesan yang baik kepada murid yang bermasalah malah membentuk sahsiah murni dalam kalangan murid.

Selepas itu ayat menegaskan tentang sifat taqwa yang perlu ada pada diri seorang pendidik. Sifat taqwa adalah sifat yang utama yang perlu ada pada diri seorang pendidik ini ditegaskan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1989:339) iaitu seutama-utama sifat yang patut disifati oleh pendidik itu ialah sifat taqwa. Setiap pendidik wajib mematuhi semua perintah-perintah dan petunjuk-petunjuk ini secara awalan, disebabkan mereka sebagai qudwah, atau ikutan yang akan turut diperhatikan, disebabkan dialah orang yang pertama bertanggungjawab tentang pendidikan anak di atas asas-asas iman, dan pengajaran Islam. Pendapat ini juga dipersetujui oleh

Abdullah Ad-Duweisy (2009) dalam meletakkan sifat-sifat seorang guru atau pendidik.

5.5.3 Tafsir ayat 14

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya berbuat baik kepada kedua ibubapa. Firman Allah Taala :

وَوَصَّيْنَا إِلَيْنَاهُ بِوَالدِّيَهُ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَىٰ وَهُنَّ وَفَصَّلُهُ فِي
عَامَيْنِ أَن آشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصْبُرِ ﴿١٤﴾

Maksudnya: "Dan Kami perintahkan kepada manusia terhadap dua orang ibubapa, ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah lemah, dan menyapihnya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu, hanya kepada Ku lah kamu kembali."

Menurut Sayyid Qutb (2000:525), dibawah bayangan nasihat bapa kepada anak, al-Quran menjelaskan hubungan diantara kedua ibubapa dan anak-anak dengan uslub (cara) yang amat halus. Ia menggambarkan hubungan itu dengan satu gambaran yang menarik, penuh mesra dan lemah lembut, namun demikian hubungan aqidah (tauhid) adalah tetap diutamakan dari hubungan darah yang erat itu.

Perintah kepada anak-anak supaya berbuat baik kepada ibubapa berulang-ulangkali disebut di dalam al-Quranul Karim dan di dalam suruhan-suruhan Rasulullah SAW, tetapi perintah ibubapa supaya berbuat baik kepada anak-anak hanya disebut sedikit sahaja. Ini disebabkan kerana fitrah semulajadi sahaja sudah cukup mendorong ibubapa mengambil berat terhadap keselamatan anak-anaknya. Fitrah semulajadi memang didorong ke arah melindungi generasi baru untuk menjamin kesinambungan hayat sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Ibubapa akan mengorbankan

tubuh badan mereka, saraf mereka, umur mereka dan segala sesuatu yang mahal yang dimiliki mereka demi kepentingan anak-anak mereka.

Menurut Ibnu Kathir (2003:257) dalam tafsirnya, Dan Allah SWT memerintahkan kepada hambaNya, agar berbakti dan berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, kerana ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah ditambah kelemahan si janin, kemudian setelah lahir, memeliharanya dengan menyusuinya selama dua tahun, maka hendaklah engkau bersyukur kepada Allah SWT dan bersyukur kepada kedua orang tuamu.

Menurut Hamka (1981:158) dalam tafsir al-Azhar, Wasiat itu kalau datang dari Allah SWT sifatnya ialah perintah. Tegasnya ialah bahawa Allah SWT memerintahkan kepada manusia agar mereka menghormati dan memuliakan kedua ibubapanya. Sebab dengan melalui jalan kedua ibu bapayalah manusia dilahirkan ke bumi ini. Ayat seterusnya menggambarkan bagaimana payah ibu mengandung, payah bertambah payah. Payah sejak dari mengandung bulan pertama, bertambah payah tiap bertambah bulan dan sampai dipuncak kepayahan di waktu anak dilahirkan. Kemudian mengasuh, menyusu, menjaga, memelihara sakit – senangnya sehingga masa dua tahun. Bersyukurlah kepada Allah. Itu syukur yang pertama. Kerana semuanya itu sejak mengandung sehingga mendidik tidak ada rasa bosan, dipenuhi rasa cinta dan kasih adalah berkat Rahmat Allah belaka. Setelah itu bersyukur kepada kedua orang tuamu. Ibu yang mengasuh dan ayah yang membela dan melindungi anak-anaknya. Akhirnya ayat ini diperingatkan ke mana akhir perjalanan hidup ini. Semuanya akan kembali kepada Allah SWT.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5371-5372), dan Kami perintahkan kepada manusia supaya berbakti dan taat kepada kedua orang tuanya, serta memenuhi hak-hak keduanya. Di dalam Al-Quran sering kali disebutkan taat kepada Allah diikuti selepas itu dengan taat kepada kedua orang tua, iaitu seperti yang telah disebutkan di dalam firmanNya dalam Surah Al-Isra' ayat 23:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا

Maksudnya: " Dan Rabbmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu".

Seterusnya Allah SWT menyebutkan jasa ibu secara khusus terhadap anaknya, kerana sesungguhnya di dalam hal ini terkandung masyaqqa (kesusahan) yang sangat berat bagi pihak ibu. Ibu telah mengandungnya, sedang ia dalam keadaan lemah yang kian bertambah disebabkan makin membesarnya kandungan sehingga ia melahirkan, kemudian sampai dengan selesai dari masa nifasnya. Kemudian Allah SWT menyebutkan lagi jasa ibu yang lain iaitu bahawa ibu telah memperlakukannya dengan penuh kasih sayang dan telah merawatnya dengan sebaik-baiknya sewaktu ia tidak mampu berbuat sesuatu apapun bagi dirinya. Dan menyapihnya dari persusuan sesudah ia dilahirkan dalam jangka waktu dua tahun. Selama masa itu ibu mengalami berbagai masa kesibukan dan masyaqqa (kesusahan) dalam rangka mengurus keperluan bayinya. Hal ini tiada yang dapat menghargai pengorbanannya melainkan hanya Yang Maha Mengetahui keadaan ibu, iaitu Tuhan Yang tiada sesuatu pun yang samar bagiNya baik dilangit maupun di bumi.

Menurut Tafsir Al-Misbah (2003:128-129), Allah menggambarkan betapa Dia sejak mula lagi telah melimpahkan anugerah kepada hamba-hambaNya dengan mewasiatkan kepada anak-anak supaya berbakti kepada kedua ibu bapanya. Dan Kami wasiatkan iaitu berpesan dengan bersungguh-sungguh kepada semua manusia berkaitan kedua orang ibu bapanya; Nasihat kami disebabkan kerana ibunya telah mengandungnya dalam keadaan kelemahan di atas kelemahan, iaitu kelemahan berganda dan dari masa ke masa bertambah-tambah. Kemudian dia melahirkannya dengan susah payah, kemudian memelihara dan menyusukannya setiap masa, bahkan di tengah malam, ketika waktu manusia lain tertidur nyenyak. Begitulah hingga tibanya masa menyusukannya dan penyusuannya di dalam dua tahun dikira sejak hari pertama kelahiran anaknya. Ini digalakkan jika orang tuanya ingin menyempurnakan penyusuan. Wasiat Kami itu adalah: "Bersyukurlah kepada Ku! Kerana aku yang menciptakan kamu dan menyediakan bekal untuk kebahagiaan kamu, dan bersyukur pula kepada dua orang ibu bapa kamu kerana mereka yang Aku jadikan perantara kehadiran kamu di pentas bumi ini." Kesyukuran ini mutlak dilakukan kerana hanya kepada Ku tidak kepada lain kembali kamu semua wahai manusia, untuk kamu pertanggungjawabkan kesyukuran itu. Dan penyusuannya di dalam dua tahun, mengisyaratkan betapa penyusuan anak sangat penting dilakukan oleh ibu kandung. Tujuan penyusuan ini bukan sekadar untuk memelihara kehidupan anak, tetapi juga untuk meningkatkan perkembangan anak dalam keadaan fizikal dan emosi yang mantap.

Menurut Tafsir al-Maududi (1982:18), Dari ayat tersebut, Imam Shafie, Imam Ahmad, Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad telah membuat kesimpulan bahawa tempoh menyusu untuk seorang bayi adalah dua tahun. Jika seorang bayi telah

menyusu dengan seorang perempuan dalam tempoh ini, bayi dan perempuan itu menjadi muhrim, tetapi jika luar dan melepas tempoh itu mereka tidak menjadi muhrim. Kata-kata daripada Imam Malik juga menyokong pandangan ini. Tetapi imam Abu Hanifah mencadangkan bahawa tempoh dua tahun setengah itu sebagai tempoh berjaga-jaga, dan menjelaskan bahawa jika seorang bayi itu menyusu selepas dua tahun atau lebih awal, dan tidak lagi bergantung pada penyusuan sebagai makanannya, perempuan yang menyusukannya selepas itu tidaklah haram kepadanya. Bagaimanapun, jika makanan sebenar bayi itu masih lagi susu, penyusuan pada tempoh itu menjadikan mereka berdua sebagai muhrim walaupun bayi itu ada memakan makanan lain dalam kuantiti yang banyak atau sedikit. Ayat itu juga tidak membawa maksud bahawa bayi mesti disusukan selama dua tahun. Dalam Surah Al-Baqarah disebutkan: "Ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun penuh, jika para ayah inginkan penyusuan itu sempurna." (v. 233). Ibn 'Abbas daripada ayat ini menyimpulkan, dan beberapa ulamak bersetuju dengan beliau, bahawa tempoh terpendek untuk mengandung adalah enam bulan, kerana Quran di tempat lain menyebutkan: "Dia dikandungkan (dalam rahim) dan disusukan selama tempoh yang mengambil masa tiga puluh bulan." (Ahqaf: 15). Ini adalah perkara penting dalam hukum yang banyak menyelesaikan masalah berkaitan dengan kelahiran yang sah dan tidak sah.

Menurut Tafsir Al-Qurtubi (2009:153), Ayat ini merupakan selingan di antara wasiat Luqman. Namun begitu ada yang menyatakan bahawa sesungguhnya ini termasuk wasiat yang disampaikan oleh Luqman kepada anaknya yang Allah beritakan. Maksudnya adalah Luqman berkata kepada anaknya, "Janganlah kamu menyekutukan Allah dan janganlah kamu taaf kepada kedua orang tuamu dalam hal

berbuat syirik". Sebab Allah SWT telah mewasiatkan taat kepada kedua orang tua selama perkara tersebut tidak ada kaitannya dengan kesyirikan dan kemaksiatan kepada Allah SWT.

Selain itu ada yang berpendapat bahawa maksudnya adalah, ketika Luqman berkata kepada anaknya, "Janganlah kamu menyekutukan," dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua orang ibubapanya, maka Kami perintahkan manusia dengan ini dan Luqman memerintahkan anaknya dengan ini. Semua pendapat ini disebutkan oleh Qusyairi. Akan tetapi pendapat yang benar adalah ayat ke 14 dan ke 15 Surah Luqman ini turun kepada Saad bin Abu Waqqas.

Allah SWT memberikan keistimewaan kepada ibu dengan satu darjat, Dia menyebutkan kehamilan dan dengan darjat yang lain, Dia menyebutkan tentang penyusuan. Dengan demikian ibu mendapat tiga darjat dan ayah dengan satu darjat. Rasulullah saw hanya menjadikan untuk ayah seperempat dari kebaktian seorang anak sebagaimana yang terkandung dalam ayat ini.

Firman Allah SWT yang bermaksud, "Dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah". Maksudnya adalah, ibu mengandungnya di dalam perut, sementara dia sendiri hari demi hari kian melemah. Ada yang berpendapat bahawa maksudnya adalah keadaan fizikal perempuan itu lemah dan bertambah lemah lagi oleh kehamilan. Kemudian menyusunya pula selama tempoh dua tahun.

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:" Bersyukurlah kepada Ku". Maknanya Kami katakan kepadanya bahawa bersyukurlah kepadaKu dan kepada orang tuamu.

Ada yang mengatakan bahawa syukur kepada Allah SWT atas nikmat iman dan kepada kedua orang tua atas nikmat pendidikan. Sufiyan bin Uyainah berkata, "Barangsiapa yang solat lima waktu, maka sesungguhnya dia telah bersyukur kepada Allah dan barangsiapa yang mendoakan kedua orang tuanya di setiap selesai solat, maka sungguh dia telah bersyukur (berterima kasih) kepada keduanya."

Luqman al-Hakim mengajar anaknya supaya bersyukur kepada kedua ibubapa yang melahirkan, menyusukan dan membesarakan. Anak-anak perlu menghormati dan memuliakan kedua ibu bapa, kerana ibubapa sanggup melupakan kesenangan diri mereka demi kepentingan anak mereka. Bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat iman dan bersyukur kepada kedua ibu bapa di atas nikmat pendidikan (tarbiyyah).

5.5.3.1 Analisa ayat 14

Sayyid Qutb (2000), Ibnu Kathir (2003), Hamka (1981) dan Mustafa al-Maraghi (1989) masing-masing sependapat mengakui perintah Allah SWT iaitu berbuat baik dan berbakti kepada kedua ibu bapa adalah wajib, kerana Allah SWT menjadikan fitrah kedua ibu bapa sentiasa menjaga keselamatan dan sentiasa melindungi anaknya, kaum ibu pula mengandung dalam keadaan lemah bertambah lemah dan melalui kedua ibu bapalah manusia lahir ke bumi. Ibu bapa merupakan perantara kehadiran manusia ke pentas bumi ini. Manakala Imam Al-Maududi (1982) dan Imam Al-Qurtubi (2009) menyetujui supaya perlu berbuat baik kepada ibu bapa dan lebih menyebelahi kaum ibu kerana tugas ibu hamil dan menyusukan anak adalah tugas yang berat yang menyebabkan si ibu terpaksa mengorbankan kesenangannya.

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالَّدِيهِ إِحْسَنًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضْعَتْهُ كُرْهًا
 وَحَمَلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً
 قَالَ رَبِّي أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالَّدِيَ وَأَنْ
 أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضِيهِ وَأَصْلَحَ لِي فِي ذُرْبِيَّتِي إِنِّي تُبَتُّ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنْ
 الْمُسَلِّمِينَ ﴿١﴾ أَوْلَئِكَ الَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنْهُمْ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَنَتَجَابُوا
 عَنْ سَيِّئَاتِهِمْ فِي أَصْحَابِ الْجَنَّةِ وَعَدَ الْمُصْدِقِ الَّذِي كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatanNya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: "Wahai TuhanKu, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaKu dan kepada ibu bapaku, dan supaya Aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan Jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya Aku bertaubat kepadaMu, dan Sesungguhnya Aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadaMu)". Mereka (yang bersifat dengan sifat-sifat yang terpuji seperti itu) ialah orang-orang yang kami terima dari mereka amalnya yang baik yang mereka telah kerjakan, dan kami ampunkan kesalahan-kesalahan mereka; (Mereka akan dimasukkan) dalam kumpulan ahli syurga, sebagai memenuhi janji yang benar, yang telah dijanjikan kepada mereka." (Surah Al-Ahqaf: ayat 15-16)

Perintah berbuat baik kepada ibu bapa ini dijelaskan juga dalam surah Al-Ankabut;

ayat 8:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالَّدِيهِ حُسْنًا وَإِنْ جَهَدَ الَّكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ
 لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهُمَا إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَتَّهِمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan Daku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai

pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan."

Ayat yang bermaksud: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat kebaikan kepada kedua orang ibubapanya. Dalam surah An-Nisa' ayat 36 juga menerangkan tentang berbuat baik kepada orang tua.

Firman Allah SWT:

وَبِالْوَالِدِينِ إِحْسَنًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin."

Islam telah menjadikan birkat walidain (berbakti kepada kedua orangtua) sebagai kewajiban yang urutannya diletakkan setelah kewajiban beribadah kepada Allah SWT. (Ali Abdul Halim Mahmud, 1991) Allah berfirman dalam Surah Al-Isra': ayat 23 dan 24;

* وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدِينِ إِحْسَنًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهِهُمَا
وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنْ
الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ آرْجُوهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya Engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah Engkau berbuat baik kepada ibu bapa, jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan

peliharaanMu, maka janganlah Engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah Engkau menengking menyergah mereka, tetapi Katakanlah kepada mereka perkataan Yang mulia (yang bersopan santun).dan hendaklah Engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, Dengan berkata): "Wahai Tuhanmu! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil."

Nabi SAW bersabda tentang kepentingan berbakti kepada kedua orang tua:

Hadis pertama:

من الوليد بن أبى زار ، سعد بن أبى عمر الرماد شایبانی، عن عبد الله بن مسعود. وقال: سألت النبي صلى الله عليه وسلم: الخيرية أيهما أكثر أهمية. قال: وقل "صلاة في الوقت المناسب". انه (ابن مسعود): قلت: "ماذا في ذلك؟" المكرسة لكلا الوالدين" قال: قل [ابن مسعود]: قلت: "ماذا في ذلك؟" قال: "الجهاد في سبيل الله". (رواية مسلم)⁵

Dari Al-Walid bin 'Aizar, dia berkata: Aku mendengar Abu Amr Asy-Syaibani berkata: Pemilik rumah ini – seraya menunjuk dengan tangannya rumah Abdullah-mengabarkan kepada kami, dia berkata, "Aku pernah bertanya kepada Nabi SAW apa perbuatan yang paling dicintai Allah Azzawajalla, maka beliau bersabda, " Solat pada waktunya. " Aku bertanya, " Kemudian apa? " Beliau bersabda " berbakti kepada kedua orang tua. " aku bertanya lagi, " Kemudian apa? Beliau bersabda, "Berjihad di jalan Allah. Abdullah berkata, " Beliau menceritakan kepadaku hal-hal itu. Kalau aku meminta tambahan kepada beliau, niscaya beliau akan menambahkan kepadaku. " (Riwayat Muslim)

Hadis kedua:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ سَمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْوَالِدُ أَوْسَطُ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ فَأَضْبَغْ ذَلِكَ الْبَابَ أَوْ اخْفَظْهُ⁶

⁵ Hadis riwayat Muslim, Bab Bayan Kaunul imanu billahi Taala afthalul a'mal, no hadis 85, Lihat Muslim bin al-Hajjaj Abu Al-Hasan Al-Qusyairi An-Nisaburi,"Sahih Muslim", (Beirut: Darul Ihya' Turas Al-Arabi)

⁶ Hadis riwayat Ibnu Majah, Bab Birrul Walidain, no hadis 3665, Lihat Abu Abdallah Muhammad bin Yazid Al-Qazwini, "Sunan Ibnu Majah" (Beirut : Darul Basyar Awwad Makruf, 1418H)

Dari Abu Darda' , (ia berkata), "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Orang tua adalah penegah pintu-pintu syurga. Maka hilangkanlah pintu itu atau jagalah ia!"(Hadis Sahih Sunan Ibnu Majjah: 2970, Jilid 3).

Menurut Dr. Ali Halim Mahmud (1991), melalui hadis-hadis yang disebutkan jelaslah bahawa anak-anak wajib berbakti kepada kedua orang tua mereka. Berbakti kepada orang tua ini banyak sekali jenisnya. Namun yang paling penting adalah sebagai berikut:

- i.Ketaatan anak pada orang tua atas semua perintah dan pemintaannya selagi masih dalam koridor ketaatan kepada Allah SWT (bukan kemaksiatan).
- ii.Berbuat baik kepada keduanya dalam setiap keadaan, meski keduanya masih dalam keadaan kafir - suatu tendensi kemanusiaan yang wajar dan dijunjung tinggi oleh Islam.
- iii.Menghormati keduanya disetiap waktu dan kesempatan ketika keduanya hidup, pemghormatan diwujudkan dengan cara berbakti kepada keduanya, dan setelah keduanya wafat bisa diwujudkan dengan bersedekah.
- iv.Tidak membentak keduanya walaupun keharusan munculnya tindakan itu dari keduanya.
- v.Mendoakan dan memohonkan ampun untuk keduanya setelah keduanya meninggal dunia.
- vi.Mengutamakan keduanya melebihi diri sendiri dan mementingkan keduanya dengan segenap cinta dan kebaikan.
- vii.Berbuat baik kepada teman-teman mereka setelah mereka wafat.
- viii.Menunaikan janji-janji (wasiat) mereka setelah mereka wafat.

ix. Menyambung tali silaturrahim yang tidak mungkin disambung kecuali dengan keduanya.

x. Tidak melakukan tindakan durhaka terhadap keduanya meski ringan, demikian pula terhadap kerabat dan teman-teman keduanya.

Dengan kupasan ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis di atas menunjukkan kepada kita bahawa ketaatan kepada ibu bapa adalah satu suruhan ke atas manusia sejagat. Sejak dari zaman Nabi Adam lagi sehingga ke zaman Nabi Muhammad SAW. Suruhan ini tidak pernah berhenti. Di sinilah kata-kata Luqman al-Hakim sebagai contoh yang baik kepada para (murabbi) pendidik.

5.5.4 Tafsir ayat 15

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya tidak mematuhi perintah ibu bapa terhadap sesuatu yang menyalahi syarak.

وَإِنْ جَاهَهَاكُمْ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لِكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعُهُمَا
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ وَاتَّبِعُ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ
مَرْجِعُكُمْ فَأَنْتُمْ كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya mempersekuatkanKu dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau taatkan kedua-duanya, dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada Ku."

Menurut Sayyid Qutb (2000:526-527), ayat 15 surah Luqman menyatakan bahawa di sini hilanglah kewajipan taat kepada kedua ibu bapa, dan di sinilah meningkatnya hubungan aqidah mengatasi segala hubungan yang lain. Walau bagaimanapun usaha, perjuangan, desakan dan penerangan yang dikemukakan oleh ibu bapa dengan tujuan

memujuk anaknya supaya mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang tidak diketahui ketuhanannya, maka dia diperintah supaya jangan taat kepada kehendak dua ibu bapa itu. Itulah perintah dari Allah selaku tuan punya hati yang mesti di taati. Perbezaan aqidah di antara anak dan ibu bapa dan perintah supaya jangan mentaati ibu bapa dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan aqidah, tidaklah menghilangkan hak ibu bapa dari mendapat layanan yang baik dan persahabatan yang mesra dari anak-anaknya.

Menurut Ibnu Kathir (2003:257), dan walaupun engkau berbakti dan berlaku baik kepada ibu bapamu, namun bila mereka memaksamu untuk mempersekuatkan sesuatu dengan Allah dan menyembah selain dariNya, maka janganlah engkau mengikuti dan menyerah kepada paksaan mereka itu. Dalam pada itu hendaklah tetap menggauli dan menghubungi mereka dengan baik, hormat dan sopan. Dan ikutilah jalan orang-orang yang beriman kepada Allah, kembali taat serta bertaubat kepadaNya.

Menurut Hamka (1981:160), ayat 15 surah Luqman ini menyatakan bahawa sekiranya kedua orang tuanya mengajak untuk menukar kepercayaan dengan syirik maka Allah memberikan pedoman "Janganlah engkau ikuti keduanya" dan disambung dengan ayat "Dan bergaullah dengan keduanya di dunia ini dengan sepatutnya", maksudnya keduanya perlu selalu dihormati, disayangi, dicintai dengan sepatutnya bagi perkara yang makruf. Jangan menghina dan mencaci mereka, melainkan tunjukkan kepada mereka dalam hal aqidah memang berbeza. Kalau mereka sudah tua asuhlah mereka dengan baik dan tunjukkanlah bahawa seorang Muslim adalah seorang yang soleh. "Dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada

"Aku". Iaitu jalan yang ditempuhi oleh orang-orang yang beriman. Kerana itulah jalan yang selamat, yang tidak berbahaya. "Kemudian itu kepadaKulah kamu sekelian akan dikembalikan"- kerana datangnya kita ini adalah dari Allah dan di akhirat nanti akan dikembalikan kepadaNya. "Maka akan Aku beritahu kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan" - Allah lah nanti yang akan menilai buruk baiknya apa yang kamu amalkan selama dalam dunia ini. Sebab itulah maka dari sekarang setiap bimbingan Allah wajib diterima, dengan menempuh jalan yang ditempuh oleh orang yang beriman. Jangan menempuh jalan yang dipilih sendiri dengan mengikut hawa nafsu syaitan.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5373), ayat 15 surah Luqman menyatakan bahawa apabila kedua orang tua memaksa untuk menyekutukan Aku dengan yang lain dalam hal ibadah, iaitu dengan hal-hal yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya, maka janganlah kamu mentaati apa yang yang diinginkan oleh keduanya, Sekalipun keduanya menggunakan kekerasan supaya kamu mahu mengikuti kehendak keduanya, maka lawanlah dengan kekerasan pula bila keduanya benar-benar memaksamu. Dan pergaulilah keduanya di dalam urusan dunia dengan pergaulan yang diredhai oleh agama, dan sesuai dengan watak yang mulia serta harga diri, iaitu dengan memberi pakaian dan makanan kepada keduanya seterusnya tidak boleh memperlakukan keduanya dengan perlakuan yang kasar; sentiasa mengambil berat dan menjenguknya apabila sakit, serta menguburnya apabila mati. Dan laluilah jalan orang yang bertaubat dari kemosyrikkannya lalu kembali kepada agama Islam, dan ikuti jejak Nabi Muhammad SAW. Kesimpulannya ikutilah jalanKu yakni dengan mentauhidkan Aku serta mengikhlaskan diri dan taat kepadaKu, bukan mengikuti jalan kedua ibu bapa.. Kemudian kalian akan kembali kepadaKu sesudah

kamu mati, lalu Aku khabarkan kepada kamu apa yang telah kamu perbuat di dunia, yakni perbuatan baik dan perbuatan buruk. Kemudian Aku membalaskannya kepada kamu , orang yang berbuat baik akan menerima pahala kebaikannya, dan orang yang berbuat buruk akan menerima hukuman keburukannya.

Menurut M.Quraish Shihab (2003:131-132), ayat 15 dalam surah Luqman ini menyatakan bahawa jika keduanya (ibu bapa) atau salah seorang dari mereka, bersungguh-sungguh memaksa untuk mempersekuatkan Allah SWT dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuan tentang itu, apatah lagi setelah dijelaskan kebatilan mempersekuatkan Allah SWT, dan setelah mengetahui dengan menggunakan akal fikiran, maka janganlah mematuhi keduanya. Namun demikian jangan memutuskan hubungan dengannya atau tidak menghormatinya. Tetapi tetaplah berbakti kepada keduanya selama tidak bertentangan dengan ajaran agama, dan pergaulilah keduanya di dunia yakni selama mereka hidup dan dalam urusan keduniaan dengan cara pergaulan yang baik, tetapi jangan sampai keadaan ini mengorbankan prinsip agama, kerana itu, perhatikan tuntunan agama dan ikutilah jalan orang yang selalu kembali kepada Allah, kemudian hanya kepada Allah lah juga di akhirat nanti kamu kembali, maka Allah akan bentangkan kepada kamu apa yang telah kamu lakukan samada kebaikan dan keburukan, semuanya akan diberi balasan dan ganjaran. Oleh itu para pendidik seharusnya menekankan pendidikan aqidah dahulu sebelum pendidikan yang lain dan meneruskan khidmat bakti kepada kedua ibu bapa walaupun mereka syirik kepada Allah SWT.

Menurut Al-Qurtubi (2009:154-158), ayat 15 Surah Luqman ini telah menjelaskan bahawa ayat ini dan ayat sebelumnya turun pada Sa'ad bin Abu Waqqas. Tepatnya

ketika dia telah memeluk agama Islam dan ibunya yang bernama Hamnah binti Abu Sufyan bin Umayyah bersumpah tidak akan makan, sebagaimana yang telah disampaikan dalam penjelasan ayat sebelumnya. Ayat ini merupakan dalil yang membolehkan hubungan dengan kedua orang tua yang kafir dengan memberikan harta, jika keduanya fakir, mengucapkan kata-kata yang santun dan mengajak keduanya kepada Islam dengan penuh himah dan lembut. Asma' binti Abu Bakar As Siddiq pernah berkata kepada Rasulullah SAW, ketika ibu saudaranya, datang menemuinya, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah datang menemuiku, padahal dia sendiri tidak suka. Apakah aku harus menyambung silaturrahim dengannya?" Beliau menjawab. "Ya". Ibu kandung Asma' adalah Qutailah binti Abdul Uzza bin Abdul Azad. Sedangkan ibu kandung Aisyah dan Abdurrahman adalah Ummu Rumman, Salah seorang perempuan yang terdahulu memeluk Islam. An-Naqqasy menceritakan bahawa yang diperintahkan adalah Sa'ad dan orang yang kembali adalah Abu Bakar. Dia berkata. "Sesungguhnya setelah Abu Bakar masuk Islam, Sa'ad, Abdurrahman bin Auf, Utsman, Thalhah, Sa'id dan Zubair datang menemuinya. Mereka berkata, 'Kamu telah beriman! Abu Bakar menjawab, "Ya".

Maka turunlah pada ayat 9 : Surah Azzumar

أَمْنٌ هُوَ قَبِيتٌ إِنَّا لِلّٰهِ سَاجِدٌ وَقَائِمًا حَذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا

رَحْمَةَ رَبِّهِ

Maksudnya, "Apakah kamu hai orang musyrik yang lebih beruntung ataukah orang yang beribadat di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhan?"

Ketika mendengar ayat ini, keenam orang tersebut pun memeluk Islam.

Ada yang berpendapat bahawa maksud orang yang kembali itu adalah Rasulullah SAW. Ibnu Abbas RA berkata, Ketika Saad masuk Islam, maka kedua saudaranya,

Amir dan Uwaimir pun ikut masuk Islam. Tidak ada seorang pun dari mereka yang musyrik kecuali Utbah. Kemudian Allah SWT mengancam dengan bangkitnya orang-orang yang ada di dalam kubur dan kembali kepadaNya untuk pembalasan dan penghitungan amal, baik kecil maupun besar.

Luqman al-Hakim menasihati anaknya dengan memberikan pengajaran bahawa jika kedua ibubapa memaksa anaknya dengan arahan mensyirikkan Allah SWT maka janganlah dituruti, namun begitu pergaulilah mereka dengan baik iaitu pergaulan yang direhdai Allah SWT. Berbakti kepada ibubapa iaitu menyempurnakan kehidupannya di dunia dan kematiannya, namun tidak boleh sampai mengorbankan aqidah yakni hendaklah yakin dengan Allah SWT semata-mata.

5.5.4.1 Analisa ayat 15

Menurut Sayyid Qutb (2000) dan Al-Maududi (1982) kedua-duanya bersetuju bahawa hubungan aqidah sangat tinggi di sisi Allah SWT dan ia mengatasi segala hubungan yang lain.

Ulama-ulama tafsir seperti Sayyid Qutb (2000), Hamka (1981), Mustafa al-Maraghi (2003) dan Wahbah Az-Zuhaili (1991) memberikan pandangan yang sama mengenai tidak perlu mentaati ibu bapa yang memaksa dan menyuruh menyekutukan Allah SWT. Seterusnya diharuskan melawan dengan kekerasan jika mereka mengajak kepada syirik dengan kekerasan.

Namun begitu mengikut pendapat semua ahli tafsir dalam kajian ini bersetuju menyuruh berbuat baik kepada ibu bapa dan memberikan layanan yang mesra kepada

kedua ibu bapa samada mereka Islam atau kafir, berbakti kepada kedua ibu bapa dengan pergaulan yang diredhai Allah SWT.

Abu Bakar Al-Jabir (2008) menjelaskan bahawa setelah berbakti kepada kedua orang tua, ada etika yang perlu dijaga, iaitu taat kepada kedua orang tua dalam semua perintah dan larangannya selama di dalamnya tidak terdapat kemaksiatan kepada Allah SWT dan perlanggaran terhadap syariatNya (Abdul Aziz Fathi, 2007) kerana manusia tidak boleh mentaati makhluk untuk menderhakai Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa', ayat 36:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَبِذِي
الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ
وَالصَّاحِبِ بِالْجُنُبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا
يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالاً فَخُورًا

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombang takbur dan membanggabanggakan diri”

5.5.5 Tafsir ayat 16

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya yakin kepada kekuasaan Allah SWT bahawa Allah SWT akan membala segala amalan walau sebesar biji sawi. Firman Allah Taala:

يَسْبُّحُ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِنْ قَالَ حَمْدَةٌ وَمِنْ حَرَدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي
السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِي أَنَّ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿٦﴾

Maksudnya:(Luqman berkata): "Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi dan berada dalam batu atau dilangit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasnya). Sesungguhnya Allah Maha Teliti lagi Maha Mengetahui."

Menurut Sayyid Qutb (2000:528), tiada satu pengungkapan mengenai kehalusan dan kesyumulan ilmu Allah dan qudratNya, juga mengenai kehalusan hisab dan keadilan pertimbangan Allah yang dapat mendampingi pengungkapan al-Quran ini. Itulah kelebihan al-Quran yang penuh mukjizat, indah dan mendalam penerangannya. Sebiji sawi yang kecil, terbuang dan tiada nilai tersembunyi dalam sebiji batu yang pejal, ia tidak kelihatan dan tidak dapat dihubungi "atau berada di langit" iaitu di angkasa raya yang maha luas, di mana bintang yang besar kelihatan seperti sebiji noktah yang terapung-apung atau sebiji debu yang sesat "atau di bumi" ia hilang tidak kelihatan di dalam debu-debu tanah dan batu-batunya "nescaya akan dibawakannya oleh Allah" yakni ilmu Allah tetap mengikutnya dan qudrat Allah tetap menangkapnya "sesungguhnya Allah Maha Teliti dan Maha Pakar". Ini adalah satu kesimpulan yang amat sesuai dengan pemandangan sesuatu yang tersembunyi dan seni.

Menurut Ibnu Kathir (2003:258), Berkata Luqman: "Hai anakku perbuatan dosa dan maksiat walau seberat dan sekecil biji sawi dan berada di dalam batu, di langit atau di bumi akan didatangkanlah oleh Allah di hari qiamat untuk memperoleh balasannya, burukkah perbuatan itu atau baik akan mendapat balasan yang setimpal, sesungguhnya Allah Maha Halus, ilmunya meliputi segala sesuatu bagaimanapun

kecilnya, sehingga seekor semut yang melata di malam yang gelap gulita pun tidak akan luput dari pengetahuanNya.

Menurut Hamka (1981:161) dalam tafsir al-Azhar, "Wahai anakku, Jika ada sesuatu, yang dimaksudkan ialah sesuatu amalan, sesuatu amal dan usaha, sesuatu jasa kebajikan. Sesuatu amalan walaupun sebesar biji sawi "nescaya Allah akan mendatangkannya" Allah Maha Mengetahui sebab Dia yang empunya. Sebab itu jika berbuat baik janganlah semata-mata ingin diketahui oleh manusia. Haraplah penghargaan daripada Allah, Allah sendiri yang akan dapat menilai dan menghargainya. "Sesungguhnya Allah itu adalah Maha Luas" sehingga tidak ada yang terlepas dari perhitunganNya dan keadilanNya. "Maha Teliti". Sehingga sejak dari yang serba kasar dan besar sampai kepada yang serba halus dalam pengetahuanNya semua.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5374), Hai anakku, sesungguhnya perbuatan baik dan perbuatan buruk itu sekalipun beratnya hanya sebiji sawi, lalu ia berada di tempat yang paling tersembunyi dan paling tidak kelihatan, seperti di dalam batu besar, atau di tempat yang paling tinggi seperti di langit, atau tempat yang paling bawah seperti di dalam perut bumi, niscaya hal itu akan dikemukakan oleh Allah SWT di hari kiamat. Iaitu pada hari ketika Allah meletakkan timbangan amal perbuatan yang tepat, lalu pelakunya akan menerima pembalasan amal perbuatannya; apabila amalnya itu baik, maka balasannya pun baik pula, dan apabila amalnya buruk, maka balasannya pun buruk pula. Sebagaimana yang telah diungkapkan oleh ayat 47 dalam Surah Al-Anbiya' iaitu firman Allah :

وَنَصْعُ الْمَوْزِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمَ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلِمُ نَفْسٌ شَيْئاً

Maksudnya: "Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikit pun".


Sesungguhnya Allah Maha Lembut, pengetahuanNya meliputi semua hal-hal yang tidak kelihatan, lagi Maha Waspada; Dia mengetahui semua perkara yang nampak dan yang tidak nampak.

Menurut M.Quraish Shihab (2003:133-134), Ayat 15 Surah Luqman ini meneruskan wasiat Luqman kepada anaknya. Kali ini, yang dihuraikan adalah betapa dalamnya ilmu Allah SWT sebagaimana penutupnya dinyatakan ".....maka Ku beritakan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan." Luqman berkata: 'Wahai anakku, sesungguhnya jika ada sesuatu perbuatan baik atau buruk walau seberat biji sawi, dan berada pada tempat yang paling tersembunyi, misalnya dalam batu karang sekecil, sesempit dan sekukuh manapun batu itu, atau di langit yang luas terbentang dan tinggi kedudukannya, atau di dalam perut bumi nescaya Allah akan menzahirkannya, Allah akan menghitungkannya dan memberikan balasannya.

Sesungguhnya Allah Maha Halus menjangkau segala sesuatu lagi Maha Mengetahui segala sesuatu, sehingga tidak satu pun luput dari Nya. Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa yang berhak menyandang sifat al-latif ini adalah yang mengetahui perician kemaslahatan dan seluk beluk rahsianya, yang kecil dan yang halus, kemudian menempuh jalan untuk menyampaikannya kepada yang berhak secara lemah lembut bukan kekerasan.

Seterusnya dapat dikatakan bahawa kalau ayat yang lepas membincangkan tentang keesaan Allah dan larangan mempersekuatkan Nya, maka ayat ini menggambarkan kuasa Allah melakukan perhitungan atas amal-amal perbuatan manusia di akhirat nanti.

Menurut al-Maududi (1982:19), ayat 15 dalam Surah Luqman ini membawa maksud, "Tidak ada yang dapat lepas daripada pengetahuan Allah dan jangkauanNya. Sebijibeni di dalam batu mungkin tersembunyi daripada kamu tetapi diketahui oleh Allah. Zarah di langit mungkin jauh daripada kamu, tetapi untuk Allah ia amat dekat. Sesuatu yang berada di dalam lapisan bumi mungkin gelap bagi kamu tetapi terang untuk Allah. Oleh kerana itu, kamu tidak boleh melakukan sesuatu yang baik atau buruk, di mana sahaja dan bila-bila masa yang dapat disembunyikan daripada Allah. Dia tidak sahaja sedar tentang perkara itu tetapi juga bila tiba masanya dia akan membentangkan rekod penuh tentang segala perbuatan kamu."



Universiti Utara Malaysia

Menurut Al-Qurtubi, (2009:159-160), ayat 15 dalam Surah Luqman ini bermaksud , Luqman berkata kepada anaknya, "Hai anakku."Ini adalah perkataan Luqman. Dia bermaksud memberitahukan kepada anaknya betapa besarnya kekuasaan Allah SWT dan inilah kemuncak kepada kefahaman akal seseorang, sebab khardal (biji sawi), bermaksud sesuatu yang tidak mempunyai berat sebab tidak dapat diukur timbangannya.

Maksudnya, seandainya manusia memiliki rezeki seberat biji sawi , maka Allah pasti dapat menzahirkannya hingga Dia berikan kepada orang yang memiliki rezeki tersebut. Artinya, janganlah mementingkan rezeki sehingga lalai dari menunaikan

kewajiban dan mengikuti jalan orang yang kembali kepada Allah. Ayat ini menuturkan bahawa ilmu Allah SWT meliputi segala sesuatu dan menghitung segala sesuatu. Maha suci Dia, tidak ada sekutu bagiNya. Diriwayatkan bahawa anak Luqman bertanya kepada ayahnya tentang apakah Allah mengetahui tentang satu biji yang jatuh ke dasar laut, maka Luqman membacakan ayat ini.

Ada yang berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan biji sawi itu adalah segala amal, kemaksiatan dan ketaatan. Maksudnya, jika ada satu kebaikan atau satu kesalahan seberat biji sawi pun, Allah pasti akan menzahirkannya. Ertinya, seorang manusia yang telah ditakdirkan akan melakukan kebaikan atau kesalahan, maka ia akan melakukannya kerana dia tidak akan mampu mengelakkan diri darinya.

Luqman al-Hakim memberi nasihat kepada anaknya dengan memberi pengajaran bahawa Allah SWT Maha Mengetahui setiap apa yang diwujudkan di bumi walaupun pun sebesar zarah, apabila ia menzahirkannya, ia akan dihitung dan diberikan pembalasan. Ayat ini menegaskan bahawa dalam apa sahaja pekerjaan berharaplah kepada nilai dan penghargaan dari Allah SWT, bukan mengharapkan nilai dan penghargaan dari manusia.

5.5.5.1 Analisa ayat 16

Sayid Qutb (2000), Ibnu Kathir (2003), Mustafa al-Maraghi (1989), Al- Maududi (1982), Al-Qurtubi (2009) dan dalam tafsir al-Misbah (2003) menghuraikan bahawasanya Allah SWT akan memberi ganjaran dan balasan kepada manusia walaupun amalan tersebut hanya sebesar biji sawi dan kedudukannya diketahui oleh Allah SWT walaupun jauh tersembunyi.

Kesemua ahli tafsir dalam kajian ini mengakui bahawa Allah SWT adalah Maha Halus, Maha Pakar, Maha Mengetahui, Maha Lembut, Maha Waspada, Maha Luas dan Maha Teliti. Dengan sifat-sifat Allah yang Maha Agung inilah yang menegaskan keesaan Allah SWT serta melarang menyekutukanNya dengan yang lain. Ini bermakna bahawa kedua prinsip dasar aqidah ini telah mewakili kesemua kepercayaan yakni aqidah hanya sanya kepada Allah SWT.

Pendapat Hamka (1981) pula mengandungi sedikit penambahannya iaitu setiap amalan, usaha dan kebajikan walaupun sebesar biji sawi, nescaya Allah SWT akan mendatangkannya, sebab segalanya Dia yang empunya. Oleh itu Hamka menghuraikan di sini, jika berbuat baik janganlah semata-mata ingin hendak diketahui oleh manusia. Haraplah penghargaan itu daripada Allah SWT semata-mata.

Dalam Al-Khairi & Al-Latifi (2007), menjelaskan setiap amalan kebaikan yang dikorjakan oleh seorang mukmin akan dibalas sepuluh kali ganda, ini kerana bukan sahaja setakat berhasrat atau melakukan hasratnya, malah beliau mengeluarkan hasrat itu dalam bentuk amalan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am : 60.

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّكُمْ بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُمْ بِالنَّهَارِ إِنَّمَا يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَى أَجَلُّ مُسَيَّرٍ ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُبَيِّنُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Dan Dia lah yang menidurkan kamu pada waktu malam, dan mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari; kemudian ia bangunkan kamu (dari tidur) padanya, untuk disempurnakan ajal (masa umur kamu) yang telah ditetapkan. kemudian kepadaNyalah tempat kamu kembali, kemudian ia menyatakan kepada kamu apa yang kamu lakukan."

Ganjaran pahala ini dapat dilihat dalam hadis Rasulullah SAW, dari Abu Hurairah RA yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, "Jika seorang hamba berbicara untuk mengamalkan kebaikan maka Allah menulis baginya satu kebaikan."

Keyakinan inilah yang perlu diterapkan kepada semua pendidik bahawa setiap tenaga, masa, fikiran dan wang ringgit yang mereka curahkan untuk mendidik adalah dikira oleh Allah SWT walaupun adakalanya timbul ketidakpuasan hati terhadap tugas yang diberi.

Keikhlasan amat penting bagi semua pendidik. Keikhlasan yang ditunjukkan oleh guru merupakan pemangkin kearah menjana peningkatan kualiti pengajaran, dan pembelajaran di samping menjadi role model (contoh) kepada murid khususnya dan masyarakat amnya. Dalam profesi perguruan, ikhlas bermaksud seorang guru itu dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab tanpa mengharapkan pulangan material.

Universiti Utara Malaysia

Menurut Foo Say Fooi dalam Mohd. Sahandri Gani (2010), beliau menyarankan agar seseorang guru harus mengamalkan sikap ikhlas dalam menjalankan tugasnya, di mana guru menjalankan tugas semata-mata untuk mencapai matlamat organisasi dan bukan kerana pangkat, kedudukan atau mendapat perhatian orang lain. Guru perlu menyampaikan segala ilmu yang diperlukan oleh murid melalui usaha timbal balik. Guru harus menerima muridnya tanpa syarat dan melaksanakan tugasnya dengan hati yang suci tanpa mengharapkan sebarang ganjaran atau balasan daripada muridnya.

Menurut Harun Yahya (2004), amatlah penting bagi generasi hari ini untuk membina suatu generasi baru yang terdiri dari orang yang berfikir, memerintah, berbicara dan seiring dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Al-Quran menerangkan secara terperinci tentang ciri-ciri masyarakat Muslim tersebut, yang di dalamnya mereka yang beriman mengikuti jejak Rasulullah SAW dan berusaha untuk mendapat redha Allah. Beberapa ciri tersebut ialah:-

- i. Mereka hanya menyembah Allah saja.
- ii. Mereka bertawakal atau berserah diri kepada Allah .
- iii. Mereka menyedari bahawa diri mereka lemah di sisi Allah SWT.
- iv. Mereka takut kepada Allah, dan berusaha menghindari segala perbuatan yang membuatNya murka.
- v. Mereka bersyukur kepada Allah di atas segala keadaan.
- vi. Mereka pemaaf dan toleransi.
- vii. Mereka bersikap rendah hati.
- viii. Mereka penuh kasih dan penyayang.
- ix. Mereka beramar makruf dan nahi mungkar.
- x. Mereka memiliki semangat persatuan dan kekitaan.
- xi. Mereka selalu membela kebenaran dan keadilan, serta tidak mendukung yang bersalah.
- xii. Mereka menepati janjinya.
- xiii. Mereka meninggalkan perkara yang sia-sia.
- xiv. Mereka sabar dan penderitaan tidak membuat mereka lemah.
- xv. Mereka mempunyai sifat berani.
- xvi. Mereka taat kepada prinsip-prinsip Islam.

- xvii. Mereka tidak memaksa manusia untuk menerima pemikiran mereka, namun hanya menjelaskannya.
- xviii. Mereka tidak mengharapkan balasan atas usaha mereka menyeru manusia.
- xix. Mereka tidak takut untuk berkata benar.
- xx. Mereka menyenangi seni dan keindahan.
- xxi. Mereka menentang sikap keras kepala dan permusuhan.

Ketika sifat-sifat di atas menjadi dominan pada manusia, maka kerosakan moral, perperangan, kekejaman, kemiskinan, penipuan, bencana sosial, kesulitan dan permasalahan yang selama ini terjadi di seluruh dunia akan berganti dengan kedamaian, keamanan, keadilan, toleransi, persaudaraan serta tolong menolong, kerana nilai-nilai moral Al-Quran membawa keindahan dunia dan rohani bagi umat manusia. Secara umum, hidup dengan Al-Quran akan menciptakan penyelesaian abadi bagi seluruh permasalahan umat manusia

5.5.6 Tafsir ayat 17

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya menuaikan solat dan bersabar dalam mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada perkara mungkar. Firman Allah Taala :

يَبْرُئِ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا
أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمُورِ

Maksudnya: Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah manusia mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan oleh Allah SWT.

Menurut Sayyid Qutb (2000:528), inilah jalan aqidah yang tersusun iaitu mentauhidkan Allah, menyedari wujudnya pengawasan Allah SWT, meletakkan harapan pada balasan yang disediakan di sisi Allah, percaya kepada keadilan Allah dan takut kepada balasan Allah, kemudian berpindah pula kepada kegiatan berdakwah, iaitu menyeru manusia memperbaiki keadaan diri mereka, menyuruh mereka berbuat kebaikan dan melarang mereka berbuat kemungkaran.

Dan sebelum menghadapi perjuangan menentang kejahatan itu, seseorang harus berbekal dengan bekalan utama iaitu bekalan ibadat kepada Allah, bertawajuh kepada Allah dengan solat dan sabar menanggung kesulitan yang dialami oleh setiap pendakwah kepada agama Allah, iaitu kesulitan akibat dari kedegilan dan penyelewengan hati manusia, kesulitan akibat dari kelancangan lidah dan dari kejahatan tindak-tanduk manusia, juga kesulitan akibat dari kesukaran kewangan dan pengorbanan jiwa ketika diperlukan keadaan "sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman" Maksud dari 'azmil umur' ialah memotong jalan ragu-ragu (atau menghapuskan sikap teragak-agak) setelah ditetapkan azam dan dikuatkan tekad.


Menurut Ibnu Kathir (2003:258), ayat 17 Surah Luqman ini menyebut bahawa Luqman berkata kepada anaknya: "Hai anakku, dirikanlah solat dan laksanakannya tepat pada waktunya sesuai dengan ketentuan-ketentuannya, syarat-syaratnya dan

rukun-rukunnya, lakukanlah amar makruf nahi mungkar sekuat tenagamu dan bersabarlah atas gangguan dan rintangan yang engkau hadapi selagi engkau melaksanakan tugas amar makruf dn nahi mungkar itu".

Menurut Hamka (1981:163) ayat 17 Surah Luqman ini menerangkan, inilah model kehidupan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada ummatnya. Untuk memperkuat peribadi dan meneguhkan hubungan dengan Allah SWT, untuk memperdalamkan rasa syukur kepada Allah SWT atas nikmat dan perlindungan yang selalu kita terima, dirikanlah solat, dengan solat kita melatih lidah, hati dan seluruh anggota badan selalu ingat kepada Allah. Dapatlah kita rasakan sendiri betapa besar kesannya kepada jiwa kalau nama Allah selalu jadi sebutan; AllahuAkbar, Alhamdulillah, Subhanallah; dengan menundukkan badan ketika rukuk dengan mencecahkan kening ketika sujud, dengan berdiri tegak, kita akan mendapat kekuatan peribadi, lahir dan batin, moral dan mental. Apabila peribadi telah kuat kerana ibadat solat, lakukanlah tugas seterusnya, iaitu berani menyuruh perbuatan yang makruf dan berani menyatakan yang benar walaupun pahit. Sesudah itu hendaklah berani pula menegur perbuatan yang mungkar, yang tidak dapat diterima oleh masyarakat. Apabila berani menegur perbuatan yang salah, mencegah yang mungkar maka haruslah diketahui bahawa akan ada orang yang tidak suka ditegur. Justru itu hati mesti tabah, mesti sabar. Ayat "Sesungguhnya yang demikian itu ialah termasuk yang sepenting-penting pekerjaan". Yakinlah dengan pertolongan Allah SWT kalau kita ingin hendak jadi manusia yang berguna dalam pergaulan hidup di dunia ini. Solat penguat peribadi, amar makruf nahi mungkar dalam hubungan dengan masyarakat, dan sabar untuk mencapai apa yang dicita citakan. Kerana setiap bidang yang kita ceburi, kalau kita tidak sabar, kita akan tewas ditengah jalan. Itu

sebabnya maka dinyatakan bahawa pekerjaan ini sangat penting. Apa saja perancangan, sabar adalah kuncinya, yang tidak sabar akan gagal ditengah jalan.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5375), ayat 17 Surah Luqman ini menyebut, Luqman berkata kepada anaknya : "Hai anakku, dirikanlah solat", yakni kerjakaanlah solat dengan sempurna sesuai dengan cara yang direhui. Kerana di dalam solat itu mengandungi keredzaan Allah SWT, sebab orang yang mengerjakan solat bermakna ia menghadap dan tunduk kepada Allah. Dan di dalam solat juga mempunyai hikmat yang lain, iaitu dapat mencegah orang yang melakukan perbuatan keji dan mungkar. Maka apabila seseorang menunaikan tugas itu dengan sempurna, niscaya bersihlah jiwynya dari berserah diri kepada Rabbnya, baik dalam keadaan suka maupun duka, sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis:



"أَنْ تَعْبُدُ اللَّهَ كَانَكُ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكُ⁷"

Maksudnya: "Sembahlah Allah, seakan-akan kamu melihatnya, maka jika kamu melihatnya, sesungguhnya Dia melihatmu." (Hadis riwayat Muslim)

Sesudah Luqman memerintahkan kepada anaknya untuk menyempurnakan dirinya untuk memenuhi hak Allah yang dipertanggungjawabkan kepada dirinya, dia terus memerintahkan anaknya supaya menyempurnakan orang lain. Dan perintahkanlah orang lain supaya membersihkan dirinya, mengikut kemampuan. Maksudnya, supaya jiwynya menjadi bersih untuk memperolehi keuntungan, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanya ayat 9 dan 10 dalam Surah Asy-Syams:

⁷ Hadith riwayat Muslim , Bab Makrifatul iman wal Islam wal Qadr, no. hadith 2820, Juzuk 4, Hal 2172, Lihat kitab Muslim bin Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi an-Nisaburi,"Kitab Musnad As sahih al-Mukhtasar bi naqli al-Adl 'an Adl ila rasul sallallah hu alaihi wasallam", (Beirut: Dar Ihya' Turas al- Arabiy)

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

Maksudnya:" Sesungguhnya berjaya lah orang mensuci kan jiwanya, dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya."

Dalam ayat 17 Surah Luqman ini juga menyebut, dan cegahlah manusia dari semua perbuatan derhaka terhadap Allah, dan dari mengerjakan larangan-laranganNya yang membinasakan pelakunya, serta menjerumuskannya ke dalam azab neraka Jahannam. Dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu dari orang lain, kerana kamu membela jalan Allah, iaitu ketika kamu mengajak kepada perkara ma'ruf atau mencegah daripada kemungkaran. Sesungguhnya keadaan itu yang telah ku nasihatkan kepada mu, termasuk hal-hal yang telah diwajibkan oleh Allah SWT atas hamba Nya, tanpa ada pilihan lain. Kerana di dalam hal tersebut mempunyai faedah yang besar dan manfaat yang banyak, di dunia dan di akhirat, sebagaimana yang telah dibuktikan melalui pelbagai eksperimen dalam kehidupan dan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh nas-nas agama.

Menurut M.Quraish Shihab(2003:136-137), melalui ayat 17 Surah Luqman ini, Luqman melanjutkan nasihatnya kepada anaknya nasihat yang dapat menjamin penerusan Tauhid serta kehadiran Ilahi dalam jiwa anak-anak. Beliau berkata sambil tetap memanggilnya dengan panggilan mesra: Wahai anakku sayang, laksanakanlah solat dengan sempurna syarat, rukun dan sunnah-sunnahnya. Dan disamping engkau menjaga dirimu dan mempertahankannya dari kekejilan dan kemungkaran, ajaklah pula orang lain melakukan perkara yang sama. Kerana itu, perintahkanlah dengan cara yang baik siapa pun yang mampu engkau ajak mengerjakan yang makruf dan cegahlah mereka dari kemungkaran. Sememangnya engkau akan mengalami banyak cabaran dan rintangan dalam melaksanakan tuntutan Allah, kerana itu tabah dan

bersabarlah terhadap apa yang menimpamu dalam melaksanakan kepelbagaian tugasmu. Sesungguhnya yang demikian itu sangat tinggi kedudukannya dan jauh tingkatnya dalam kebaikan iaitu ibadat solat, amar makruf dan nahi mungkar dan melalui kesabaran termasuk perkara-perkara yang diperintahkan Allah SWT supaya diutamakan, sehingga tidak ada alasan untuk mengabaikannya. Nasihat Luqman yang berkaitan dengan amal-amal soleh seperti solat, serta amal-amal kebajikan yang mempunyai suruhan amar makruf dan nahi mungkar, juga nasihat supaya sabar dan tabah. Menyuruh mengerjakan makruf, mempunyai nasihat untuk mengerjakannya, kerana tidaklah sepatutnya menyuruh orang lain sebelum diri sendiri mengerjakannya. Begitu juga melarang kemungkaran, adalah dituntut orang yang melarang terlebih dahulu mencegah dirinya dari melakukan kemungkaran. Itu agaknya yang menjadi sebab mengapa Luqman tidak memerintahkan anaknya melaksanakan makruf dan menjauhi mungkar, tetapi memerintahkan, menyuruh dan mencegah. Selain itu, ia juga dapat melahirkan jiwa kepemimpinan serta keprihatinan sosial.

Universiti Utara Malaysia

Menurut Maududi (1982:19), Di dalam ayat ini terdapat kiasan secara tidak langsung bahawa sesiapa yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kejahatan tidak dapat tidak akan menghadapi dan melalui penderitaan dan kesusahan di dunia ini. Maksud yang lain ialah: "Inilah perkara yang memerlukan semangat dan keazaman. Untuk mengubah masyarakat dan menghadapi kesusahan bukanlah perkerjaan orang yang sompong dan pengecut."

Menurut Al-Qurtubi (2009:163), Firman Allah SWT yang bermaksud, "Hai anakku. dirikanlah solat." Luqman berwasiat kepada anaknya dengan ketaatan-

ketaatan yang paling besar, iaitu solat, menyuruh kepada yang makruf dan melarang dari yang mungkar. Ayat ini memberi maksud bahawa sebelum mengajak orang supaya solat dan mengerjakan amar makruf dan nahi mungkar, sudah semestinya orang yang mengajak itu telah melaksanakannya dan paling awal menjauhi perkara yang mungkar.

Firman Allah SWT dalam ayat 17 Surah Luqman,yang bermaksud, "Dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa anda," ayat ini mengandungi arahan untuk mencegah kemungkaran walaupun anda mungkin mendapat kemudharatan. Ini menandakan bahawa orang yang ingin mengubah orang lain kadang-kadang akan dizalimi . Ini semua hanya sebatas kemampuan yang ada pada anda dan kekuatan yang sebenar hanya milik Allah SWT.

Ada yang berpendapat bahawa dia memerintahkan anaknya untuk bersabar atas segala kesusahan dunia seperti penyakit dan sebagainya serta sentiasa takut melakukan maksiat terhadap Allah SWT. Luqman al-Hakim menasihatkan anaknya supaya menunaikan solat dengan sempurna kerana ia adalah ibadah yang paling utama, kemudian menganjurkan pula perintah mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.

Ibadah Solat dan Amar Makruf Nahi Mungkar adalah dua ibadah yang berat dan sukar, ujian dan cabaran (mehnah) akan datang menimpa sekiranya mereka ikhlas melakukan ibadah-ibadah tersebut kerana Allah SWT. Sekiranya mereka bersabar menghadapi ujian tersebut, maka ganjaran yang besar akan menanti begitu juga mereka akan mendapat sebenar-benarnya kasih sayang Allah SWT.

5.5.6.1 Analisa ayat 17

Ulama-ulama tafsir yang terdapat dalam kajian ini semuanya bersepakat mengakui dan menyetujui bahawa aqidah ini adalah aqidah yang tersusun, perintah solat diutamakan kerana ia menjadi bekalan kepada tugas-tugas dakwah. Solat dan sabar adalah bekalan para pendakwah. Solat merupakan puncak kepada amal-amal soleh manakala sabar dan tabah menjadi perisai yang membentengi dari segala kegagalan. Mustafa al-Maraghi (1989), menyatakan bahawa dalam solat itu ada redza Allah SWT jika solat itu dilakukan dengan sempurna.

Seterusnya ulama-ulama tafsir ini menyatakan bahawa perlu mengajak melakukan amar makruf nahi mungkar dengan sekuat tenaga. Secara fitrahnya orang yang mengajak kepada yang makruf dan merubah manusia ini seringkali berhadapan dengan kesulitan-kesulitan dan kesusahan-kesusahan kerana teguran itu tidak dapat diterima oleh masyarakat. Oleh itu ulama-ulama tafsir menyetujui dan mengakui bahawa perlunya kesabaran dan ketabahan kerana kesabaran adalah kunci kejayaan. Oleh itu ditegaskan di sini, solat, Amar Makruf dan Nahi Mungkar adalah dua ibadah yang berat dan sukar. Jika ia dilakukan dengan ikhlas kerana Allah maka ujian akan datang, jika mereka bersabar, maka ganjaran besar menanti mereka.

A-Khairi & Al-Latifi (2007), menyatakan ini adalah perintah Allah SWT. kepada para RasulNya dan wasiatNya terhadap ahli-ahli hikmah dan orang-orang pilihannya. Sebagaimana dalam Firman Allah SWT dalam Surah Taha: 132 dan Surah Al-Muzammil: Ayat 10:-

وَأَمْرٌ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا تَسْعُلَكَ رِزْقًا خَنْ نَرْزُقُكَ

وَالْعِقْبَةُ لِلشَّفَوْىٰ


Maksudnya: "Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah Engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu, dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa." (surah Taha:132)

وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَآهْجُرْهُمْ هَجْرًا حَمِيلًا

Maksudnya: "Dan bersabarlah terhadap apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu), dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik."

(Surah Al-Muzammil: 10)

Maka sewajarnyalah seorang da'i (pendakwah) yang menyeru kepada Allah berakhhlak dengan akhlak sabar ini dan menanggung apa yang ditemuinya di jalan dakwah sehingga Allah SWT memberikan pertolongan yang telah ditetapkanNya terhadap para musuh separtimana dalam Firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum: ayat 60.



فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ ۝ وَلَا يَسْتَخْفَنَكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ

Maksudnya: "Oleh itu, Bersabarlah (Wahai Muhammad), sesungguhnya janji Allah itu benar; dan janganlah orang-orang yang tidak meyakini apa yang engkau sampaikan itu menjadikan engkau resah gelisah." (Surah Ar-Rum: ayat 60.)


Terdapat beberapa lagi ayat yang menerangkan sesiapa yang tergesa-gesa untuk memperoleh natijah ia akan rugi dan menyesal dan sia-sialah usahanya selama ini, perkara ini jelas dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahqaf: 35 dan Al-Maarij: ayat 5-7.

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُوا الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعِجِلْهُمْ كَانُوكُمْ
يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبُسُوا إِلَّا سَاعَةً مِنْ تَهَارٍ بَلَغُ فَهُنَّ
يُهَلَّكُ إِلَّا الْقَوْمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: " (jika demikian akibat orang-orang kafir Yang menentangmu Wahai Muhammad) maka bersabarlah Engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul "Ulil-Azmi" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu); dan janganlah Engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab Yang dijanjikan kepada mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. (Penerangan yang demikian) cukuplah menjadi pelajaran (bagi orang-orang yang mahu insaf). Maka (ingatlah) tidak dibinasakan melainkan kaum yang fasiq-derhaka." (Surah Al-Ahqaf: 35)

فَاصْبِرْ صَبِرًا جَمِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّمَا يَرُونَهُ بَعِيدًا ﴿٥﴾ وَنَرَاهُ قَرِيبًا ﴿٦﴾

Maksudnya: "Maka bersabarlah (Wahai Muhammad terhadap ejekan golongan yang kafir itu), Dengan cara kesabaran yang sebaik-baiknya. Sebenarnya mereka memandang azab itu jauh (daripada berlaku), sedang Kami memandangnya dekat, (tetap akan berlaku)" (Surah Al-Maarij; 5-7.)



Solat adalah kewajipan dari Allah SWT kepada setiap orang mukmin, sebab Allah memerintahkannya dalam banyak sekali firmanya, Surah An-Nisa: 103, S. Al-Baqarah: ayat 238,

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ
فَإِذَا أَطْمَأْنَتُمْ فَاقِمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ
كِبَارًا مَوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya. " (Surah An-Nisa: 103)

حَفِظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَىٰ وَقُومًا لِّهُ قَبْتَنَ

Maksudnya: "Peliharalah solat kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) Segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) Dengan taat dan khusyuk." (Surah Al-Baqarah: 238)

Rasulullah SAW menjadikan solat sebagai perkara kedua di antara lima perkara.

Baginda bersabda:

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرَوْ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ :
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : بَيْتُ الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةُ أَنْ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحُجَّ الْبَيْتِ
وَصَوْمُ مَرْضَانَ.⁸ (رواه الترمذى ومسلم)

Maksudnya: "Islam dibina di atas lima perkara; kesaksian bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah kecuali Allah dan bahwa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, membayar zakat, menunaikan haji ke Baitullah dan puasa di bulan Ramadhan." (Riwayat At-Tarmizi dan Muslim)


Abu Bakr Al-Jabir (2008), menyatakan orang yang meninggalkan solat harus dibunuh berdasarkan hukum syarak dan orang yang meremehkannya adalah fasik. Solat itu membersihkan jiwa, menyucikan dan menjadikan seseorang hamba untuk munajat kepada Allah SWT di dunia dan mendekatkan diri denganNya di akhirat, serta melarang pelakunya dari mengerjakan perbuatan keji dan kemungkaran sebagaimana firmanNya:

⁸ Hadis riwayat Muslim, Bab Qaulin Nabi Sallahu alaihi wasallam, no hadis 16, Juzuk 1, Hal.8, Lihat kitab Muslim bin Al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi an-Nisaburi, "Kitab Musnad as-Sahih al-Mukhtasar bi naqli al-Adl ila rasul sallallah hu alaihi wasallam", (Beirut : Dar ihya' turas al-Arabiyy)

أَتَلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ
تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ

Maksudnya: "Bacalah serta Ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." (Surah al-Ankabut :ayat 45)

Abu Bakar Jabir (2008) menyatakan lagi bahawa sabar ialah menahan diri terhadap apa yang dibencinya, atau menahan sesuatu yang dibencinya dengan redha dan rela. Manakala ayat-ayat mengenai sabar pula ialah seperti firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 200, An-Nahl: ayat 127, Surah Al-Kahfi: ayat 28 dan Surah al-Baqarah: 4.



Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebaikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan)." (Surah Ali Imran ayat 200).

Allah SWT juga menyarankan bersikap sabar dengan orang yang degil dalam firmanNya :

وَاصْبِرْ وَمَا صَبَرْكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَخْزُنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَلْكُ فِي ضَيْقٍ مَّا
يَمْكُرُونَ

Maksudnya: "Dan bersabarlah (Wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan." (An-Nahl: ayat 127)

Allah SWT juga telah menyebut bersabar dalam ibadat akan keredhaannya sebagaimana firmanya:

وَاصْبِرْ تَفْسِكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدَوَةِ وَالْعَشِيَّ يُرِيدُونَ
وَجْهَهُمْ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِيَّةَ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ
أَغْفَلْنَا قُلْبَهُ عَنْ ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَنَهُ وَكَارَ أَمْرُهُ فُرْطًا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran." (Surah Al-Kahfi: ayat 28)

Mohd. Khairul Nizam (2012), menjelaskan bahawa Al-Quran menyebut perkataan sabar sekurang-kurangnya 103 kali. Manakala dalam hadis nabi SAW pula menjelaskan perihal sabar dengan begitu banyak. Sebagai contoh al-Nawawi menukilkan sebanyak 29 buah hadis bertemakan sabar, kerana dengan sabar manusia memiliki kemampuan bertahan dalam berhadapan dengan cabaran hidup.

Kisah keluarga Yasir sangat bersabar dalam mempertahankan aqidah mereka. Semasa keluarga itu diuji hebat dengan penderaan daripada Arab Jahiliah, Rasulullah SAW berpesan dengan kata-kata motivasi yang masyhur yang direkod para sejarawan

Islam "Sabar wahai keluarga Yásir. Sesungguhnya janji Allah kepada kamu adalah syurga." Lantas didiklah diri kita supaya bersabar menghadapi segala cabaran.

Abdul Aziz Fathi (2007), menyatakan sabar menghadapi musibah merupakan adab yang sangat agung. Maka dari itu, hendaklah seorang Mukmin bersabar di atas musibah yang menimpa dirinya. Di antara bentuk kesabaran tersebut ialah menahan hati dari kemarahan, menahan lisan dari keluhan, dan menahan anggota badan dari perbuatan yang mengundang kemarahan Allah SWT. Seperti menampar pipi, mengoyak-ngoyak pakaian, mencakar wajah, mencabut rambut, meratap seperti ratapan kaum jahiliyyah.

Khumais As-Sa'íd (2005:74), juga menegaskan bahawa kesabaran merupakan bekal utama dalam peperangan yang sangat berat, iaitu peperangan di medan dakwah kerana Allah dan peperangan yang bercampur dengan syahwat jiwa serta hawa nafsu. Serta peperangan melawan musuh-musuh dakwah yang dipimpin oleh syaitan-syaitan syahwat dengan dibantu oleh syaitan-syaitan hawa nafsu. Itulah peperangan yang berpanjangan lagi dahsyat yang tidak ada bekal untuk menghadapinya kecuali kesabaran dengan mengharapkan Allah dan menghadapkan diri kepadaNya dengan penuh pengharapan akan pahalaNya semata-mata.

Abu Bakar Jabir Al-Jazairi (2000), mengatakan bahawa di antara akhlak baik orang Muslim ialah sabar. Sabar ialah menahan diri terhadap apa yang dibencinya, atau menahan sesuatu yang dibencinya dengan redza dan rela. Sabar dan tidak sabar adalah akhlak yang didapatkan dengan pelatihan dan mujahadah (usaha maksimal).

Mohd. Sahandri Gani Hamzah (2010:42), mengatakan bahawa guru harus mempunyai sifat sabar dan tabah dalam mendidik anak muridnya untuk menjadi seorang insan yang cemerlang. Hal ini kerana ia seumpama mendidik murid yang tidak boleh membaca sehingga menjadi murid yang boleh membaca. Oleh itu, guru harus mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi masalah dengan masyarakat, persekitaran, peribadi dan lain-lain. Akan tetapi menurut beliau lagi, guru yang kurang sabar akan sering memarahi muridnya. Jika guru cepat putus asa, dia akan mengambil sikap "biarlah, dia bukan anak saya". Jika guru cepat mengaku kalah, cepat berserah kepada nasib, bilangan murid yang bermasalah akan semakin bertambah. Ini jelas menunjukkan sikap sabar, tabah dan rela berkorban yang perlu ada dalam diri guru amat penting dalam menghasilkan seorang guru yang "mendidik" anak bangsanya.



Begitulah contoh-contoh kesabaran yang perlu dimiliki oleh seseorang pendidik yang mahu bergelar pendidik contoh yang disegani dan dihormati oleh semua makhluk di bumi dan di kasihi oleh semua makhluk di langit.

5.5.7 Tafsir ayat 18

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya supaya tidak bersikap sombang dan membangga diri. Firman Allah Taala :

وَلَا تُصْعِرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرْحَّاً إِنَّ اللَّهَ لَا
سُبْحَانَ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu dari manusia (kerana sombang) dan janganlah

engkau berjalan di mukabumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong lagi membanggakan diri." (Surah Luqman:18)

Menurut Sayyid Qutb (2000:529-530) , ayat 18 surah Luqman ini menyatakan bahawa kata-kata "as-Sa'ir" bererti sejenis penyakit unta yang menyebabkan lehernya menjadi teleng. Uslub al-Quran telah memilih kata-kata ini untuk menghindarkan manusia dari teleng angkuh yang serupa dengan teleng penyakit unta, iaitu gerak-geri sompong dan tidak menghiraukan manusia, lagak memaling muka menunjukkan kesombongan. Berjalan di bumi dengan lagak yang sompong ialah berjalan dengan gaya takbur dan tidak mempedulikan manusia, iaitu satu lagak yang dibencikan Allah dan dimarahkan manusia. Gerak-geri dan lagak yang seperti ini adalah membayangkan seseorang itu ditimpa penyakit takbur "Sesungguhnya Allah tidak suka sekalian orang yang sompong dan membangga-banggakan diri."

Menurut Ibnu Kathir (2003:258-259), ayat 18 surah Luqman ini menyebut bahawa , dan janganlah engkau memalingkan mukamu dari manusia kerana sompong dan memandang rendah orang yang berada di depanmu dan janganlah engkau berjalan di muka bumi Allah dengan angkuh, kerana Allah sekali-kali tidak menyukai orang yang sompong dan membanggakan diri.

Menurut Hamka (1981:165) ayat 18 surah Luqman ini menyebut, "Dan janganlah engkau palingkan muka engkau dari manusia". Ini adalah termasuk budi pekerti, sopan santun dan akhlak yang tertinggi. Iaitu kalau sedang bercakap berhadapan dengan seseorang, hadapkanlah muka kepadanya. Menghadapkan muka adalah tanda menghadapkan hati. Dengarkanlah percakapannya, semaklah baik-baik. Kalau bercakap dengan seseorang, padahal muka dihadapkan ke bahangan lain,

akan tersinggunglah perasaannya. Merasakan dirinya tidak dihargai, dan perkataannya tidak sempurna didengari. Ibnu Abbas menjelaskan tafsir ayat ini: "Jangan takabbur dan memandang hina hamba Allah, dan jangan engkau palingkan muka engkau ke tempat lain ketika bercakap dengan dia". "Dan janganlah berjalan dimuka bumi dengan bongkak. Sesungguhnya Allah tidak menyukai tiap-tiap yang sompong membanggakan diri". Bongkak, sompong, takabbur, membanggakan diri semuanya itu menurut penyelidikan ilmu jiwa, munculnya ialah dari sebab ada perasaan bahawa diri itu sebenarnya kurang berharga, Diangkat-angkat ke atas, ditonjol-tonjolkan, kerana di dalam lubuk jiwa terasa bahawa diri itu memang rendah atau tidak kelihatan. Dia hendak meminta perhatian orang lain sebab merasa dia tidak diperhatikan. Dikaji dari segi iman, nyatalah bahawa iman orang itu masih cacat.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5376-5377), Janganlah kamu memalingkan mukamu terhadap orang yang kamu berbicara dengannya, kerana sompong dan meremehkannya. Akan tetapi hadapilah dia dengan muka yang berseri-seri dan gembira, tanpa rasa sompong dan tinggi diri. Perkara lain yang mempunyai maksud yang sama dengan ayat ini ialah sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Malik melalui Ibnu Syihab bersumberkan dari Anas bin Malik, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda :

"عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَخَاطِسُوا ثَحَاسِدُوا وَلَا تَذَانِرُوا وَلَا يَكُونُوا عِبَادُ اللَّهِ إِخْرَانًا وَلَا يَجِدُ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ تَلَاثٍ"⁹

Maksudnya : "Janganlah kalian saling membenci, jangan pula kalian saling bermusuhan, dan janganlah pula kalian saling mendengki; jadilah kalian hamba-

⁹ Hadis riwayat Muslim, Bab An-Nahi 'an tahaṣṣud waṭ tabaqḥudh waṭ tadabur, Juzuk 4, Hal.1983, Lihat kitab Muslim bin Al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi an-Nisaburi, "Kitab Musnad as-Sahih al-Mukhtasar bi naqlī al-Adl 'an Adl ila rasul sallallah ḥu alaihi wasallam", (Beirut : Dar ihya' turas al-Arabiyy)

hamba Allah yang bersaudara. Dan tidak halal bagi seorang muslim mengasingkan (tidak berbicara dengan) saudaranya lebih dari tiga (hari)." (Riwayat Bukhari dan Muslim) Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh dan menyombongkan diri, kerana sesungguhnya hal itu adalah cara jalan orang-orang yang sompong, iaitu mereka yang gemar melakukan kekejaman di muka bumi, dan suka berbuat zalim terhadap orang lain. Akan tetapi, berjalanlah dengan sikap yang sederhana, kerana sesungguhnya cara jalan yang demikian mencerminkan rasa rendah diri, sehingga pelakunya akan sampai kepada semua kebaikan.

Menurut M.Quraish Shihab (2003:138-139), nasihat Luqman kali ini berkaitan dengan akhlak dan sopan santun berinteraksi dengan sesama manusia. Matapelajaran akidah, beliau irangi dengan matapelajaran akhlak, bukan saja agar peserta didik tidak jemu dengan satu matapelajaran, tetapi juga untuk mengisyaratkan bahawa ajaran akidah dan akhlak merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Beliau menasihati anaknya dengan berkata: "Dan wahai anakku, disamping butir-butir nasihat, janganlah juga kamu memalingkan pipimu dengan siapa pun, dengan sebab didorong oleh penghinaan dan kesombongan. Tetapi tampililah kepada setiap orang dengan wajah berseri penuh rendah hati. Dan bila kamu melangkah, janganlah berjalan di muka bumi dengan angkuh, tetapi berjalanlah dengan lemah lembut penuh wibawa. Sesungguhnya Allah tidak menyukai yakni tidak melimpahkan anugerah kasih sayangNya kepada orang-orang yang sompong lagi membanggakan diri."

Menurut al-Maududi (1982:19), *Tusa'ir* asalnya dari *sa'ar*, suatu penyakit pada leher unta yang menyebabkan unta tersebut tidak boleh memalingkan kepalanya. Pepatah tersebut membawa maksud sikap seseorang yang menunjukkan kesombongan dan

megah diri, memalingkan mukanya daripada orang dan melayan orang dengan sedikit rasa hormat.

Mukhtal dalam kata asalnya bermaksud seseorang yang merasa dirinya hebat dan *fakhur* adalah orang yang sentiasa mengangkat dirinya di hadapan orang lain. Seseorang menjadi angkuh dan sompong dan bermegah dalam gaya jalannya ketika dirinya penuh dengan kebanggaan, dan mahukan orang lain merasai kehebatannya. Menurut Al-Qurtubi (2009:164-165), dalam hadis Ibnu Atsir yang bermaksud, "Akan datang suatu masa pada manusia, di mana tidak ada pada mereka kecuali dia memalingkan wajah atau bersikap sompong." Maksud beliau adalah orang-orang hina yang tidak ada agama bagi mereka. Dalam hadis lain disebutkan yang bermaksud, "Setiap orang yang memalingkan wajah (kerana sompong) adalah orang yang terlaknat." Ada yang berpendapat bahawa maknanya adalah; kamu memalingkan pipimu apabila seseorang disebutkan di sisimu, seakan-akan kamu menghinakannya. Maka makna ayat tersebut adalah, menghadaplah kepada mereka dengan tawadhu', akrab dan penuh keakraban. Apabila orang yang paling kecil di antara mereka berbicara denganmu maka dengarkanlah dengan baik hingga dia selesai bicara. Seperti inilah yang biasa dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan janganlah kamu berjalan di mukabumi dengan angkuh." Perkataan *marohan* bererti angkuh dan sompong. Ertinya, semangat dan berjalan dengan bangga, bukan kerana ada pekerjaan dan bukan kerana ada keperluan. Orang yang bersikap seperti ini, biasanya memiliki sifat sompong dan angkuh. Sedangkan perkataan *al-Marih* adalah orang yang sompong dalam cara berjalannya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Barangsiapa yang

mengulurkan bajunya kerana sombong, nescaya Allah tidak akan memandangnya pada Hari Kiamat."

Luqman al-Hakim menasihatkan anaknya dengan memberikan bimbingan supaya tidak memalingkan muka apabila bercakap dengan seseorang dengan tujuan menghina dan menyombongkan diri. Seterusnya beliau menyambung nasihatnya supaya tidak berjalan dengan angkuh kerana Allah SWT tidak menyukai kedua sifat itu. Sebaik-baiknya hadaplah wajah kepada seseorang itu dengan penuh tawadhu', kerana sifat itu di kasihi oleh Allah SWT.

5.5.7.1 Analisa ayat 18

Sesungguhnya sikap sombong ketika berjalan dan membanggakan diri termasuk perkara yang dimurkai Allah SWT. Allah berfirman dalam Surah Al-Isra': ayat 37 yang bermaksud:

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرْحَّاً إِنَّكَ لَنْ تَخْرُقَ الْأَرْضَ وَلَكَ تَبْلُغُ الْجِبَالَ
طُولاً

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung."

Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW bersifat tawadhu', ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah As-Syu'ara: 215, Surah Al-Qasas: 83

وَأَخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ


Maksudnya: "Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman." (Surah As-Syu'ara: 215)

Allah SWT menyebut lagi tentang orang yang akan mendapat balasan syurga bagi mereka yang ikhlas beribadah kepada Allah bukan untuk menjadi orang yang berpengaruh atau mendapat kelebihan.

ٌتِلْكَ الْأَدَارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا
فَسَادًا وَالْعِنْقَةُ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: "Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa." (Surah Al-Qasas: 83)

Manakala hadis-hadis nabi SAW juga banyak melarang kita dari berlaku sompong, sabdanya :



قال النبي محمد: "لن أذهب إلى السماء، الذي هو في قلبه من قال ذرة من كبر." ثم قال أحدهم: "ماذا عن شخص يحب ارتداء الملابس الجميلة والنعل؟" ثم قال النبي: إن الله هو الكمال في الجمال والحب من الجمال (فخر هذا هو، والملابس الجميلة لا يعني دائمًا الكبر (الغطرسة) التي تم رفضها البر ونظرت إلى أسفل على الرسائل غير المرغوب فيها من قبل الآخرين". - (رواه مسلم)

Nabi Muhammad SAW telah bersabda: Tidak akan masuk syurga, siapa yang di dalam hatinya terdapat seberat zarah kesombongan " Maka seseorang berkata: "Bagaimana dengan seseorang yang suka memakai baju dan selipar yang cantik?" Maka berkata Rasulullah: Sesungguhnya Allah itu maha indah dan cinta pada keindahan (maksudnya, pakaian indah tidak selalu bererti kesombongan) . Alkibr (kesombongan) itu adalah menolak kebenaran dan memandang rendah remeh orang lain." – (Hadis riwayat Muslim

Rasulullah SAW menyatakan akibat bersikap sompong dengan sabdanya:

لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ قَلِيلٌ مِّثْلُ حَبَّةِ خَرْدَلٍ مِّنْ كَبْرٍ (رواه ومسلم، وأبو داود، الترمذى وابن ماجه وأحمد)

Maksudnya : Tidak akan masuk syurga orang yang hatinya terdapat seberat biji sawi dari sikap sompong. (Hadis riwayat Muslim, Abu Daud, At-Tarmizi, Ibnu Majah dan Ahmad)

Rasulullah SAW bersabda lagi:

الناس الذين هم متغترفون غدا في يوم القيمة وسيتم جمع مثل النمل قليلا في شكل الإنسان، وأنها تأتي مع ازدراء من العديد من أماكن مختلفة، غارقون أنهم من عرق أهل النار في شكل القبح والدم من الناس من الجحيم. (رواه أحمد و الترمذى)

"Pada hari kiamat, orang-orang yang sompong dikumpulkan seperti semut kecil dalam bentuk Dajjal yang diliputi kehinaan dari semua tempat. Mereka dibawa ke penjara di Jahannam yang bernama Bulas, api mengepung mereka, dan mereka diberi minum dari usharah (cairan yang keluar dari nanah dan darah) penghuni neraka." (Riwayat Ahmad dan At-Tarmizi)

Anis Matta (2009:189) menjelaskan bahawa orang-orang yang angkuh, bukan saja tidak disenangi oleh masyarakat, tetapi juga dibenci oleh Allah SWT. Kerana kata Rasulullah SAW. "Kengkuhan adalah sifat Allah yang tidak boleh dimiliki seorang hamba, dan barangsiapa yang dalam dirinya ada sekecil-kecil keangkuhan, nescaya ia tidak akan masuk syurga." (Hadis riwayat Muslim).


Abdul Aziz Fathi (2007) menjelaskan bahawa *Mukhtaal* adalah orang yang membanggakan dan takjub terhadap diri sendiri, sedangkan *sakhuur* adalah orang yang sompong terhadap orang lain. Rasulullah SAW juga bersabda :

أَنَّهَا لَيْسَ تَمْجِيدَ نَفْسِهِ وَتَفْخُرُ عِنْدَ تَشْغِيلٍ، مَا لَمْ تَجِدْ اللَّهَ فِي الْغَضْبِ لَهُ

"Tidaklah seseorang mengagungkan dirinya sendiri dan membanggakan diri saat berjalan, melainkan ia menemui

Allah dalam keadaan Allah marah kepadanya." (Riwayat Ahmad dan Al-Bukhari)

Menurut Muhammad Al-Ghazali (1998), Al-Quranul Karim sebagaimana ia membersihkan aqidah daripada segala kekotoran syirik, ia juga memelihara perilaku manusia dengan menjadikan tauhid sebagai pati dan matlamatnya. Perilaku tidak akan menjadi betul apabila batinnya sakit. Al-Quranul Karim mendasarkan kebaikan perbaikan batin dengan sinaran tauhid. Apabila sempurna sinarannya baiklah zahirnya dan lurus lah jalan hidupnya. Kita perhatikan seorang mukmin itu segera menunaikan apa yang disukai Allah dan amat segera untuk meninggalkan apa yang dibenci Allah. Allah Taala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 195:-



Maksudnya: "Dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

Peraturan saf dalam sembahyang yang lima dan peperangan, diwajibkan keatas orang Islam supaya bergerak dengan roh jamaah keseluruhannya, iaitu dengan saling membantu untuk meninggikan agama Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah As-Saf, ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الظَّرِيفَ يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوكُمْ بُنِينٌ مَّرْصُوصٌ .


Maksudnya: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh"

Sesungguhnya Allah SWT membenci kepada orang yang suka menunjuk-nunjuk, suka kepada populariti, merasa hairan kepada diri sendiri dan meninggikan diri. Menurut pemerhatian pengkaji, penyakit-penyakit ini membunuh mangsanya kecil dan besar, membangkitkan hipokrit sosial dan membangunkan berbagai tradisi dan undang-undang.

Sifat tawadhu'amat dituntut dari diri seorang Muslim dalam setiap waktu, tempat dan keadaannya. Begitulah juga seperti yang dituntut ke atas setiap pendidik.

5.5.8 Tafsir ayat 19

Ayat ini menjelaskan tentang nasihat Luqman terhadap anaknya supaya bersederhana ketika berjalan dan merendahkan suara apabila bercakap. Firman Allah Taala :



Maksudnya: "Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkanlah suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."

Menurut Sayyid Qutb (2000:530), ayat 19 surah Luqman ini menyatakan bahawa maksud sederhana di sini ialah gaya berjalan yang hemat, jimat dan tidak melampau, tidak membuang tenaga menunjuk-nunjukkan lagak dan lenggang-lenggoknya yang sompong, juga gaya berjalan yang mempunyai matlamat kerana perjalanan yang mempunyai tujuan dan matlamat itu terus menuju tempat tujuannya dengan mudah dan lancar. Merendahkan suara ketika bercakap membayangkan adab sopan dan kepercayaan kepada diri sendiri dan keyakinan kepada kebenaran dan kekuatan apa yang diucapkannya. Hanya orang-orang yang biadap sahaja yang bercakap dengan

suara yang keras dan bahasa yang kesat atau orang-orang yang ragu-ragu terhadap nilai perkataannya atau terhadap nilai dirinya sendiri lalu dia berusaha melindungi keraguannya itu disebalik kata-katanya yang tajam, kasar dan keras.

Uslub (cara) al-Quran membidas perbuatan-perbuatan seperti itu dan menggambarkaninya dengan gambaran yang hina dan buruk apabila ia mengulas: "Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai" dengan ini terlukislah satu pemandangan yang lucu dan menjijikkan serta menimbulkan perasaan benci dan memandang keji. Tidak mungkin bagi seseorang yang mempunyai hati yang memahami gambaran yang lucu di sebalik pengungkapan yang indah ini kemudian ia cuba meniru uslub yang baru.

Menurut Ibnu Kathir (2003:259-260), ayat 19 surah Luqman ini menyebut: "dan hendaklah engkau berlaku sederhana kalau berjalan, jangan terlampaui cepat dan terburu-buru dan jangan pula terlampaui lambat berma'as-malasan, demikian pula bila engkau berbicara lunaklah suaramu dan janganlah berteriak-teriak tanpa ada perlunya, kerana seburuk-buruknya suara adalah suara keldai". Tentang sifat sompong yang tercela itu berfirmanlah Allah dalam Surah al-Isra' ayat 37 yang bermaksud: "dan janganlah engkau berjalan di muka bumi ini dengan sompong, kerana sesungguhnya engkau sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali engkau tidak dapat sampai setinggi gunung."

Menurut Hamka (1981:166) ayat 19 surah Luqman ini menyebut bahawa, "Dan bersederhanalah ketika berjalan". Jangan cepat dan terlalu laju , nanti cepat penat dan letih . Jangan terlalu lambat , sebab itu membawa malas dan membuang masa di

Menurut Hamka (1981:166) ayat 19 surah Luqman ini menyebut bahawa, "Dan bersederhanalah ketika berjalan". Jangan cepat dan terlalu laju , nanti cepat penat dan letih . Jangan terlalu lambat , sebab itu membawa malas dan membuang masa di dalam perjalanan; bersikaplah sederhana. "Dan lunakkanlah suara". Jangan bersuara keras tidak sepadan dengan yang hadir. Apatah lagi jika bergaul dengan orang ramai di tempat umum.

Orang yang tidak tahu sopan santun lupa bahawa di tempat itu bukanlah dia berdua dengan temannya itu sahaja yang duduk. Kemudian dia bersuara kuat-kuat. "Sesungguhnya yang seburuk-buruk suara, ialah suara keldai." Dari ayat 2 Surah Al-Hujurat juga ada menyebut bahawa Allah memerintahkan orang yang beriman supaya bercakap pun dengan beradab juga.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا
لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرٍ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَخْبِطْ أَعْمَالَكُمْ وَأَنْتُمْ لَا
تَشْعُرُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyadarinya." (Surah Al-Hujurat: ayat 2)

Di hadapan Nabi SAW tidak boleh mengangkat suara yang tinggi sehingga melebihi tinggi suara Nabi dan dalam pergaulan umum disuruh mengendalikan diri dalam mengeluarkan sesuatu hajat. Ayat ini pun memberi pengajaran kepada kita agar

bersikap halus, bersuara lembut, sehingga bunyi suara itu pun menarik orang untuk memperhatikan apa yang dikatakan.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1989:5377-5378) ayat 19 surah Luqman ini menyatakan bahawa : dan berjalanlah dengan langkah yang sederhana, yakni tidak terlalu lambat dan juga tidak terlalu cepat, akan tetapi berjalanlah dengan sepatutnya tanpa dibuat-buat dan juga tanpa menonjolkan sikap rendah diri atau sikap tawadhu'. Dan kurangilah tingkat ketinggian suaramu, dan perpendekkanlah cara percakapan mu; janganlah kamu mengangkat suaramu bilamana tidak diperlukan lagi. Kerana sesungguhnya sikap yang demikian itu lebih berwibawa bagi yang melakukannya, dan lebih mudah diterima oleh jiwa pendengarnya serta lebih mudah untuk difahami.

Sesungguhnya suara yang paling buruk adalah suara keldai kerana ia bersuara dengan nada yang tinggi dan kuat tanpa sebab munasabah. Dengan kata lain, bahawa orang yang meninggikankan suaranya akan menjadikan suaranya sama seperti suara keldai. Dalam perkara ini, ketinggian nada dan kekerasan suara, dan suara yang seperti itu sangat dibenci oleh Allah SWT. Di dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa ada nada ancaman dan kecaman terhadap orang yang mengeraskan suaranya, serta kita dianjurkan untuk membenci perbuatan tersebut.

Di dalam ayat ini, iaitu menjadikan orang yang mengeraskan suaranya disamakan dengan suara keldai, mengandungi maksud mubalaghah untuk menunjukkan akibat dari perbuatan tersebut. Hal ini merupakan pendidikan dari Allah buat hamba-hambanya supaya mereka tidak mengeraskan suaranya di hadapan orang-orang

kerana memarahi mereka; apa yang dimaksudkan ialah supaya mereka meninggalkan perbuatan ini secara menyeluruh (dalam setiap keadaan).

Menurut M.Quraish Shihab (2003:140), ayat 19 surah Luqman ini menerangkan bahawa:"dan bersikap sederhanalah dalam berjalanmu, iaitu jangan mengangkat dada dan jangan juga membongkok seperti orang sakit. Jangan berlari terlalu laju dan jangan pula berlari sangat perlahan sehingga menghabiskan masa. Dan lembutkanlah suaramu sehingga tidak didengari kasar seperti teriakan keldai. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai kerana suara keldai pada awal siulannya yang tidak menarik dan akhir tarikan nafasnya yang buruk.

Demikian Luqman al-Hakim mengakhiri nasihatnya yang merangkumi asas-asas penting setiap perintah Allah. Di sana ada akidah, syariat dan akhlak, tiga unsur ajaran al-Quran. Di sana ada akhlak terhadap Allah SWT, terhadap orang lain dan terhadap diri sendiri. Ada juga perintah sederhana yang merupakan ciri dari segala macam kebijakan, serta perintah bersabar, yang merupakan syarat mutlak mendapat kejayaan, dunia dan akhirat. Demikianlah Luqman al-Hakim mendidik anaknya malah memberi panduan kepada siapa sahaja yang ingin mengikuti jalan kebaikan.

Menurut al-Maududi (1982:53), dalam ayat 19 surah Luqman ini: katanya beberapa pentafsir lain ada menyebut bahawa: "Berjalan tidak laju dan tidak lambat tetapi pada kadar yang sederhana; "tetapi ayat itu menunjukkan bahawa kadar dan kelajuan berjalan itu tidak menjadi masalah. Tidak ada kesalahan dalam berjalan laju atau perlahan dan tidak patut ada peraturan yang dibuat terhadap perkara itu. Apabila seseorang itu perlu cepat, dia akan berjalan dengan laju, dan tidak ada salahnya jika

seseorang itu berjalan dengan perlahan semasa lapang. Walaupun ada piawaian yang tertentu dalam menentukan kelajuan berjalan yang sederhana, tetapi tidak boleh dibuat sebarang peraturan kepada semua orang.

Apa yang dimaksudkan dengan ayat 19 surah Luqman ini adalah untuk mengubah keadaan diri seseorang yang berjalan dengan angkuh. Kesombongan dan keangkuhan seseorang akan dapat dilihat pada gayanya berjalan, yang juga menunjukkan keadaan mindanya dan penyebab kepada kesombongan dan kemegahan itu. Kekayaan, kecantikan, pengetahuan, kekuasaan dan sebagainya menyebabkan seseorang menjadi megah dan bangga diri dan itu memberikan padanya gaya berjalan yang tertentu. Bertentangan dengan perkara itu, penonjolan sifat rendah hati dalam gaya berjalan juga adalah disebabkan daripada keadaan fikiran yang buruk. Kadangkala keangkuhan yang tersembunyi dalam diri seorang manusia terbentuk dalam kerendahan hati, kewarakan dan kesalihan dan ini ditunjukkan dengan gayanya berjalan; dan kadangkala manusia sangat merasa kecewa dengan dunia ini telah menyebabkannya berjalan seperti orang sakit.

Apa yang Luqman ingin katakan adalah: "Elakkan daripada keadaan fikiran yang semacam itu, dan berjalan lah dengan gaya seorang yang jujur dan mulia, yang tidak menunjukkan sifat bongkak dan angkuh serta juga sifat lemah dan warak dan kerendahan hati yang berlebihan."

Menurut al-Qurtubi (2009:169-170), ayat 19 surah Luqman menjelaskan dalam Firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan sederhanalah kamu dalam berjalan. "Ketika Luqman melarang anaknya dari perangai buruk, dia pun menjelaskan

perangai baik yang harus diterapkannya. Maksudnya adalah, berjalanlah seperti biasa, ertinya berjalan antara cepat dan lambat. Ertinya, janganlah kamu berjalan seperti orang longlai dan janganlah pula seperti orang terlalu semangat.

Ayat ini merupakan pelajaran sopan santun dari Allah SWT yakni tidak berteriak di hadapan orang kerana meremehkan mereka atau tidak berteriak bila-bila masa dan di mana sahaja. Orang Arab biasanya merasa bangga dengan suara nyaring. Oleh kerana itu, siapa di antara mereka yang lebih nyaring suaranya, maka dia lebih dianggap paling terhormat dan siapa yang lebih perlahan suaranya, maka dia dianggap paling hina. Maka dari itu Allah melarang perilaku jahiliyyah ini.

Luqman al-Hakim menasihatkan anaknya dengan memberikan pengajaran bahawa hendaklah berjalan dengan langkah yang sederhana dan rendahkan suara apabila bercakap. Kerana kedua sifat-sifat tersebut menunjukkan sifat-sifat orang yang tawadhu'. Allah SWT umpamakan orang yang meninggikan suaranya ketika bercakap seperti kaldai, kerana kaldai mempunyai seburuk-buruk suara.

5.5.8.1 Analisa ayat 19

Menurut Sayyid Qutb (2000:530), ayat 19 surah Luqman ini menyatakan bahawa maksud sederhana ialah berjalan yang mempunyai matlamat dan tujuan yang tertentu dan terus menuju ke tempat yang hajati dengan mudah dan lancar. Manakala Hamka (1981) dan Ibnu Kathir (2003) menyifatkan bahawa berjalan perlahan memberi maksud bermalas-malasan.

Kebanyakan ahli tafsir melarang dari berjalan terlalu cepat dan terlalu lambat kerana kedua-duanya mempunyai kesan yang tidak baik terhadap fizikal dan emosi. Namun begitu pandangan Maududi(1982) agak berbeza di mana beliau menyatakan tidak salah berjalan laju atau lambat kerana ia bergantung kepada keperluan seseorang untuk sampai ke destinasi. Bagi beliau peraturan berjalan ini tidak boleh dibuat untuk semua orang.


Larangan berjalan terlalu cepat dan terlalu lambat juga dilihat dari sudut lain iaitu larangan berjalan sambil menoleh ke belakang dan larangan berjalan dengan berpura-pura lemah (khusyuk). Ini adalah kerana berjalan menoleh ke belakang akan memungkinkan jatuh, tergelincir, dicurigai orang dan lain-lain lagi. Manakala berpura-pura lemah atau sakit ketika berjalan untuk mendapat perhatian orang akan mengundang kemarahan dari Allah SWT.

Mengenai suruhan merendahkan suara pula, Sayyid Qutb(2000) menjelaskan bahawa merendahkn suara ketika bercakap menggambarkan adab yang bersopan santun. Ibnu Kathir (2003) pula menyatakan bahawa untuk bercakap tentang sesuatu perkara tidak perlu berteriak kerana orang yang meninggikan suara dan berteriak ketika bercakap adalah umpama kaldai. Hamka(1981) pula menyarankan supaya bercakaplah mengikut kesesuaian pendengar terutamanya ketika berada di tempat awam. Jelaslah di sini bahawa Allah SWT telah mengajarkan Luqman al-Hakim tentang ilmu hikmah, dan Luqman pula mengajarkan kepada anaknya tentang bagaimana cara untuk berjalan dan bercakap. Setiap tingkah laku dan adab sopan perlu dijaga dalam semua aspek kehidupan manusia sebagai cara untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan hidup.

5.6 Penutup

Ahli-ahli tafsir telah menafsirkan ayat 12 hingga ayat 19 dengan penuh keimanan dan pengetahuan yang mendalam. Tidak ada sedikit pun di antara ahli-ahli tafsir ini yang bertelagah mengenai ayat yang diturunkan berkenaan Luqman al-Hakim ini. Sehingga tafsiran mengenai ayat ini dapat menyentuh hati para pembaca dan pengkaji dapat mengambil Luqman al-Hakim sebagai contoh ikutan dalam bidang sosial umumnya dan dalam bidang pendidikan khususnya.

Sayyid Qutb, Al-Maududi, Al-Qurtubi, M.Quraish Shihab, Hamka dan Ibnu Kathir adalah ahli-ahli tafsir yang sangat hebat, setiap mereka mempunyai kepakaran masing-masing dalam mentafsir ayat-ayat Allah SWT. Kefahaman mereka yang mendalam tentang syariat Allah telah memberikan peluang untuk seluruh umat Islam menghayati Al-Quran dan tafsirnya kerana melalui tafsiran yang ditulis oleh mereka dapat dijadikan panduan untuk beramal.



Universiti Utara Malaysia

BAB ENAM

PENDIDIKAN LUQMAN AL-HAKIM

DALAM ASPEK KEHIDUPAN

6.1 Pendahuluan

Dalam bab enam ini penulis akan membincangkan pendidikan Luqman al-Hakim dalam aspek Tauhid,Tarbiyah,Akhlik dan Sosial. Perbincangan tentang topik ini amat penting kerana pendidikan yang disarankan oleh Luqman al-Hakim meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.

6.2 Pendidikan Luqman dalam aspek tauhid

Pendidikan dalam aspek tauhid terdapat dalam ayat 12 dan 13 Surah Luqman. Ternyata kedua-dua ayat ini mengajarkan supaya manusia supaya mempunyai keimanan dan keyakinan yang mantap hanya sanya kepada Allah SWT kerana Allah sahaja yang menciptakan seluruh alam ini dan semuanya akan kembali kepada Allah SWT. Justru itu segala kesyukuran ditujukan kepada Allah SWT dan kita dilarang dengan sekeras kerasnya daripada menyekutukan Allah dengan suatu apa pun. Firman Allah SWT :

وَلَقَدْ أَتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرْ لِنَفْسِهِ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ عَنِي حَمِيدٌ .

Maksudnya: Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman, iaitu: "Bersyukurlah kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah) maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri, dan barangsiapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji."

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانَ لَأَبْنِيهِ وَهُوَ يَعْظِهِ رَبِّنِي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ

الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah, sesungguhnya mempersekuatkan (Allah) itu adalah benar-benar kezaliman yang besar.

Di antara perkara yang disarankan oleh Luqman dalam aspek pendidikan tauhid ialah:

- i. Bersyukur kepada Allah SWT (ان اشکر الله) - Luqman menyuruh anaknya bersyukur kepada Allah SWT. Bersyukur di sini bukanlah bererti melafazkan kalimah syukur dengan lisan sahaja, malah menterjemahkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT di dalam semua lapangan kehidupan. Seperti melaksanakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah dengan sempurna serta dengan penuh kesedaran bahawa ibadah kepada Allah dilakukan kerana cinta dan kasih kepada Allah SWT seterusnya mengharapkan keredhaan Allah di hari akhirat.
- ii. Jangan mensyirikkan Allah SWT (لا تشرك بالله) - Luqman melarang anaknya daripada mensyirikkan Allah SWT. Di sini lah tugas utama Luqman, mengajar supaya anaknya tidak mensyirikkan Allah SWT. Kerana keyakinan yang tidak berbelah bagi hanya kepada Allah SWT sahaja yang dapat menyelamatkan aqidah mereka dan kehidupan di akhirat mereka. Sekiranya tidak ada keyakinan dan keimanan yang tinggi boleh menyebabkan mereka jauh dengan Allah SWT dan jauh dengan akhirat.

Syirik ialah suatu perbuatan menyamakan Allah SWT dengan sesuatu yang lain atau mempercayai ada kuasa lain selain kuasa Allah SWT. Sebab Allah melarang

perbuatan syirik ialah ia boleh merosakkan iman seseorang yang menyebabkan ia terkeluar dari Islam, kerana menyamakan kuasa Allah dengan yang lain dan juga dosa syirik ini tidak diampunkan oleh Allah SWT dan akan mendapat azab di akhirat kelak.

Di antara faktor berlakunya syirik ialah tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh, kesempitan hidup, dipengaruhi dengan nafsu dan terpengaruh dengan kemewahan dunia. Melihat kepada faktor-faktor ini maka kesannya amatlah parah iaitu terbatal imannya, berdosa besar dan tidak dimpulkan oleh Allah SWT, sentiasa berada dalam kebimbangan kerana sentiasa takut dengan pantang larang syirik, mendapat balasan neraka yang kekal dan segala amal ibadat tidak diterima Allah SWT. Justru itu langkah-langkah untuk menjauhi syirik ini ialah dengan meningkatkan penghayatan Islam dalam kehidupan, melaksanakan amar makruf nahi mungkar, meningkatkan usaha dakwah kepada masyarakat, membantu golongan susah dan miskin dengan mengeluarkan zakat, mendalami ajaran Islam dan meningkatkan budaya ilmu.

Dari sahabat Abu Hurairah radiyallahu ‘anhu beliau berkata, Rasullullah Sallallahu Alaihi Wa salam telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «اجتَبُوا السَّبْعَ الْمُوْبِقَاتِ» قَيْلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا هِيَ؟ قَالَ: «الشَّرْكُ بِاللَّهِ، وَالشُّحُّ، وَقُتلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتَمِّ، وَالتَّوْلِيَ يَوْمَ الْزُّخْفِ، وَقُذْفُ الْمُخْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ»

Maksudnya: " Jauhilah tujuh kehancuran yang akan menimpa kamu." Lalu (sahabat) bertanya, 'Apakah itu wahai Rasulullah?' Lalu baginda menjawab, 'Menyekutukan Allah, kikir (bakhil), membunuh jiwa yang diharamkan Allah, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari

peperangan, menuduh zina wanita mukminat yang suci.”
(Hadis Riwayat an-Nasai)

Seterusnya hadis di bawah juga menyatakan tentang syirik.

عَنْ جَابِرٍ قَالَ أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا
الْمُوْجِبَاتُ فَقَالَ مَنْ مَاتَ لَا يُشْرِكُ بِإِلَهٍ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ مَاتَ يُشْرِكُ بِإِلَهٍ
شَيْئًا دَخَلَ النَّارَ.

Dari Jabir r.a. katanya :"Seseorang datang kepada Nabi SAW lalu berkata :"Ya Rasulullah , apakah dua perkara yang positif? Jawab baginda SAW :"Barang siapa yang mati tidak menyekutukan Allah pasti masuk syurgadan barang siapa yang mati dalam keadaan menyekutukan Allah pasti masuk neraka.(Riwayat Muslim)

6.2.1 Suruhan Bersyukur kepada Allah SWT.

Luqman mengajarkan anaknya supaya bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan. Terdapat beberapa ayat lain yang menyebut dan menyarankan supaya kita sentiasa bersyukur kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah : ayat 152

فَادْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَآشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya: Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membala kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

Pernyataan bahawa sedikit sahaja manusia yang beryukur digambarkan oleh Allah SWT dalam firmanNya dalam Surah Šaba': ayat 13

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الْشَّكُورُ

Maksudnya: "Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hambaKu yang bersyukur."

Allah SWT menegaskan akan memberikan pahala kepada orang bersyukur seperti firmanNya dalam Surah Ali-Imran : ayat 14

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كِتَابًا مُّؤَجَّلًا وَمَنْ يُرِدْ
ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا وَسَتَحْزِرِي
الشَّاكِرِينَ

Maksudnya:" Dan (tiap-tiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu ketetapan (ajal) yang tertentu masanya (yang telah ditetapkan oleh Allah). dan (dengan yang demikian) sesiapa yang menghendaki balasan dunia, Kami berikan bahagiannya dari balasan dunia itu, dan sesiapa yang menghendaki balasan akhirat, Kami berikan behagiannya dari balasan akhirat itu; dan Kami pula akan beri balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur.

"

6.2.2 Larangan Mempersekutukan Allah SWT.

Setiap Muslim adalah dilarang mempersekutukan Allah SWT. Ini dapat dilihat dari sepotong ayat al-Quran firman Allah SWT:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بَنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ
النُّفَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ.

Maksudnya:" Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagi kalian dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untuk kalian; karena itu janganlah kalian mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kalian mengetahui". (Al-Baqarah : 22).

Ini dikuatkan lagi dengan sebuah hadis dari Anas bin Malik:

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى : يَا ابْنَ آدَمَ ، إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا
أَبْلَغْتِي ، يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَلَغْتَ ذُنُوبَكَ عَذَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفِرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ ، يَا ابْنَ
آدَمَ ، إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرُبَ الْأَرْضِ خَطَايَاً ثُمَّ لَمَّا تَبَّعَتِي لَمْ تُشْرِكْ بِي شَيْئًا لَا يَنْتَكُ
بِقُرُبِهَا مَغْفِرَةً رَوَاهُ التَّرْمِذِيُّ وَقَالَ حَدِيثٌ حَسْنٌ صَحِيحٌ [

Maksudnya:" Dari Anas RA dia berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Allah ta'ala berfirman: "Wahai anak Adam, sesungguhnya engkau berdoa kepada-Ku dan memohon kepada-Ku, maka akan aku ampuni engkau, Aku tidak peduli (berapapun banyaknya dan besarnya dosamu). Wahai anak Adam seandainya dosa-dosamu (sebanyak awan di langit kemudian engkau minta ampun kepadaku niscaya akan Aku ampuni engkau. Wahai anak Adam sesungguhnya jika engkau datang kepadaku dengan kesalahan sepenuh bumi kemudian engkau menemuiku dengan tidak menyekutukan Aku sedikitpun maka akan aku temui engkau dengan sepenuh itu pula ampunan." (Riwayat Turmudzi dan dia berkata: hadits hasan shahih).

6.2.3 Pembinaan Ibadah kepada anak-anak.

Menurut Muhammad Nur Abdul Hafizh (1998:150), pembinaan anak dalam beribadah dianggap sebagai penyempurnaan dari pembinaan aqidah(Tauhid). Kerana nilai ibadah yang didapati oleh anak-anak akan menambah keyakinan akan kebenaran ajarannya. atau dalam istilah lain, semakin tinggi nilai ibadah yang ia miliki, akan semakin tinggi pula keimanannya. Maka bentuk ibadah yang dilakukan anak boleh dikatakan cerminan atau bukti nyata dari aqidahnya.

Allah SWT berfirman :

وَأْمَرَ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا هُنَّ نَرْزُقُهُ
وَالْعِيْقَبَةُ لِلْكَفُوْئِي

Maksudnya:" Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepada mu. Dan akibat (yang baik) itu adalah bagi orang yang bertaqwah." (Surah Taha :132)

Dr. Said Ramadhan Al-Bhuti dalam bukunya *Tajribah Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*, menjelaskan hubungan antara ibadah dengan pembinaan aqidah anak. Dia mengatakan, "Agar aqidah anak tertanam kuat di dalam jiwanya, ia harus disiram

dengan air ibadah dalam berbagai bentuk dan macamnya, sehingga aqidahnya dapat tumbuh dengan kukuh. Tegar dalam menghadapi kedadangan badai dan cubaan kehidupan."

6.2.4 Suruhan Mendirikan Solat

Solat adalah salah satu daripada ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada seluruh hambanya untuk membuktikan ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Solat adalah natijah atau hasil dari didikan tauhid. Solat juga merupakan ibadah yang paling utama untuk menguji samada manusia itu benar-benar beriman atau tidak kepada Allah SWT. Sebagaimana Luqman menyuruh anaknya mendirikan solat terdapat dalam ayat 18 Surah Luqman.

يَبْرِئُ أَقْمِ الْصَّلَاةَ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا
أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Maksudnya: "Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah manusia mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan oleh Allah SWT."

Abdullah Nasih Ulwan (1988:378), menyatakan bahawa anak-anak perlu diikat dengan ikatan kepercayaan (aqidah) dan ikatan kerohanian. Ikatan kepercayaan akan membentuk jiwa keimanan yang mendalam yang akan menghalangnya daripada kepincangan sosial, dari perasaan was was dalam diri serta keruntuhan moral manakala ikatan kerohanian pula akan menjadikannya muslim yang sentiasa menjaga kebersihannya, kejernihan wajahnya serta kesucian dan keikhlasan hatinya.

Terdapat beberapa hadis yang menekankan tentang ibadat solat.

i.Sabda Rasulullah SAW :

عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "مُرُوا أَوْلَادُكُم بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعَ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرَ سِنِينَ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ"

Maksudnya: "Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang, apabila mencapai usia tujuh tahun, dan pukullah mereka kerana tidak bersembahyang, apabila mereka mencapai usia sepuluh tahun, dan pisahkanlah antara mereka di tempat tidur." (Riwayat Al-Hakim dan Abu Daud daripada Abdullah bin Amru bin Al-Ash RA)

ii. Dari Ibnu Umar RA katanya Rasulullah SAW bersabda :

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : "سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : بَنْيَ الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحُجَّ الْبَيْتِ وَصُومُ الْمَرْضَانَ" (رواه الترمذى ومسلم)

Maksudnya: "Agama Islam itu dibina atas lima perkara : "Mengakui tidak ada Tuhan selain Allah, dan mengakui bahawa Muhammad itu Rasulullah, Menegakkan Solat, Membayar zakat, Menunaikan Haji dan berpuasa di bulan Ramadhan." (Riwayat at-Tarmizi dan Muslim)

Universiti Utara Malaysia

iii. Hadis dari 'Amr bin Syu'aib,

عَنْ عَمْرُو بْنِ شَعْبِنَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مُرُوا أَوْلَادُكُم بِالصَّلَاةِ لِسَبْعَ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا لِعَشْرَ سِنِينَ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ".
احمد و ابو داود، في نيل.

Dari 'Amr bin Syu'aib, dari ayahnya, dari datuknya, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda, "Suruhlah anak-anak kecilmu melakukan shalat pada (usia) tujuh tahun, dan pukullah mereka (bila lalai) atasnya pada (usia) sepuluh tahun, dan pisahkanlah mereka pada tempat-tempat tidur". Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Dawud.

Jelas di sini bahawa Luqman al-Hakim merupakan orang yang sangat bijaksana dan amat terbukti ketinggian imannya kepada Allah SWT. Keimanan yang terbit dari hatinya diajarkan kepada anaknya supaya dekat dengan Allah SWT seterusnya

beribadah dengan penuh keikhlasan dan kesyukuran. Kedua-dua elemen ini, iaitu iman dan ibadah akan menjadi benteng yang kuat terhadap pengaruh gejala sosial yang dapat merosakkan jiwa dan diri anak-anak.

Pendidikan Tauhid adalah perkara yang paling asas dalam membina dan membentuk aqidah yang sahih dan salim. Apabila mantap ilmu tauhid dalam diri seseorang maka dengan keimanan yang tinggi dan ketaqwaan yang sebenarnya-benarnya akan melahirkan manusia yang baik ibadahnya. Apabila baik aqidah dan ibadahnya maka sempurnalah pula pergaulannya dengan kaum kerabatnya dan orang-orang disekelilingnya. Inilah yang ditekankan oleh Luqman al-Hakim terhadap anaknya. Para murabbi sentiasa menjadikan nasihat Luqman sebagai contoh ikutan yang terbaik dalam melaksanakan tugas-tugas sehari-hari sebagai pendidik.

Untuk melahirkan modal insan yang menepati aspirasi negara, maka tugas sebagai pendidik amatlah berat. Oleh itu, dengan ilmu yang mantap dan pegangan agama yang kuat akan membantu pendidik-pendidik menjalankan tugas mereka dalam membentuk dan mencorakkan generasi hari ini dan akan datang.

6.3 Pendidikan Luqman dalam aspek tarbiyah

Pendidikan dalam aspek tarbiyah terdapat dalam ayat 14,15 dan 16 Surah Luqman. Ternyata ketiga-tiga ini mengajarkan supaya manusia mempunyai keimanan dan ketaqwaan hanya kepada Allah SWT dan berbakti kepada kedua ibubapa yang melahirkan dan menjaganya, seterusnya meyakini bahawa setiap pelakuan dan amalannya akan dihitung.

6.3.1 Tarbiyah Luqman al-Hakim

Pendidikan melalui tarbiyah ini menjadi benteng yang kukuh yang akan menjadikan seseorang muslim dan mukmin yang bertaqwa yang akan sentiasa meletakkan Allah SWT dan Rasul SAW di hadapannya sebelum melaksanakan tugas-tugasnya di dunia ini. Luqman menitikberatkan tarbiyah (pendidikan) terhadap anak-anaknya. Ini terbukti apabila terdapat ayat 14, 15 dan 16 Surah Luqman. Beliau memberi pendidikan kepada anaknya supaya mensyukuri Allah SWT, berterima kasih kepada kedua ibu bapa dan memahami bahawa segala yang kita lakukan walau sekecil mana sekalipun akan dibalas oleh Allah SWT.

Ini dapat dilihat dari firman Allah SWT:

وَوَصَّيْتَا إِلَى إِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلُهُ رِفْعَةٌ
أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٦﴾



Maksudnya: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; dengan yang demikian bersyukurlah kepada Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali (untuk menerima balasan)."

Seterusnya firman Allah SWT dalam Surah Luqman ayat 15:

وَإِنْ جَهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لِكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهُمَا
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتْبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ إِلَى نَحْنُ ثُمَّ إِلَى
مَرْجِعُكُمْ فَأَنْتُمْ كُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuat dengan Ku sesuatu yang yang

engkau – dengan fikiran sihatmu – tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepada Ku (dengan tauhid dan amal-amal soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan."

Dikuti lagi firman Allah SWT pada ayat ke 16 Surah Luqman:

يَبْرُئِ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِتَّقَالَ حَبَّةٍ مِنْ حَرَدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي
السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ
◎

Maksudnya: (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi."

Universiti Utara Malaysia

Di antara perkara yang disarankan oleh Luqman dalam aspek pendidikan tarbiyah ialah:

- i. Bersyukur kepada Allah dan kepada kedua ibu bapa (ان اشکر لی ولولدی) - Luqman menyuruh anaknya supaya bersyukur kepada ibu bapa bermaksud menghormati kedua orang tua dan mentaati mereka dalam perkara yang diizinkan oleh Allah SWT. Kesusahan ibu bapa ketika menjaga dan memelihara anak sewaktu kecil perlu dibalas dengan penuh kasih sayang. Namun begitu sikap ini perlu dididik dengan didikan iman terlebih dahulu, kerana tanpa iman anak-anak mudah melupakan pengorbanan yang telah dilakukan oleh kedua ibu bapa mereka.

ii. - (إِنَّمَا مُنْتَهَى الْفَتْنَةِ إِنَّمَا فِي صُخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِي بِهَا اللَّهُ) Luqman menasihatkan anaknya bahawa jika ada sesuatu perkara yang baik atau yang buruk sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan di bawa oleh Allah untuk dihakimi dan di balasNya, kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya lagi amat meliputi apa yang tersembunyi.

Cara menghormati ibubapa ialah dengan mentaati keduanya selagi tidak menyuruh kepada perkara mungkar, berlemah lembut dengan mereka dan mendoakan kesejahteraan mereka. Sekiranya ini tidak berlaku, maka berlaku lah penderhakaan kepada ibu bapa. Kesan derhaka ini ialah hilang rahmat dan keberkatan dari Allah SWT, tidak cium bau syurga dan menanggung kesusahan hidup di dunia yang berpanjangan. Oleh itu usaha atau langkah yang harus dilakukan untuk tidak menjadi anak derhaka ialah taat kepada ibu bapa selagi tidak bertentangan dengan syarak, bercakap dengan lemah lembut terhadap mereka dan menginsafi betapa besarnya pengorbanan mereka.

Iktibar yang boleh diambil oleh semua ibu bapa melalui pendidikan Luqman ialah dengan menanam keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, membentuk akhlak di segi percakapan dan perbuatan, mengalakkkan anak-anak bersyukur kepada nikmat Allah SWT, mendidik supaya tidak melanggar hukum syarak, menyuruh anak supaya solat lima waktu, memberi tunjuk ajar mengenai adab-adab seorang Muslim dan seterusnya mendidik supaya menghormati ibu bapa dan orang tua. Sekiranya tidak betul didikan diberi maka ditakuti akan lahirlah anak derhaka yang akan bercakap dengan meninggikan suara, membantah percakapan kedua orang tua, melayani ibu

bapa dengan kasar dan tidak memperdulikan serta tidak prihatin terhadap kebajikan kedua ibu bapa mereka.

Apabila anak-anak menyedari tentang hakikat wajib mentaati kedua ibu bapa, maka hendaklah anak-anak berbakti dengan cara melayani mereka dengan penuh kasih sayang, menjaga segala keperluan mereka, merawat ketika mereka sakit dan sentiasa menziarahi mereka jika tinggal berjauhan. Bagi anak-anak yang telah kematian ibu bapa, mereka bertanggungjawab menjelaskan hutang-hutang mereka, sentiasa mendoakan agar Allah SWT merahmati mereka, melakukan amal kebajikan untuk mereka dan melaksanakan wasiat dengan penuh amanah.

Terdapat sepotong hadis yang menyarankan supaya anak mengambil berat kepentingan menjaga ibu bapa melebihi perkara lain, iaitu :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَقْبَلَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَبَا يَعْنَكَ عَلَى الْهِجْرَةِ وَالْجِهَادِ أَبْتَغَى الْأَجْرَ مِنَ اللَّهِ قَالَ: هُلْ مِنْ وَالَّذِي كَ أَحَدُ حَيٍّ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَارْجِعْ إِلَى وَالَّذِي كَ أَحَدُ حَيٍّ فَأَخْسِنْ صُنْبَتَهُمَا (رواه مسلم)

Maksudnya:" Dari Abu Hurairah RA berkata: Ada seorang laki-laki menghadap kepada Rasulullah SAW lalu ia berkata: Saya berjanji kepada engkau, wahai Rasulullah untuk berhijrah dan berjuang agar mendapatkan pahala dari Allah. Beliau bersabda: Apakah salah seorang dari kedua orang tuamu masih hidup? Laki-laki itu menjawab: Ya, masih. Beliau bersabda pula: Pulanglah kamu kepada kedua orang tuamu dan dampingilah keduanya dengan baik." (Hadis Riwayat Muslim)

Peringatan yang mendidik jiwa ini perlu disebut berkali-kali supaya anak-anak tidak leka dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran ini. Begitulah sifat tarbiyah. Tarbiyah merupakan tanggungjawab penuh kedua orang tua.

Sepertimana dinyatakan oleh Ibnu Umar : Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُسْلِمٍ عَنْ مَالِكٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْكُلُّ رَاعٍ وَكُلُّمَنْسُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: ".Setiap diri kalian adalah pemimpin. Dan dia akan dipertanggungjawabkan terhadap pimpinannya." (Hadis Riwayat Bukhari)

Satu lagi hadis yang mempunyai maksud yang sama ialah diriwayatkan oleh Bukhari dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا مَنْ مُؤْمِنٌ
إِلَّا يُؤْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ. فَأَبْوَاةُ يَهُودَانِهِ وَيُنَصَّرَانِهِ وَيُمَجْسَانِهِ.

Maksudnya: "Tidak ada seorang pun dilahirkan kecuali dalam keadaan fitrah(suci). Kedua orang tuanya yang menjadikannya sebagai orang Yahudi, atau Nasrani, atau Majusi."

Universiti Utara Malaysia

Bertepatanlah firman Allah SWT dalam Ar-Rum ayat: 30

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّذِينَ حَيْفَاً فِطَرَ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ
لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الَّذِي أَقْرَئَكَ الْقِيمَ وَلَكَ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ



Maksudnya: "(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, Iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.". .

Tarbiyah Islamiyah ialah tarbiyah yang mengajak manusia kembali kepada didikan Islam iaitu didikan yang diajar oleh Rasulullah SAW. Luqman al-Hakim sendiri memberikan tarbiyah kepada anaknya supaya mengikuti jalan yang diredhai oleh Allah SWT sahaja.

Oleh kerana itu Imam Ghazali dalam bukunya *Ayyuhal Walad* menetapkan makna *tarbiyah* adalah bagaikan seorang petani yang tengah mencabut duri dan membuang tanaman asing yang mengganggu di antara tumbuhan yang ia tanam, agar tanaman tersebut tumbuh dan berkembang dengan baik. (Muhammad Nur Abdul Hafizh, 1998:38).

Tarbiyah yang ditunjukkan oleh Luqman kepada anaknya adalah bertujuan unuk memeliharanya daripada terjerumus dalam azab api neraka Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Tahrim : ayat 6.

Universiti Utara Malaysia
يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْجَحَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَئِكَةٌ غِلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا
يُؤْمِرُونَ .

Maksudnya: "Wahai orang-orang Yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

Pendidikan melalui aspek tarbiyah ini perlu dilaksanakan secara berterusan. Ia merupakan satu proses yang panjang dan memakan masa yang lama. Ini adalah disebabkan sifat manusia yang selalu mudah lupa dan perlu sentiasa diberi peringatan

dan nasihat. Tarbiyah yang betul akan menghasilkan jiwa-jiwa yang sama pandangan dan serupa amalannya, tidak ada yang lebih baik bagi mereka melainkan sentiasa mengharapkan keredhaan Allah SWT.

Luqman al-Hakim adalah sebenar-benarnya manusia terpilih di kalangan manusia-manusia hebat di sisi Allah SWT. Asas pendidikan yang ditunjukkan oleh beliau telah menjadi pemangkin kepada umat Islam selepasnya untuk membentuk modal insan yang berguna, modal insan yang berjaya di dunia dan di akhirat.

6.4 Pendidikan Luqman dalam aspek Sosial

Pendidikan dalam aspek sosial terdapat dalam ayat 17 dan 18 Surah Luqman. Kedua-dua ayat ini mengajarkan supaya manusia mempunyai keupayaan pergaulan yang baik dengan manusia di sekelilingnya. Perhubungan sosial yang baik dan harmoni hendaklah bertujuan semata-mata mengharapkan keredzaan Allah SWT.

6.4.1 Pendidikan Sosial Luqman al-Hakim

Tidak lengkap ilmu yang diperolehi oleh seseorang anak itu melainkan ada padanya ilmu sosial, kerana manusia itu tidak akan mampu hidup seorang diri malah amat berhajat kepada orang ramai disekelilingnya. Samada kaum kerabatnya atau manusia lain disekelilingnya.

Abdullah Nasih Ulwan (1988:423), menyatakan bahawa pendidik mempunyai tanggungjawab yang terbesar dalam perkara mendidik anak dari kecil supaya menjadi biasa dengan adab-adab sosial yang mulia, dan membiasakannya dengan

unsur-unsur rohani yang mulia yang diserap daripada aqidah Islamiyah yang kekal serta bersumber daripada perasaan persaudaraan yang kukuh, supaya mereka lahir di dalam masyarakat Islam dengan sebaik-baik contoh dari akhlak yang mulia, perhubungan persaudaraan yang murni, adab sosial yang terpuji, pertimbangan rasa dan tindakan kemanusiaan yang bijaksana.

Dari segi sosial, Islam mewajibkan semua golongan sama ada lelaki mahupun perempuan menuntut ilmu dan menjaga kebersihan. Begitu juga dari segi tanggungjawab, Islam menetapkan dasar bahawa setiap anggota bertanggungjawab atas segala keburukan yang berlaku dalam masyarakatnya. Dengan ini, bermakna setiap orang tidak boleh bersikap berkecuali dalam menyelesaikan masalah dalam masyarakatnya. Kalau tidak, dia dianggap berdosa di sisi Allah SWT. Dari segi keluarga, Islam mengajar supaya menghormati kedua ibubapa, memberi kasih sayang yang sama pada anak-anak, berlaku adil terhadap isteri, menjalin hubungan yang baik dengan kaum keluarga dan jiran tetangga.(Ismail Yusoff, 2001).

Luqman al-Hakim telah mendahului zaman dengan mendidik anaknya supaya berinteraksi dengan cara yang sebaik-baiknya dengan diri sendiri, ibubapa dan orang disekelilingnya. Kebijaksanaan Luqman dalam mendidik anaknya adalah bertepatan dengan pendidikan sosial yang digariskan oleh Islam.

Di antara perkara yang disarankan oleh Luqman dalam aspek pendidikan sosial ialah:

- Mengajak kepada perkara yang makruf dan mencegah dari perkara yang mungkar (وَمِرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ) - Luqman menyarankan kepada anaknya supaya menjalankan tugas sebagai seorang yang beriman mengajak orang lain supaya

melakukan kebaikan dan mengajak supaya menjauhi segala larangan Allah SWT. Perintah ini menyebabkan anak didik Luqman terpaksa berhubung dengan manusia lain di sekelilingnya. Maka berlakulah pendidikan sosial. Hubungan yang baik dengan orang lain akan memudahkan dakwah Islam disampaikan. Namun begitu tugas ini merupakan tugas yang sangat berat yang memerlukan sifat kesabaran yang tinggi. Hanya bantuan dari Allah SWT sahaja yang dapat memudahkan dakwah Islam diterima. Sekiranya seruan dakwah diterima dan diamalkan oleh orang lain maka aman sejahtera lah kehidupan sosial mereka daripada perkara-perkara mungkar yang boleh merosakkan aqidah dan ibadah mereka. Seterusnya menjadi sebuah kelompok manusia yang dikatakan (بلدة طيبة و رب غفور) negeri yang baik dan aman diampuni Allah SWT seluruh penghuninya.

ii. Larangan memalingkan muka (و لا تنصفر خدك للناس) - Luqman memerintahkan anaknya supaya jangan berpaling muka iaitu menunjukkan perasaan sombong terhadap orang yang sedang bercakap dengannya. Kerana perasaan sombong ini akan menyebabkan kemurkaan Allah dan akan menjauhkan dirinya dari orang lain. Secara tidak langsung ia menjadi penyumbang kepada kebejatan sosial.

iii. Larangan berjalan di atas mukabumi dengan sombong (ولا تمشي في الأرض مرحًا) Luqman juga memerintahkan anaknya supaya tidak berjalan dengan jiwa yang angkuh iaitu dengan meninggi diri. Sebab sifat angkuh dan tinggi diri ini tidak menguntungkan sesiapa malah akan menyebabkan kerugian yang besar kerana orang tidak akan menghormatinya dan tidak pula akan pergi mendekatinya. Inilah penyakit-penyakit sosial yang perlu dijubati. Jiwa yang dekat dengan Allah ialah jiwa yang sentiasa melihat manusia sekelilingnya dengan penuh kasih sayang dan

mengharapkan rahmat Allah. Sentiasa memohon keampunan kepada Allah di atas kesalahan dirinya dan sahabat-sahabatnya.

Firman Allah SWT tentang amar makruf nahi mungkar ialah :

يَبْرُئَ أَقِمْ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا
أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Maksudnya: "Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah manusia mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan oleh Allah SWT." (Surah Luqman: ayat 16)

Firman Allah SWT lagi dalam Surah Ali-Imran: ayat 104,

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْحَيْثِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengemban Islam, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Firman Allah pula dalam Surah al-Maidah : ayat 2'

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ وَاتَّقُوا
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: ".Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana

sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)."

Jelas di sini berlaku pendidikan sosial yang sangat lembut dan menyentuh hati. Sekiranya ajakan atau dakwah kepada ajaran Allah SWT tidak diterima oleh orang yang diajaknya maka bersabar adalah ubat kepada kekecewaan yang dirasai.

Firman Allah SWT :

وَلَا تُصْعِرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرْحَاحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu dari manusia (kerana sompong) dan janganlah engkau berjalan di mukabumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong lagi membanggakan diri." . (Surah Luqman : ayat 18)

Riyak atau menunjuk-nunjuk ialah mencari kemasyhuran dan kedudukan. Riyak hukumnya haram. Orang yang riyak amat dibenci dan dimurkai oleh Allah Taala .

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّيْرَاتِ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُوْنَ ﴿٣﴾

Maksudnya: "kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang - (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya; (juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya)" . (Surah al-Maa'un ayat 4-6)

Rasulullah SAW juga bersabda:

إِنَّ أَخْرَقْتُ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشَّرْكُ الْأَصْنَعُ قَالُوا يَا رَسُولَ اللهِ وَمَا الشَّرْكُ الْأَصْنَعُ قَالَ الرِّيَاءُ

Maksudnya: "Sesungguhnya yang amat aku takuti daripada segala perkara yang aku takuti ke atasmu semua itu ialah syirik kecil." Para sahabat bertanya : "Apakah syirik kecil itu, ya Rasulullah?" Baginda menjawab:" Iaitu riyak (menunjukkanjuk). "Allah Azza Wajalla berfirman pada hari kiamat, iaitu di waktu sekalian hamba melihat amalannya: "Pergilah kamu semua kepada apa yang kamu tunjuk-tunjukkan (riyak) di dunia. Lihatlah apakah kamu semua memperolehi balasan daripada mereka itu?" (Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi)

Takabbur menurut Azhari & Johari (2012:639) ertinya sompong, bongkak atau berasa dirinya lebih tinggi daripada orang lain, baik dari aspek kedudukan, keturunan, kesempurnaan bentuk dan sebagainya.

Firman Allah SWT:

سَأَصْرِفُ عَنْ إِيمَانِ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ

Maksudnya: "Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sompong takbur di muka bumi dengan tiada alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayatKu....."(Surah Al-A'raf : ayat 146)

Firman Allah SWT lagi:

... كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبٍ مُتَكَبِّرٍ جَبَارٍ ﴿٦﴾

..... "Demikianlah Allah menterakan atas hati tiap-tiap orang-orang yang sompong takbur, lagi bermaharajela pen cerobohannya!.... "(Surah Mukmin : ayat 35)

Dari Ibnu Mas'ud RA berkata : Rasulullah SAW bersabda:

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "لا يدخل الجنة من كان في قلبه مثقال ذرة من كبر. فقال رجل: إن الرجل يجب أن يكون ثوابه حسنة، ونعلمه حسنة؟ فقال: إن الله جميل يحب الجمال. الكبر: ينطر الحق، وغمط الناس" (رواه مسلم).

Maksudnya : "Tidak akan masuk kedalam syurga orang yang dihatinya ada kesombongan meskipun seberat biji sawi. Lalu ada yang bertanya: sesungguhnya seseorang itu sangat senang kepada baju dan sandal yang bagus ? maka beliau berkata: sesungguhnya Allah Maha Indah dan mencintai keindahan. Sombong itu adalah menolak kebenaran dan meremehkan manusia".(Hadis Riwayat Muslim).

Rasulullah SAW menjelaskan dua jenis sifat yang merupakan himpunan daripada kesombongan, iaitu sifat takabbur yang bermaksud menolak kebenaran dan menghina makhluk.

Justru itu untuk mengatasi perasaan takabbur ini contoh lah perbuatan dan pergaulan

Rasulullah SAW :

- 
- Universiti Utara Malaysia
- i. Memerah susu
 - ii. Menampal atau memperbaiki terompah serta pakaianya yang koyak.
 - iii. Suka makan bersama-sama pembantu lelakinya.
 - iv. Membeli apa sahaja daripada pasar dan tidak malu membawanya sendiri ke rumah.
 - v. Berjabat tangan dengan orang kaya dan miskin, tanpa membezakannya.
 - vi. Mendahului memberi salam kepada siapa sahaja yang ditemui, tanpa memilih, besar atau kecil, tua atau muda, sudah dikenali atau belum pernah kenal, kaya atau miskin.
 - vii. Menerima undangan siapa sahaja yang mengundang dan tidak pernah menghina undangan yang bagaimanapun juga sifatnya serta makanan apa pun yang dihidangkan kepadanya.

viii. Rasulullah SAW adalah lemah lembut perangainya, baik sekali dalam pergaulan, ceria wajahnya, dapat bersikap keras tetapi bukan kejam, gemar merendahkan diri tetapi bukan kerana berasa hina, amat pemurah tetapi tidak terlampau boros, berhati lunak dan mengalah.

Manakala Ujub, menurut Azhari & Johari (2012:676) ertinya berasa bangga pada diri sendiri berasa hairan tehadap diri sendiri dengan sebab adanya sesuatu dan lain-lain. Diri sendiri yang dimaksudkan di sini ialah mengenai peribadi, golongan, kelompok atau apa sahaja yang dianggap erat hubungannya dengan diri sendiri. Akhlak seperti ini amat tercela dan sama sekali tiada kebaikannya.

Firman Allah SWT :

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَغْبَحْتُمُ
كُثُرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئاً وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا
رَحِبَتْ ثُمَّ وَلَيْتُمْ مُذْبِرِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan-medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri." (Surah at-taubah: 25)

Firman Allah SWT :

الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ تَحْسِنُونَ صُنْعًا

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan."(Surah al-kahfi: 104)

Firman Allah SWT :

الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَثِيرًا إِلَيْهِمْ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا أَلَّاهُمْ إِنَّ رَبَّكَ وَاسْعَ
الْمَغْفِرَةَ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذَا أَنْشَأُكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذَا أَنْتُمْ أَجِنَّةٍ فِي
بُطُونِ أَمْهَاتِكُمْ فَلَا تُرْكُوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى

Maksudnya: " (Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunanNya, ia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa. " (Surah An-Najm : ayat 32)

Firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنْ وَالْأَذْيَ كَالَّذِي يُنْفِقُ
مَالَهُ وَرِءَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانِ
عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَأَبْلَى فَتَرَكَهُ صَلَدًا لَا يَقْبِرُونَ عَلَى شَنِيءٍ
مِمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! jangan rosakan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan mengungkit-ungkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi).

(Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir. " (Surah Al-Baqarah: ayat 26)

Oleh itu pendidikan dari aspek sosial juga tidak kurang pentingnya. Ini adalah kerana manusia sentiasa memerlukan manusia lain untuk meneruskan kehidupan. Watak yang berbeza dan kemahiran yang berbeza yang dianugerahan Allah SWT menjadikan manusia saling memerlukan antara satu sama lain. Ini bermakna kehidupan manusia itu saling lengkap melengkapi. Tidak mungkin manusia boleh tinggal dan hidup keseorangan di mukabumi Allah kerana tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada manusia amatlah sukar dan berat. Apabila manusia saling bantu membantu maka akan lahirlah umat yang kuat dan mampan.

Luqman al-Hakim amat peka dengan permasalahan sosial yang dihadapi oleh anaknya. Sebenarnya bukan mudah untuk membentuk keprihatinan sosial di kalangan masyarakat. Justru itu hubungan dengan Allah SWT perlu ditingkatkan supaya hubungan sesama manusia menjadi mudah. Pesanan yang Luqman berikan bukanlah terhad kepada zamannya sahaja, malah dapat diamalkan sepanjang zaman sehingga hari kiamat. Oleh itu adalah sewajarnya para pendidik mengambil contoh Luqman al-Hakim dalam mendidik anaknya untuk berhubung dengan Allah SWT dan berhubung dengan manusia.

6.4 Pendidikan Luqman dalam aspek akhlak

Pendidikan dalam aspek akhlak terdapat dalam ayat 19 Surah Luqman. Ayat ini mengajarkan supaya manusia mempunyai akhlak yang suci dan murni, kerana akhlak yang baik ini akan menjadikan manusia itu contoh ikutan kepada orang lain.

6.4.1 Pendidikan Akhlak Luqman al-Hakim.

Pendidikan Akhlak atau Pendidikan Moral ini penting untuk menjadikan anak-anak seorang yang disegani dan dihormati bukan sahaja oleh makhluk Allah SWT di dunia malah menjadi pujian kepada makhluk di langit. Luqman menasihati anaknya supaya berkelakuan sederhana ketika berjalan dan rendahkan suara ketika bercakap. Pendidikan akhlak ini bermula dari anak-anak masih kecil dan sentiasa dipantau oleh ibubapa sehingga usianya mencapai dewasa. Ibubapa adalah contoh yang terbaik terhadap anak-anaknya.

Firman Allah dalam Surah Luqman: ayat 19:

وَاقْصُدْ فِي مَشِيلَكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنْ أَنْكَرَ آلَّا صَوْنِ لَصَوْتٍ

الْحَمْرَى

Maksudnya: "Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalanan mu dan rendahkanlah suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."

Di antara perkara yang disarankan oleh Luqman dalam aspek pendidikan akhlak ialah :

- i. Berjalanlah dengan sederhana (وَاقْصُدْ فِي مَشِيلَكَ) - Luqman telah memerintahkan anaknya supaya berjalan dengan perlahan. Berjalan dengan perlahan adalah satu proses pembentukan akhlak yang baik. Ia menunjukkan ketenangan jiwa dan hati pemiliknya. Bukan berjalan yang

tergesa-gesa menunjukkan kesibukan dan kelewatannya dalam perjalanan ke tempat kerja. Orang yang jiwanya dekat dengan Allah sentiasa menjaga masa dan dirinya dari terbuang dengan sia-sia. Hidupnya penuh dengan jadual yang terancang dan teratur, oleh itu tidak adalah istilah ketinggalan kapalterbang atau kelewatan hadir ke tempat temuduga kerana masa yang dibuang dan tidak disusun dengan baik.

- ii. Rendahkanlah suara (وأغضض عن صوتك) - Luqman juga menyarankan kepada anaknya supaya tidak meninggikan suara kerana suara yang tinggi akan melahirkan bunyi yang buruk didengar. Bercakap dengan nada yang kuat tanpa sebab yang munasabah juga mengundang rasa tidak puas hati orang yang berada disekelilingnya. Inilah pembentukan akhlak yang ditekankan oleh Luqman supaya dicontohi oleh orang lain.

Ibrahim Abdul Muqtadir (2010:196) menjelaskan, maksud sederhana ialah selari. Tidak berlebihan tidak membuang tenaga untuk berlagak dan sompong juga termasuk dalam maksud sederhana, sebab cara berjalan yang membawa kepada tujuan tidak terlambat, berlagak dan sompong, tetapi untuk mencapai tujuan dalam kesederhanaan seperti yang dituturkan oleh Syed Qutb. Manakala Ibnu Katsir pula bertutur, "Berjalanlah secara sederhana, tidak terlalu lambat dan tidak terlalu cepat tetapi pertengahan antara kedua-duanya."

Jangan berlebih-lebih dalam tutur kata, jangan berbicara dengan kuat untuk hal-hal yang tidak ada manfaatnya sebagai wujud etika anda terhadap orang dan Allah SWT. Bersuara lembut mencerminkan etika, kepercayaan diri, ketenangan, dan kekuatan untuk jujur dalam dalam bertutur kata. Tidak ada yang bertutur kata dengan kuat

selain orang yang tidak sopan, ragu akan berat kata-katanya sendiri atau nilai keperibadiannya yang berusaha menyembunyikan keraguan ini dengan bersungguh-sungguh, keras dan berteriak.

Menurut Imam al-Ghazali (1988:1033), menyatakan bahawa sesungguhnya kebagusan akhlak itu ialah iman dan keburukan akhlak itu ialah nifaq (sifat orang munafik). Allah Taala telah menyebutkan sifat-sifat orang mukmin dan orang munafik dalam kitabNya. Di bawah ini adalah firman Allah yang menunjukkan sebahagian daripada kebagusan akhlak.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ① الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِعُونَ ② وَالَّذِينَ
هُمْ عَنِ الْلَّغْوِ مُعْرِضُونَ ③ وَالَّذِينَ هُمْ لِزَكْرَهُ فَاعْلُونَ ④ وَالَّذِينَ
هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ⑤ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتُ أَيْمَانُهُمْ
فَإِنَّهُمْ عَبْرَ مَلُومِينَ ⑥ فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ
وَالَّذِينَ هُمْ لَا مُنْتَهِيهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاغُونَ ⑦ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ
صَلَواتِهِمْ سُخَافِظُونَ ⑧ أُولَئِكَ هُمُ الْوَرِثُونَ ⑨

Maksudnya: "Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); dan mereka yang menjaga kehormatannya, - kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela: Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka mereka lah orang-orang yang melampaui batas; dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi." (Surah al-Mukminun: ayat 1-10)

Berdasarkan ayat di atas kejayaan seseorang adalah bergantung kepada kejayaannya melaksanakan perintah Allah SWT. Menurut Azhari & Johari (2012:453), dalam bab latihan mental, pendidikan akhlak dan rawatan hati, Rasulullah SAW adalah contoh yang terbaik sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ حُكْمٍ عَظِيمٍ ﴿١﴾

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. " (Surah al-Qalam : ayat 4)

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لَأَنْتَمْ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya : "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak. " (Riwayat Al-Baihaqi dan Al-Hakim)

Aisyah RA juga meriwayatkan sebuah hadis tentang akhlak dan budi pekerti maksudnya:

كَانَ خَلْفَةُ الْقُرْآنِ

"Budi pekerti Rasulullah SAW itu adalah al-Quran" (Riwayat Muslim).

Akhlik baik yang dianggap mulia oleh agama itu tidak mungkin meresap ke dalam jiwa seseorang, selagi mereka tidak membiasakan jiwanya dengan perkara yang baik dan selagi mereka tidak meninggalkan kelakuan-kelakuan yang jahat dan keji dan juga selagi mereka tidak mengkalkannya sehingga benar-benar terlatih sebagai latihan yang dilaksanakan oleh orang yang sangat rindu kepada perbuatan-perbuatan yang baik tadi, sehingga dapat merasakan kenikmatan dalam menunaikannya. Jika ini sudah dapat dilakukan, maka pastilah mereka membenci perbuatan-perbuatan keji

dan berasa terseksa ketika melihat orang lain melakukannya, lebih-lebih kalau mereka dipaksa untuk melakukannya.

Seterusnya perlu diketahui, bahawa untuk memperolehi kebahagiaan yang dijanjikan dalam melakukan budi pekerti atau akhlak yang baik, dengan hanya merasakan nikmat taat dan membenci maksiat dalam sebahagian waktu atau beberapa waktu adalah tidak mencukupi, tetapi hendaklah amalan itu dilakukan secara berterusan dan kekal selama-lamanya, bahkan selama hayat dikandung badan.

Kesimpulannya, apa sahaja pendekatan yang dijalankan dalam bidang pendidikan, proses ini tidak dapat lari daripada memberi tumpuan kepada pendidikan akhlak. Sempitnya sesebuah negara bukanlah kerana ramainya penduduk, tetapi disebabkan oleh akhlaknya yang buruk. Pendidikan akhlak sangat penting untuk memastikan maju mundurnya sesuatu bangsa dan sesebuah negara. Oleh itu Luqman al-Hakim yang diberikan kebijaksanaan dan hikmah oleh Allah SWT sangat menekankan akhlak yang baik. Akhlak yang baik adalah cermin kepada kekuatan iman seseorang. Luqman al-Hakim dalam nasihatnya menyuruh supaya anaknya berakhlek dengan akhlak yang mulia kerana dengan akhlak yang mulia adalah juga perintah Allah SWT. Begitu juga para pendidik seharusnya menekankan pendidikan akhlak di kalangan pelajar kerana akhlak yang baik akan memudahkan pembelajaran berlaku. Apabila pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan sempurna maka lahirlah pelajar yang berilmu dan berakhlek. Ilmu dan akhlak perlu berjalan seiring dalam diri setiap pelajar kerana apabila tamat persekolahan mereka akan menghadapi melalui liku-liku kehidupan yang lebih mencabar. Dunia yang penuh godaan dan penipuan mampu mengheret mereka ke jalan yang salah. Oleh itu akhlak yang dibina atas

dasar iman kepada Allah SWT beserta ilmu yang penuh di dada dapat membimbing mereka menuju jalan yang betul dan menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

6.5 Penutup

Setelah meneliti pendidikan Luqman melalui aspek ini terbukti bahawa keempat-empat aspek ini saling kuat menguatkan dan saling lengkap melengkapi. Dalam mengharungi kehidupan di dunia ini kita tidak dapat lari dari memahami dan mendalami serta mengamalkan saranan-saranan yang ditunjukkan Luqman al-Hakim. Kekuatan iman dan kekuatan ilmu agama yang diterapkan dalam diri anak didik dapat memandu diri mereka menjadi manusia yang bermanfaat kepada manusia lain. Kekuatan akal yang selari dengan kekuatan iman juga mampu melahirkan cendikiawan-cendikiawan yang ikhlas dan jujur dalam menyampaikan ilmu seterusnya menjadi pakar rujuk kepada orang lain. Kebijaksanaan Luqman dalam memberikan pengajaran kepada anaknya merupakan contoh yang sangat baik kepada para pendidik hari ini kerana apa yang terkandung di dalam Al-Quran itu sesuai digunakan pada setiap zaman merentasi masa kehidupan manusia di dunia ini. Pengajaran yang terdapat di dalam al-Quran tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan, ia merupakan mukjizat yang kekal sampai ke hari kiamat.

BAB TUJUH

RUMUSAN DAN CADANGAN

7.1 Rumusan

Secara amnya, kajian ini mengupas contoh-contoh pendidik yang baik serta peranan pendidik terhadap pelajarnya. Namun begitu, tajuk ini di pilih berdasarkan surah Luqman untuk memberikan satu pengkhususan dalam kajian ini. Kenapa surah ini dipilih? kerana walaupun Luqman al-Hakim hidup di zaman Nabi Daud dan kisahnya hanya diketahui melalui wahyu Allah SWT sebenarnya Luqman sendiri telah mendahului zamannya dan kisahnya serta kebijaksanaannya dalam mendidik anaknya dapat dijadikan panduan sehingga zaman nabi yang terakhir iaitu Muhammad Rasulullah SAW dan akan dijadikan panduan sehingga hari kiamat.

Luqman al-Hakim merupakan pendidik yang sejati yang sentiasa menekankan pendidikan kerohanian, hasil kajian ini mendapat bahawa pendidikan Luqman al-Hakim boleh dijadikan contoh dan panduan kepada para pendidik samada di sekolah atau di pusat pengajian tinggi kerana dengan pendidikan kerohanian yang mantap akan menjamin kebahagiaan hidup bukan sahaja hidup di dunia tetapi juga hidup di akhirat.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, beberapa kesimpulan dapat dibuat seperti berikut:

- i. Sifat peribadi contoh yang ditonjolkan oleh Luqman al-Hakim sendiri menunjukkan betapa pentingnya seseorang pendidik itu mempunyai ilmu dan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas sebagai pendidik.

Hasil kajian mendapati bahawa Luqman al-Hakim menepati ciri-ciri sifat seorang pendidik yang baik. Di antara sifat-sifat beliau ialah: Sering berbuat kebajikan, sentiasa bersyukur, tinggalkan perkara yang tidak berfaedah, memberikan pengajaran secara langsung dan tidak langsung samada melalui perbuatan dan tingkahlaku, sentiasa berhikmah, rendah diri, tegas, lemah lembut, mesra, sentiasa mengajak kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran, bercakap benar dan amanah. Semua ciri-ciri sifat ini boleh dicontohi oleh para pendidik supaya matlamat pendidikan akan tercapai. Jika para pendidik memiliki sifat yang berlawanan daripada sifat yang ada pada Luqman al-Hakim ini maka akan pincanglah institusi pendidikan. Apabila pincang institusi pendidikan maka pincanglah ummah dan negara.

- ii. Hasil kajian ini membentangkan tafsiran ayat-ayat nasihat dan bimbingan ayat 12 hingga 19 Surah Luqman. Manakala ahli-ahli tafsirnya terdiri dari mereka-mereka yang terkenal iaitu Ibnu Katsir melalui tafsir Ibnu Katsir, Mustafa Al-Maraghi dalam tafsir Al-Maraghi, Sayyid Qutb dalam *fi zilalil Quran*, Hamka dalam tafsir Al-Azhar, Wahbah Az-Zuhaili dalam tafsir Al-Munir, Imam Al-Qurthubi dalam tafsir Al-Qurthubi, Al-Maududi dalam *The Meaning of Al-Quran*, dan M. Quraish Shihab dalam tafsir Misbah. Ahli-ahli tafsir hebat ini menjelaskan bahawa pendidikan Rohani yang diterapkan oleh Luqman al-Hakim meliputi pendidikan keimanan, ilmu-ilmu al-Quran, ilmu targhib wa at-tarhib, ilmu sirah, cerita, dan nasihat yang baik.

iii. Pendidikan Luqman al-Hakim ialah pendidikan yang berasaskan ketaqwaan kepada Allah SWT. Terdapat 4 cabang pendidikan yang dibentangkan hasil dari kajian ini iaitu Pendidikan dari aspek Tauhid, Pendidikan dari Aspek Tarbiyah, Pendidikan dari aspek Sosial dan Pendidikan dari aspek Akhlak. Pendidikan dari aspek Tauhid pula terbahagi kepada dua iaitu pembinaan keimanan dan pembinaan ibadah. Pendidikan dari aspek Tarbiyah pula mengajarkan bagaimana membala jasa baik kedua orangtua dan dilarang mengikuti arahan orangtua yang menyalahi syarak. Pendidikan dari aspek sosial pula membentangkan bagaimana bergaul dengan masyarakat dengan larangan supaya tidak berlaku sombong. Seterusnya pekerjaan amar makruf nahi mungkar kepada orang di sekeliling adalah ditekankan kerana ia satu tanggungjawab yang wajib dan berat. Akhir sekali kajian ini membentangkan Pendidikan dari aspek Akhlak. Pendidikan akhlak ini pendidikan melalui contoh teladan, pendidikan membentuk sifat mukmin sejati dan menghargai fitrah kejadian manusia.. Pendidikan Luqman al-Hakim merupakan pendidikan yang mementingkan keseimbangan material (kebendaan) dan spiritual (kerohanian). Gabungan semua unsur ini akan membentuk satu model pendidikan yang cukup berharga dan tinggi nilainya. Model ini boleh dijadikan panduan dan petunjuk kepada semua pendidik kerana penerapan nilai-nilai yang baik dalam diri pelajar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang baik juga.

Melalui metodologi pendidikan, Luqman al-hakim menasihati dengan menyuruh supaya bersyukur kepada Allah dan meletakkan tauhid yang betul dan benar hanya kepada Allah SWT. Kemudiannya menghormati kedua orang tua dan mentaati kepada perkara yang tidak bertentangan dengan aqidah. Seterusnya mengetahui bahawa amal baik akan dibalas baik dan amalan buruk akan dibalas buruk. Perintah seterusnya ialah menunaikan solat dan melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar kerana tugas amar makruf dan nahi mungkar adalah tugas yang amat berat dan penting. Selepas memberi arahan, Luqman melarang supaya tidak bersikap sombang sesama manusia, tidak boleh berjalan tegesa-gesa dan tidak boleh meninggikan suara bila bercakap. Mengikut kronologi arahan dan larangan Luqman al-hakim ini ternyata beliau merupakan seorang yang bijaksana dan menyuruhnya dengan penuh hikmah.




Begitu juga sifat peribadi yang dipaparkan oleh beliau benar-benar boleh dicontohi oleh semua manusia di seluruh pelosok dunia dan di sepanjang zaman. Manakala tanggungjawab pendidik pula amat banyak dan amat berat, namun begitu orang-orang mukmin umpama kitab yang terbuka, menjadi guru kepada alam, mendidik penuh kasih sayang dan memiliki sifat mesra dan mudah dimesrai.

7.2 Cadangan

Kajian surah Luqman ini hanya menyentuh perkara yang berkaitan dengan Sifat Peribadi Luqman, Tafsiran ayat bimbingan dan nasihat dalam Surah Luqman oleh ahli-ahli tafsir dan Pendidikan Luqman al-Hakim dari aspek Tauhid, Tarbiyah, Sosial dan Akhlak.

Namun di sini penulis menyarankan supaya kajian selanjutnya dijalankan dengan lebih mendalam mengenai:

- i. Pendidikan tauhid mendahului pendidikan ibadah dan akhlak menurut Luqman al-Hakim.
- ii. Bagaimakah keseimbangan dari sudut spiritual dan material yang ditunjukkan oleh Luqman al-Hakim.
- iii. Apakah sumbangan besar seorang pendidik sehingga mampu melahirkan manusia hebat dalam akademik dan ko-kurikulum.
- iv. Luqman sebagai nama besar yang boleh dijadikan sebagai panduan dan idola dalam bidang pendidikan.
- v. Mewujudkan satu Institut Pemikiran Luqman al-Hakim.
- vi. Institut Perguruan dan Kementerian Pelajaran Malaysia bekerjasama menyediakan dana bagi melahirkan sarjana yang mampu mencungkil khazanah yang berharga dalam bidang pendidikan dan tarbiyah.



Universiti Utara Malaysia

Melalui kajian ini adalah disarankan supaya pengakaji seterusnya dapat melihat dan mengambil sumbangan kajian ini terhadap individu, masyarakat dan negara supaya memperkemaskan lagi bidang pendidikan di masa akan datang.


7.3 Penutup

Kupasan dan huraian dari ulama-ulama yang menafsirkan ayat-ayat Al-Quran telah banyak memberikan pengajaran yang baik kepada umat manusia. Melalui tajuk kajian ini penulis telah menemui apa yang sepatutnya setiap pendidik ketahui.

Bergelar seorang guru atau pendidik bukanlah semata-mata mengejar kemasyhuran, tetapi seseorang pendidik menggalas tanggungjawab yang amat besar di hadapan Allah SWT. Mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu kepada para pelajar, malah menjadi contoh yang terbaik untuk membentuk jati diri pelajar sebagai manusia yang berguna di masa hadapan.

Pelajar yang berjaya menjadi aset sesebuah negara, ia juga menjadi kayu ukur kehebatan pendidikan yang dicernakan dalam diri mereka. Pendidik adalah pemangkin, penggerak dan pejuang yang tidak pernah luntur semangatnya. Melihat anak-anak pelajarnya yang sudah menjadi manusia hebat, itulah hadiah yang paling besar yang paling menggembirakan hati seseorang pendidik.

Mudah-mudahan kajian yang kerdil ini dapat memberikan manfaat yang tidak sedikit kepada pengkaji-pengkaji yang akan meneruskan kajian ini.



BIBLIOGRAFI

- Al-Quran al-Karim.(t.th).Quran in word.Ver 1.2.0
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1998). *Guru Perlu Tingkatkan Kemahiran Mengurus.* (t.tp) Utusan Malaysia.
- Abdul Fatah Hasan. (2003). *Pengenalan Falsafah Pendidikan*.Pahang:PTS publications & distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah. (1996). *Pendidikan Al-Quran Membina Minda Dan Jiwa Yang Cemerlang*. Kuala Lumpur : Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Abdullah Al-Amin Al-Na'miy. (1994). *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad bin Ahmad. (2003). *Pendidikan dan Perpaduan Nasional Di Malaysia:Satu Penilaian Keberkesanan Program Sekolah Wawasan Berdasarkan Pelaksanaan Di Sekolah Model*. t.tp.: t.pt.
- Ahmad Hasan Mohd. Nazam. (2009). *Wasiat Lugman Al-Hakim*. : Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Ahmad Hatta Ma. (2009). *Tafsir Quran Perkata* . t.tp.: Maghfirah Pustaka.
- Ahmad Syarifuddin. (t.t) . *Mendidik Anak Membaca, Menulis dan Mencintai Al-Quran*. t. tp : Synergy Media.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1998), *Lima Paksi Al-Quran Karim* .Terj. Terengganu : Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1994). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al- Quran*. Terj. Muhammad Rivai Batu Bara. Petaling Jaya Selangor : Terbitan ABIM.
- Ali 'Isa, Ibrahim 'Ali as-Sayyid. (2010) , *Hadis-hadis dan Atsar Yang Menjelaskan Tentang Keutamaan Surah-surah Al- Quran*.Terj. Jakarta : Sahara Publishers .
- Al-Khairi al-Latiffi. (2007). *Al-Wafi Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*.Kuala Lumpur: Al- hidayah Publishers.
- Al-Qarni, Aidh bin Abdullah. (2005) *Al-Quran Menjadikan Hidup Lebih Bererti*. Terj.
- Al-Quranul Karim dan Terjemahannya Jakarta 1971.
- Al-Wahidi, Imam Hasan bin Ahmad. (2003). *Asbabun Nuzul*. Kaherah : Darul Hadis.

- Ammar Fadzil. (2007). *Anatomi Al-Quran Mengenai Ilmu, Sejarah dan Kandungan Al-Quran*. Selangor : PTS Islamika.
- An Nahlawi, Abdurrahman. (1995). *Pendidikan Islam Di Rumah, Sekolah Dan Masyarakat*. Jakarta : Gema Insani Press.
- Anis Matta. (2009). *Delapan Mata air Kecemerlangan*. Jakarta : Tarbawi Press.
- Ash Shanqiti, Al- Mukhtar Ahmad Mahmud.(2001) *Atturjuman Wad Dalil Liayati Tanzil*. Beirut Lebanon : Alam al-Kutub.
- Ash-Shabuni, Muhammad Ali. (2007). *Sejarah dan Dasar Pengajian Ilmu Al-Quran*. Terj. Kuala Lumpur : Al-Hidayah.
- Atan Long. (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan . (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional & Publishing Sdn.Bhd
- Coombs, Bryan. (2009). *Mengajar Secara Efektif*. Terj. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Drs. Hendayat Seotopo & Drs Wasty Soemanto. (1986). *Pembinaan dan Pengembangan Kurikulum*. Jakarta : Penerbit BINA AKSARA
- Ee Ah Meng . (1988). *Pendidikan di Malaysia Untuk Guru Pelatih*. Petaling Jaya: Fajar.
- Elmes, D.G. Kontowicz, B.H dan Roediger,H.L . (2003) *Research Methods In Psychology*. Canada : Thomson Wadsworth
- H.Luqman Hakim. (1990) . *Mukjizat Nabi-Nabi*. Johor Bahru: Bismi Publishers.
- Hassan Langgulung. (1991). *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21*. Shah Alam : HIZBI Sdn. Bhd.
- Hassan Langgulung. (1991). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur :Percetakan Sufi..
- Imam Al-Ghazali. (t.t). *Wasiat Imam Al-Ghazali : Minhajul Abidin* , t.tp.: Victoria Agencies.
- Imam Al-Ghazali. (1993). *Bimbingan Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd
- Imam Al-Ghazali. (2007). *Ihya'Ulumuddin* Jilid 3 (Terj) . Singapura : Pustaka nasional.

- Ismail Yusoff. (2001). *Pengenalan Sains Sosial*. Sintok Kedah : Penerbit Universiti Isu-isi Pendidikan Tamadun Islam. Bangi: PPU UKM .
- K.H.Q. Shaleh,H.A.A Dahlan & Drs. M.D.Dahlan. (t.t). Selangor. Malaysia : Klang.
- Kamaruddin Abu & Ee Ah Meng. (1995). *Guru Dan Perkembangan Negara*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Kerlinger,F.N. (1992). *Foundations Of Behavioral Research (Third Edition)*. Kuala Lumpur: t.pt.
- Mansor Ahmad Saman, Ramli Mohamed & Shawaluddin Anis. (1994). *Pengantar Komunikasi, Siri Edisi Awal* . P.Pinang) : Penerbit USM.
- Miqdad,Yaljan. (1986). *Peranan Pendidikan Akhlak Dalam Pembangunan peribadi masyarakat dan budaya manusia*.Terj.Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohamad Khalifa. (1994). *Al-Quran dan Orientalisme* .Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohamad Shatar Sabran,Jasni Sabri dan Azali Mohamad. (2006). *Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri & Sahffe Mohd. Daud. (2010). *Karakter guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*.KL :Utusan Publications & Distributors.
- Mohd. Syamil Mohd. Yusuf .(2010). *Hebatnya Al-Quran jika kamu Berfikir*. Malaysia: mustread Sdn. Bhd.
- Mohd.Yusuf bin Hj.Othman. (1995). *Pendidikan Islam Antara Realiti dan Harapan.moralitas dalam kisah-kisah Al-Quran*. Jakarta: Paramidana.
- Muhammad A. Khalafullah. (2002). *Al-Quran bukan 'KITAB SEJARAH' seni, sastra dan seni, sastra dan moralitas dalam kisah-kisah Al-Quran*. Paramidana ; Jakarta,
- Muhammad Hamid al-Afendi & Nabi Ahmed Baloch . (1990) .Terj. *Kurikulum dan Pendidikan Guru* . : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Muhammad Kamil Abushshamad. (2003). *Mukjizat Ilmiah Dalam Al- Quran*. Jakarta : Akhbar Media Eka Sarana.
- Muhammad Qutb. (1996). Terj. Yusoff Zaki Yacob, *Memahami Jiwa Manusia Memurut Perspektif Islam*. Kelantan: Dian Darulnaim Sdn.Bhd.
- Muhammad Rasyid Ridha. (1984). *Wahyu Illahi Kepada Muhammad*. Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd.

- Muhammad Salih Samak. (1983). *Ilmu Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mustafa Masyhur. (1985). *Bekalan Di Dalam Perjalanan Dakwah*. Terj : Mohd. Tahir Daeng Mengati) : Pustaka Salam : Kuala Lumpur.
- Nik Aziz Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas teori dan praktik*. : Kajang Selangor : Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.
- Noraine Abu. (2008). *Al-Quran Mukjizat Yang Terbesar Nabi Muhammad saw*. Al-Hidayah Publication : Kuala Lumpur.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Guru dan Perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nurulbasri. (1991). *Himpunan Cerita-Cerita Wanita Dan Laki-Laki Dalam Al-Quran Dan Hadis. Kisah-kisah Benar -11*. Kuala Lumpur : Syarikat Nurulhas.
- Omar Mohd. Hashim (1993). *PENDIDIKAN Persoalan, Penyelesaian dan Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Lugman* .t.pt: t.pt
- Omar Mohd. Hashim. (1999). *Pengisian Misi Pendidikan. Pendidikan Guru* . : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qardhawi,Yusuf. (1999). *Berinteraksi dengan Al-Quran*. (Terj).Jakarta: t.pt
- Qardhawi,Yusuf. (1986), *Sistem Pendidikan Ikhwanul Muslimin*, Johor Baru, Malaysia.
- Ridha, Syed Mohd. Rashid. (t.th.) .*Wahyu Suci Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW* .Terj. Terengganu : Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- Robiah Sidin. (1998).*Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rosnah Selamat. (1995).*Pengurusan Kurikulum Sekolah Menengah dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. UUM : Sintok.
- Shahabudin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub, Mohd. Zohir. (2003). *Pedagogi Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan* . Bentong Pahang Darul Makmur : PTS Sdn. Bhd.
- Sharif Hade Masyah. (2008). *Menjadi Ibubapa Genius Berdasarkan Nasihat Luqman al-Hakim Seorang Tokoh Keibubapaan yang Disebut Allah di dalam Quran*. Kuala Lumpur : PTS Millenia Sdn. Bhd.

- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam : Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sulaiman Md. Yassin, Mohd. Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar. (2002). *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam : Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Syaikh Abdul Hamid Jasim Al-Bilali. (2009). *Seni Mendidik Anak*. Terj. Jakarta Timur : Al-I'tishom Cahaya Umat.
- Syaikh Mahmud bin Ahmad bin Shahih Al-Dosai. (2006). *Keagungan Al Quran Al-Karim*. Riyad : Darussalam
- Thabathaba'i, Sayyid Muhammad Husain. (1992). *Inilah Islam Upaya Memahami Konsep Islam Secara Mudah*. Terj. t.tp : Pustaka Hidayah.
- Ulwan, Abdullah Nasih. (1998). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam(Jilid 2)* .Terj. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Yahya, Harun. (2004), *Memilih Al-Quran Sebagai Pembimbing Keutamaan Doa dan Doa Para Nabi dalam Al-Quran*.Terj. Surabaya: Risalah Gusti .



KITAB TAFSIR

- Ahmad Mushtafa al-Maraghi. (1989). *Terjemah Tafsir Al-Misbah*. Semarang Indonesia: CV Tohaputra
- Ahmad Sonharji Mohamad. (1992). *Tafsir Al-Quran ('Ibrul 'Asir)Tafsir Al-Quran di Radio*. Pustaka Al- Mizan : Kuala Lumpur.
- Az-Zuhaili, Wahbah. (1991). *At-Tafsir Al-Munir Fil Aqidah wasy syariah wal manhaj*. Damsyik : Darul Fikir.
- Dr. Ahmad Hatta Ma. (2009). *Tafsir Quran Perkata* : Maghfirah Pustaka
- Hamka, Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah. (1981). *Tafsir Al-Azhar*. Surabaya : Yayasan Latimojong.
- Ismail bin Kathir. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir* (Terj). Victory Agencie : KualaLumpur.
- M.Quraish Shihab. (2003). *Tafsir Misbah Volume 2*. Jakarta : Lantera Hati Masyarakat. Jakarta : Gema Insani Press.
- Maududi, Abul A'la. (1982). *The Meaning of Al-Quran Vol X*. Lahore – Pakistan: Islamic Publication Ltd.
- Muhammad Ali Ash-Sabuni. (2000). *Cahaya Al-Quran. Tafsir Tematik Surah Baqarah dan Surah Al-An'am* .t.tpt: t.tpt.
- Sayyid Qutb Rahimahullah. (2000) . *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*. Terj : Yusoff Zaky Hj. Yaakob. Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Shaikh Imam Al-Qurtubi. (2009). *Tafsir Al-Qurtubi*. Terj. Fathurrahman, Abdul Hamid, Dudi Rosyadi,Marwan Affendi. : Jakarta: Pustaka Azzam.

ENSIKLOPEDIA

- Abdul Aziz bin Fathi as-Sayyid Nada. (2007). *Ensiklopedi Adab Islam Menurut Al-Quran*. Jakarta : Pustaka Imam As-Syafie.
- Al-Asqalani, Ibnu Hajar. (2009). *Ensiklopedi Anjuran dan Larangan Mukhtasar Targhib wa Tarhib*. Terj. Jakarta: Pustaka As-Sunnah.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. (2008). *Ensiklopedi Muslim Minhajul Muslim*. Jakarta : Darul Falah.
- Bahjat, Ahmad. (2007). *Ensiklopedi Nabi-Nabi Allah*. Terj. Jogjakarta : Al-Manar.
- Hassan Basri bin Awang Mat Dahan. (2000). *Ensiklopedia Islam Safir*. KL: DBP.
- Rohidzir Rais , Fuad Ismail, Mohd. Wahid Abd. Hanif. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (2003). *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*. Era Visi Cheras Selangor : Publication Sdn. Bhd.



TESIS SARJANA

- Abdul Rashid Ahmad. (1991). *Surah Luqman : Satu Analisa Tentang Asas-Asas Pendidikan Luqman Dan Hubungannya Dengan Pendidikan Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Sarjana Pengajian Islam . Bangi.
- Arifirmansyah (2007). *Nilai-nilai Pendidikan Dalam Surah Luqman Analisis Surah Luqman ayat 12-19*. Fakulti Tarbiyah UIN Malang. Indonesia.
- Hashim bin Haji Bedu, 1Khairulhelmi bin Katip, 2Mohd Fahmi bin Mohd Sahid,3Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor (t.th),*Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga ; Isu dan Cabaran hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai 81310 Johor Bahru.
- Jamil Basuri. (1997). *Penentuan Guru Yang Baik Berdasarkan Kepada Faktor Latar belakang Guru*. Tesis Sarjana. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Yusri Affandy Md. Isa. (2012). *Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran Al-Quran : Tumpuan Khusus Pada Ayat-Ayat Yang Mengandungi Kalimah Pengertian Taqwa Di Dalam Surah al-Baqarah, Tafsir Al-Azhar*. Sarjana Sastera (Pengajian Islam) UUM : Changlun.Kedah.
- Prof. Dr. Abdul Halim Mat Diah. (1987) *Islam dan Demokrasi Pendidikan*.Tesis Sarjana. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rosnaaini Hamid; Surahanim Abdullah,Syahrul Faizaz Abdullah. (2004). *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman*. UUM :Sintok.
- Rosnaaini Hamid. (2010) . *Adab -adab Suluk Shaykh Abdul Wahab Rokan : Penilaian Kritis Ke Arah Mengadaptasi Bagi Pembentukan Akhlak Masyarakat*. Tesis Doktor Falsafah. UKM : Bangi.
- Wan Nurulhuda binti Wan Jusoh (2011). *Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Zahid Wan Mohd. Nordin. (1995). Bahagian Pendidikan Guru Tesis Sarjana Sains Pengurusan Zaiton bt. Shahidan.(2001). *Satu Kajian tentang hubungan Pengurusan Kurikulum Dengan Prestasi Akademik Dalam Organisasi Pendidikan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Yahadi bin Yasli. (1998). *Perkaitan Di Antara Keadaan Tempat Kerja Dengan Komitmen Guru*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia

JURNAL

Ariffin Mamat & Adna Abd Rashid (2013). *Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan*. Jurnal Pendidikan Sains dan Kemanusiaan 6(2) November 2013.

Barsihannor (2014). Strategi dan Pendekatan Pendidikan. *Telaah terhadap konsep Pendidikan Luqman Al-Hakim*. *Jurnal Adabiyah Vol XIV Nombor 2/2014*.

Khairani Zakariya, Suhaila Abdullah & Md Saufi Abdul Hamid (2013). *Methods On Moral Development Of Teenagers By Luqman Al-Hakim : Application In Religius School Programs*. Jurnal of Education and Learning. Vol 7 (2) pp. 75-84.

Sardiman, A.M (2006). *Telaah Model Pendidikan Luqman Al-Hakim di Dalam al-Quran*. Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran. Vol. 4, No.2. September 2006. 101-202.

